



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 1985]  
Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 1985]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1987]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 2039]**

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:**  
Kebakaran di Port Kelang [Ruangan 2039]

**USUL-USUL:**

Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960 [Ruangan 2041]  
Jawatankuasa Pilihan Parlimen—Mengkaji Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran [Ruangan 2045]

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

Pemimpin-pemimpin politik dihalang menghantar anak-anaknya ke seberang laut untuk pelajaran [Ruangan 2096]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

**Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**

**Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

**Yang Berhormat** Menteri Pengangkutan, **DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

” Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**

” Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

” Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**

” Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

” Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

” Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

” Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

” Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

” Menteri Penerangan, **DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).**

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Bestut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun Langkawi).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Tuan Mak Hon Kam, J.M.N., A.M.P.  
(Tanjung Malim).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO’ MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” Tuan ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.N., S.P.M.J, S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K, J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungei Besi).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESSEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR. HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).

Yang Berhormat TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (KOTA Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling)
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., (Alor Setar).
- ” TUAN PATRIK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N, P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).

Yang Berhormat TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang)

- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau)
- „ TUAN HAJI SUHAIMI DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (LAMBIR).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR. TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR. WONG SOON KAI, P.B.S. (SIBU).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 9hb Jun, 1980

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG  
DI-PERTUA

## MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah berkenan Baginda telah mempersejukkan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1978) 1980;
2. Akta Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1980;
3. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1980;
4. Akta Perubatan (Pindaan) 1980;
5. Akta Jururawat (Pindaan) 1980;
6. Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1980;
7. Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1980;
8. Akta Elektrik (Pindaan) 1980;
9. Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980; dan
10. Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) (Pindaan) 1980.

**PERUTUSAN DARIPADA  
DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang

menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

"15hb April, 1980.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah memersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978);
2. Rang Undang-undang Kumpulanwang Bekalan Air Negeri (Tatacara Kawangan dan Perakaunan);
3. Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Jururawat (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan);
10. Rang Undang-undang Dagangan Komoditi;
11. Rang Undang-undang Penghitungan Semula Pencen;
12. Rang Undang-undang Elektrik (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan); dan
14. Rang Undang-undang Filem Wayang Gambar (Penapisan) (Pindaan).

(Tandatangan)

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA."

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### PERUNDINGAN PERDANA MENTERI MALAYSIA/PRESIDEN SUHARTO

**1. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada sebarang perundingan telah dibuat di antara beliau dan Presiden Suharto dari Indonesia di Kuantan baru-baru ini;
- (b) sama ada kedua-dua Malaysia dan Indonesia kini sudah bersedia untuk menghadapi sebarang pencerobohan dari Vietnam/Kampuchea sekiranya mereka menyerang negara-negara jiran kita; dan
- (c) sama ada sebarang keputusan telah dibuat di dalam mesyuarat tersebut supaya ianya boleh dikemukakan di Mesyuarat Ketua-ketua Negara ASEAN pada suatu masa nanti.

**Perdana Menteri (Dato Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan (a), Presiden Suharto dan saya telah menyentuh dan bertukar-tukar fikiran berkenaan dengan:

- (i) Masalah di Kampuchea
- (ii) Cadangan Thailand mengenai mengadakan pasukan pemerhati Bangsa-bangsa Bersatu di sempadan Thailand/Kampuchea
- (iii) Masalah di Filipina Selatan
- (iv) Masalah di Afghanistan
- (v) Peta Baru yang dikeluarkan oleh Malaysia.

Perundingan kami banyak menumpukan kepada masalah di Kampuchea. Presiden Suharto dan saya berpendapat bahawa usaha-usaha perlu ditingkatkan lagi untuk mencapai penyelesaian politik secara aman. Kami berpendapat satu daripada jalan-jalan mendapatkan penyelesaian itu ialah bahawa Vietnam mestilah bebas dari pengaruh Russia dan kebimbangannya terhadap China.

Berkenaan dengan cadangan Thailand supaya diadakan pasukan pemerhati Bangsa-bangsa Bersatu di sempadan Thailand/Kampuchea, kami berdua bersetuju dengan cadangan itu.

Berkenaan dengan masalah di Filipina Selatan, kami mengalu-alukan usaha Pertubuhan Negara-negara Islam mendapatkan kedua-dua pihak, iaitu Kerajaan Filipina dan Moro National Liberation Front menyambung semula perundingan.

Berkenaan dengan masalah di Afghanistan, kami berdua menegaskan lagi sokongan resolusi-resolusi Persidangan Agong Bangsa-bangsa Bersatu dan Mesyuarat Khas Negara-negara Islam meminta pengunduran Tentera asing dari Afghanistan dan hak rakyat Afghanistan menentukan masa depan mereka.

Berkenaan dengan Peta Baru yang dikeluarkan oleh Malaysia, kami berdua bersetuju menyelesaikan apa-apa masalah yang berbangkit daripadanya melalui perundingan.

Berkenaan dengan soalan (b), Malaysia telah menerangkan bahawa jika keselamatan Thailand terancam, keselamatan Malaysia akan terancam juga. Oleh yang demikian, Malaysia telah dan akan membuat perediaan yang sewajarnya.

Berkenaan dengan soalan (c), kami berdua tidak ada membuat apa-apa keputusan mengenainya.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini sama ada perjumpaan berhasilmnya Formula Kuantan ini telah membawa selisih faham di antara ASEAN khususnya mengenai Formula Kuantan ini adalah bercanggah dengan ketetapan yang telah diambil di dalam Bangsa-bangsa Bersatu dan juga telah menimbulkan satu salah faham di antara negara-negara ASEAN khususnya Singapura mengenai Formula Kuantan yang disebutkan tadi? Bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan ini apakah tindakan telah diambil untuk menyelesaikan masalah salah faham yang berpunca dari Formula Kuantan itu?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, tiada salah faham. Bila kami berdua, iaitu Presiden Suharto dan saya memberi pandangan dan mengemukakan yang dikatakan Formula Kuantan itu, Formula itu tidak bercanggah dengan keputusan yang diambil oleh ASEAN dan Bangsa-bangsa Bersatu, begitu juga EEC dan ASEAN berkenaan dengan Kampuchea. Ini bolehlah dikatakan cara kita hendak mencari penyelesaian di

Kampuchea dengan cara Vietnam bebas daripada pengaruh Russia dan juga kebimbangannya terhadap China.

Berkenaan dengan Formula ini, tidak ada juga salah faham di antara Malaysia dengan Indonesia dan Singapura. Semasa saya melawat Singapura, Perdana Menteri Lee Kuan Yew telah menerima dan faham berkenaan dengan Formula itu dan cuma yang ada keraguan pada dirinya ialah bagaimana hendak mencapai tujuan dan maksud Formula Kuantan itu. Masalah mendapatkan penyelesaian mengikut Formula itulah yang disebutkan sebagai "\$64 billion dollar question".

**Tuan Yang di-Pertua:** Formula Kuantan ini timbul juga daripada soalan No. 3.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan setakat manakah kemajuan yang telah dicapai untuk memajukan cadangan mengadakan pasukan pengawal di sempadan Kampuchea/Thailand?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini adalah di luar daripada soalan asal.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan kepada Dewan ini iaitu semasa perbincangan dengan Presiden Suharto di Kuantan mengenai masalah Afghanistan adakah dibincangkan mengenai kemungkinan kedua-dua Kerajaan itu iaitu Malaysia dan Indonesia memberi sokongan material kepada pejuang-pejuang Islam di Afghanistan jika sekiranya Russia tidak mengindahkan pandangan umum dunia untuk mengundurkan tenteranya dari Afghanistan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam soal asal Afghanistan tidak ada tetapi dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ada menyebutkan. Jadi kalau ada hendak dibincangkan, sila.

**Perdana Menteri:** Berkenaan dengan memberi bantuan sahaja.

## LESEN MEMANDU KERETA— BAYARAN

2. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mengadakan kemudahan pembayaran lesen pemandu kereta motor di tiap-tiap daerah umpamanya sekurang-kurangnya sebulan sekali ataupun melantik pejabat-pejabat pos Daerah untuk menjadi wakil bagi pembayaran lesen pemandu kereta motor tersebut. Jika ya, bila dan kalau tidak, kenapa.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, cadangan bagi mengadakan kemudahan pembayaran lesen memandu kereta di daerah-daerah dari satu masa ke satu masa dan begitu juga cadangan melantik pejabat-pejabat pos di daerah-daerah untuk menjadi wakil menerima pembayaran lesen memandu kereta telah ditimbang sejak beberapa tahun yang lepas.

Bagi cadangan yang pertama, keputusan telah dibuat bagi mengadakan pejabat cawangan dan pejabat kecil di beberapa tempat mengikut keperluan di satu-satu tempat itu. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat Jabatan Pengangkutan Jalan akan membeli bangunan-bangunan yang telah siap atau menyewa bangunan-bangunan untuk dijadikan pejabat-pejabat kecil bagi memberi perkhidmatan pembayaran lesen-lesen memandu kereta motor dan pembayaran cukai jalan (road tax).

Berkenaan dengan cadangan yang kedua pula, cadangan ini didapati tidak praktikal sebab berlainan daripada membayar lesen radio atau televisyen di pejabat-pejabat pos, pembayaran lesen memandu kereta ada kalanya terpaksa dirujuk kepada fail-fail berkenaan dan fail-fail ini tidak dapat dibekalkan kepada tiap-tiap pejabat pos. Oleh itu pembayaran lesen memandu di pejabat pos tidaklah dapat dilaksanakan.

## RUMUSAN ASEAN MENGENAI KAMPUCHEA

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah yang Malaysia bercadang untuk berbuat bagi menyelesaikan soal kelembapan dalam melaksanakan

rumusan ASEAN yang ditaja oleh Bangsa-bangsa Bersatu untuk menghentikan pertikaian Kampuchea dan dalam apa cara perbincangan-perbincangan beliau dengan Menteri Luar Negeri Vietnam baru-baru ini memberi faedah supaya terlaksananya rumusan Bangsa-bangsa Bersatu itu dan adakah Formula Kuantan dibangkitkan dalam perbincangan dan apakah tindakan-balasnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sepertimana negara-negara ASEAN yang lain bertindak selaku daya penggerak dan pihak yang aktif membawa resolusi di persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai keadaan di Kampuchea.

Resolusi tersebut telah mengecam pencabulan, keutuhan dan kedaulatan wilayah Kampuchea serta menyeru pengunduran tentera-tentera asing dari bumi Kampuchea untuk rakyat Kampuchea menentukan masa depan mereka sendiri tanpa campurtangan dari kuasa-kuasa asing. Semenjak resolusi itu diterima kita telah berusaha bersungguh-sungguh dan sedaya upaya kita untuk menjadikan resolusi tersebut kepada satu tingkatan demi untuk keamanan dan kesetabilan di rantau Asia Tenggara ini.

Dalam konteks ini kita selalu malah kerap kali mengadakan rundingan yang erat dengan negara-negara ASEAN yang lain dan negara sahabat lain termasuk negara-negara berkecuali serta Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk terus mencari jalan dan cara-cara yang dapat menyegerakan pelaksanaan resolusi itu tadi. Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia sedar, pencapaian resolusi tersebut memerlukan kerjasama dan sokongan tiap-tiap pihak yang terlibat dalam pertikaian itu. Oleh sebab itu Yang Mulia Menteri Luar Malaysia telah mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar fikiran baru-baru ini dengan Menteri Luar Vietnam, Encik Nguyen Co Thach mengenai perkara tersebut di atas tadi. Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Malaysia telah mengemukakan Prinsip Kuantan kepada Menteri Luar Vietnam ketika membentang masalah persaingan kuasa besar antara China/Soviet di Indo-China. Dengan ini dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa Vietnam tidak menolak Prinsip Kuantan tetapi telah menyatakan perlunya prinsip tadi meliputi juga Amerika Syarikat.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, tadi Setiausaha Parlimen ada mengatakan bahawa negara Malaysia dengan negara-negara ASEAN yang lain berbuat sedaya upaya untuk melaksanakan rumusan ASEAN. Di sini suka saya bertanya kepada Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa nampaknya tidak banyak kemajuan yang telah dicapai setakat ini mengenai perlaksanaan rumusan ASEAN, dan jika beliau sedar, saya suka bertanya sama ada Kerajaan Malaysia bercadang untuk mengambil inisiatif supaya satu sidang kemuncak negara-negara ASEAN dapat diadakan untuk membincangkan masalah ini?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu faham bagaimana Yang Berhormat tadi menyatakan langkah-langkah yang kita sedang ambil tidak berkesan. Kita perlu ingat bahawa kita adalah negara kecil dan sesuatu yang hendak kita jalankan hendaklah melalui perundingan dan jikalau kita kaji dari apa yang telah kita laksanakan setakat hari ini memang kita menolak ke arah yang boleh menjayakan sesuatu matlamat yang kita kehendaki. Kita lihat macam lawatan Menteri Luar Negeri kita ke Hanoi membincang masalah itu macam ASEAN-EEC pada bulan Mac, lawatan Presiden Suharto berhubung dengan Formula Kuantan, lawatan Perdana Menteri Thailand, lawatan Menteri Vietnam yang datang sendiri ke sini berbincang dengan Menteri Luar kita dengan Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri sendiri, lawatan Dato' Perdana Menteri ke Singapura dan langkah-langkah yang lain lagi yang mana semua ini merupakan suatu kebenaran ke arah kejayaan. Dan pada hemat saya berhubung dengan soalan yang kedua sama ada kita patut adakan Sidang Kemuncak sebagaimana yang ditanya tadi, saya rasa tidaklah begitu penting pada masa ini kita mengadakan perbincangan peringkat sidang kemuncak.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa dari kenyataan Menteri Luar Vietnam telah menyatakan dengan jelasnya mereka tidak akan mengundurkan tenteranya daripada Kampuchea? Ertinya, mereka tidak akan menerima resolusi Bangsa-bangsa Bersatu dan ASEAN. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Malaysia untuk

mengawasi satu strategy yang sedang dipermain-mainkan oleh Vietnam untuk memecah belahkan perpaduan di antara negara-negara asing umpamanya melalui . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah beri umpama, panjang sangat . . . . .

**Tuan Chan Teck Chan:** Umpamanya Formula Kuantan adalah satu caranya.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah bincangkan tadi berhubung dengan Formula Kuantan. Dan Formula Kuantan ini sebenarnya ialah tambahan, bukan penggantian (substitute) kepada keputusan Resolusi 34/22 Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu. Jadi saya rasa buat masa ini perundingan sahaja perlu diadakan oleh sebab pada pandangan kita, sungguhpun ada percanggahan pendapat, tetapi ini bukan bermakna kita tidak dapat berunding. Kalau berunding kerap kali, mungkin suatu masa pertemuan atau convergence of ideas akan timbul. Inilah yang kita harapkan.

#### TARAF PERINTIS KEPADA KILANG-KILANG

4. **Tuan Au How Cheong** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat ini:

- (a) berapakah bilangan kilang-kilang yang telah diberi taraf perintis dengan syarat bahawa semua atau peratusan-peratusan tertentu keluarannya harus dieksportkan; dan
- (b) berapakah bilangan kilang-kilang ini tidak mematuhi syarat ini tetapi masih menikmati keistimewaan di bawah taraf perintis itu.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) sejak tahun 1971 hingga bulan April, 1980 sejumlah 1,187 projek perindustrian telah diluluskan dengan taraf perintis oleh Kerajaan. Daripada projek-projek itu 588 atau 49.5% telah dikenakan syarat supaya mengeksport lebih daripada 50% dari pengeluaran mereka. Ini termasuk 436 ataupun 36.7% projek yang telah disyaratkan

supaya mengeksportkan lebih daripada 8% dan 160 atau 13.5% disyaratkan supaya mengeksportkan kesemua pengeluaran mereka.

- (b) Sehingga 30hb April, 1980 bilangan kilang-kilang yang tidak mematuhi syarat eksport yang telah dikenakan adalah sebanyak 41 buah sahaja iaitu 3.5% daripada jumlah projek yang diberikan taraf perintis.

**Tuan Au How Cheong:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya oleh kerana terdapat 41 buah kilang yang tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan itu adakah mereka masih menikmati kemudahan-kemudahan istimewa yang diberi itu.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, 41 buah daripada kilang itu menghadapi kesukaran untuk memasarkan barang-barang ini di luar negeri dan separuh daripadanya telah diberi kelonggaran dan taraf perintis dilanjutkan.

#### ZON EKONOMI EKSKLUSIF

5. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Undang-undang menyatakan isi kandungan zon ekonomi 200 batu yang diisytiharkan baru-baru ini, apakah reaksi telah dipertunjukkan oleh negara-negara ASEAN khususnya dan dunia amnya, sila nyatakan negara-negara yang mempertikaikan pengisytiharan zon ekonomi tersebut dan apakah tindakan telah diambil untuk menyelesaikannya supaya segala tuntutan dan pertikaian yang akan membawakan kemungkinan ketegangan suasanya di Rantau ini dapat dielakkan.

**Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, pada 25hb April, 1980 Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dengan rasminya mengisytiharkan Zon Ekonomi Eksklusif yang mana sekiranya diizinkan oleh keluasan lautan boleh meliputi sehingga 200 batu nautika dari garisan tapak dan daripada lebar perairan wilayah kita patut ukur. Lebarnya Zon ini bergantung kepada luasnya kawasan laut berdampingan dengan pantai kita. Dengan pengisytiharan ini yang telah diwartakan sebagai P.U. (A) 115 bertarikh 25hb April, 1980 Malaysia sekarang sepatutnya bolehlah mempunyai hak kedaulatan bagi maksud

mencari dan mengeksploit, memelihara dan menguruskan sumber alam perairan sama ada yang hidup ataupun bukan, khususnya ikan-ikan di dalam lingkungan Zon Ekonomi Eksklusif seperti pengeluaran tenaga dari air, arus dan angin.

Selain daripada itu, Malaysia bolehlah menjalankan bidang kuasanya mengenai penyelidikan sains laut, pemeliharaan alam sekitar laut, dan mengada serta menggunakan pulau-pulau buatan, pasangan dan binaan. Sehingga tahun ini belum ada tindak tanduk dari negara ASEAN atau komuniti antarabangsa. Pengisytiharan kita adalah selaras dengan undang-undang antarabangsa dan amalan negara. Oleh kerana pengisytiharan kita adalah sejajar dengan amalan negara maka tidak ada bantahan daripada mana-mana negara setakat ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini jika saya tidak silap bahawa pihak Thailand khasnya daripada perusahaan perikanan ada menyatakan masalah yang mereka akan hadapi kerana adanya pengisytiharan itu? Dan juga dari Indonesia kerana ada sebahagian kawasannya ada terpengaruh kerana Zon Ekonomi 200 batu itu. Bagaimanakah caranya telah diambil untuk mengatasi masalah itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata setakat ini tidak ada negeri yang buat bantahan. Adakah hendak tambah lagi?

**Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan, ada pandangan bukan dibuat oleh Kerajaan Thailand bahkan oleh seorang pegawai Perikanan negeri Thailand dan oleh kerana ini adalah pandangan seorang pegawai, kita anggap ini bukanlah bantahan ataupun teguran daripada Kerajaan Thailand.

Berkenaan dengan Indonesia tadi ini berbangkit daripada peta baru yang dikeluarkan dan diisytiharkan oleh Malaysia. Bukan berkenaan dengan Exclusive Economic Zone ini, tidak. Bantahan itu ialah berkenaan dengan peta baru (the new map) yang diisytiharkan oleh Malaysia baru-baru ini.

## LEMBAGA PERPADUAN NEGARA

6. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membubarkan Lembaga Perpaduan Negara yang kini telah pun menjadi "defunct" dan jika tidak menyatakan kesulitan-kesulitan yang timbul dalam memenuhi jawatan Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara berikutan kematian Tun V. T. Sambanthan.

**Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat bagi Ahli Yang Berhormat itu menyatakan bahawa Lembaga Perpaduan Negara kini telah menjadi "defunct". Sebenarnya walaupun selepas kematian mendiang Tun V.T. Sambanthan, Lembaga Perpaduan Negara terus menjalankan aktiviti-aktivitinya seperti biasa. Jadi soal pembubarannya tidak timbul sama sekali. Sebaliknya Lembaga Perpaduan Negara telah dicantumkan dengan Urusetia Rukun Tetangga di bawah satu pentadbiran yang sekarang dikenali dengan Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jawatan Pengerusi Kerja tidaklah lagi perlu diwujudkan oleh kerana agensi ini telah diubahkan bentuknya dari sebuah Lembaga kepada sebuah Jabatan dan Jabatan ini diketuai oleh Ketua Pengarah yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Negara.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu sebab mengapa Lembaga Perpaduan Negara yang mula-mulanya dipandang begitu mustahak dan penting sehingga sebuah Kementerian penuh telah ditubuhkan dan seorang Menteri dilantik tetapi selepas itu beberapa kali pangkat jabatan itu diturunkan dan kepentingannya pun telah diturunkan sehingga hari ini bukan lagi sebuah jabatan tetapi bercantum dengan Jabatan Urusetia Rukun Tetangga? Adakah ini bererti bahawa dalam pandangan Kerajaan perkara perpaduan negara tidak mustahak atau bukan dalam keupayaan Kerajaan untuk memupuk?

**Datuk Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan memandang mustahak perpaduan negara dalam negara kita ini, itulah sebabnya Perpaduan Negara dan Rukun Tetangga diselaraskan

menjadi satu jabatan supaya dapat dijalankan segala tugas-tugas dengan sebaik-baiknya untuk kepentingan dan keselamatan negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lee Kaw.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ditujukan kepada Menteri Kewangan dan bukanlah seperti yang dicatitkan di sini Menteri Pelajaran.

### **YURAN PELAJAR-PELAJAR DI LUAR NEGERI**

**7. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan yuran pelajar-pelajar kita di luar negeri telah melambung naik sama ada beliau akan menimbang untuk membenarkan "rebate" pelajaran yang lebih tinggi sebagai membantu ibubapa-ibubapa yang terpaksa memikul beban yang begitu berat, dan juga sama ada beliau akan menimbang untuk membenarkan "rebate" pelajaran kepada ibubapa-ibubapa yang mempunyai anak-anak yang belajar di Singapura.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berhajat memberi pertimbangan supaya "rebate" pelajaran diberi kepada ibubapa-ibubapa yang mempunyai anak-anak yang belajar di luar negeri termasuklah di Singapura pada tahun ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengkaji perkara ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pada Belanjawan 1980 Kerajaan telahpun menaikkan elaun yang dibenarkan bagi anak-anak yang belajar di luar negeri daripada dua kali ganda ke empat kali ganda potongan-potongan biasa.

### **PULAU-PULAU YANG MENJADI PERTIKAIAN**

**8. Tuan P. Patto** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan pernah menerima bantahan-bantahan secara rasmi daripada negara-negara seperti Vietnam, Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand dan Republik China atas penyeritaan beberapa pulau dalam wilayah Malaysia seperti ditunjukkan dalam

peta Malaysia yang baru-baru ini dikeluarkan yang mana pulau-pulau ini dituntut oleh negara-negara tersebut sebagai wilayah-wilayah masing-masing, jika ya, apakah nama pulau-pulau itu yang dituntut oleh negara-negara itu;

- (b) apakah sikap dan pendirian Malaysia terhadap tuntutan-tuntutan itu dan bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk mengatasi isu sensitif ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi soalan pertama jawapannya ialah ya, dan di antara pulau-pulau dan terumbu-terumbu yang menjadi pertikaian sekarang ialah Pulau Amboyan, Pulau Batu Puteh, Pulau Ligitan dan Sipadan, Terumbu Laksamana, Terumbu Perahu, Terumbu Mantanani, Terumbu Ubi, Terumbu Semarang Barat Kecil serta beberapa terumbu kecil yang lain.

- (b) Berkaitan dengan bahagian kedua soalan itu pula, sikap dan pendirian Malaysia ialah menolak tuntutan-tuntutan tersebut. Kerajaan walau bagaimanapun telah menegaskan kepada negara-negara berkenaan kesediaan Malaysia menyelesaikan pertikaian-pertikaian ini melalui rundingan secara damai.

**Tuan P. Patto:** Dalam soalan bahagian (a) saya, saya juga ada meminta tentang sama ada negara-negara itu yang saya sebutkan juga menuntut dan saya ingin tahu sama ada kesemua negara itu menuntut ataupun ada yang sebahagian sahaja dan apakah pulau dan terumbu yang dituntut itu? Menurut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi beliau ada berkata bahawa kita akan tolak segala tuntutan tetapi kita akan cari jalan untuk mengadakan rundingan. Saya ingin tahu sama ada rundingan-rundingan sudah mula diadakan di antara Malaysia dan negara-negara yang menuntut pulau-pulau dan terumbu-terumbu ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dikatakan tadi berhubung dengan peta baharu ini, kita perlu mengadakan penyelesaian secara rundingan

damai dan perundingan ini belum lagi kita jalankan dan kita harap dapatlah kita jalankan satu masa nanti.

## PETROL—KEKURANGAN DI KAPIT

**9. Tuan Sibot Miyut anak Tagung** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan petrol di Bahagian ke 7 Kapit kerana syarikat-syarikat minyak seperti Shell dan Esso menghantar bekalannya cuma dua kali dalam sebulan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum pengguna-pengguna di Bahagian Ketujuh Kapit menerima bekalan minyak petrol daripada Syarikat Shell dan Esso sahaja. Buat masa ini tidak ada syarikat lain yang membekalkan petrol ke kawasan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penghantaran bekalan bahan-bahan petroleum ke kawasan ini hanya dilakukan melalui perhubungan sungai dan peraturan seperti ini diamalkan hampir di seluruh kawasan pendalaman di Negeri Sarawak. Masalah penghantaran melalui sungai adalah bergantung sepenuhnya kepada kedapatan kapal-kapal pengangkutan yang disediakan khas bagi tujuan mengangkut bahan-bahan petroleum. Jika sekiranya ada berlaku kekurangan dari satu masa ke satu masa ini adalah disebabkan oleh kesukaran pengangkutan dan bukannya dari segi ketiadaan bekalan petrol untuk dibekalkan ke kawasan berkenaan. Masalah logistik iaitu pengangkutan memang sering berlaku di mana-mana kawasan di Negeri Sarawak dan bukan tertumpu di kawasan Kapit sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, pada masa ini bekalan purata bulanan minyak petrol bagi Kawasan Kapit adalah sebanyak 38,588 gelen yang mana 25,707 gelen dibekalkan oleh Syarikat Shell dan 12,881 gelen oleh Syarikat Esso. Bekalan ke Kawasan Kapit ini disalurkan melalui 4 buah stesyen minyak dan daripada angka-angka yang diberikan di atas adalah dirasakan bahawa bekalan minyak petrol bagi Kawasan Kapit adalah mencukupi bagi menampung kegunaan orang ramai.

## ELAUN HITUNGAN BATU

**10. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa elaun hitungan batu bagi kakitangan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan tidak seimbang dengan harga minyak pada masa ini. Jika ya, adakah Kerajaan bercadang menaikkan elaun hitungan batu ini.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu, sukacita saya menyatakan di sini bahawa pihak Perbendaharaan adalah sedang menyemak soal kadar elaun perjalanan bagi kakitangan Kerajaan dan badan-badan sepehul Kerajaan. Elaun ini adalah salah satunya kemudahan yang terkandung di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/1977 yang mana beberapa isi kandungannya akan diubahsuai sejajar dengan perubahan Gaji Jawatankuasa Kabinet yang akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

## MENCARIGALI PETROLEUM

**11. Tuan Haji Hashim bin Ghazali** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar Laut Selat Melaka yang di bawah pemerintahan Negeri Perak ada tanda-tanda menunjukkan boleh mengeluarkan hasil minyak dari perut buminya seperti mana juga Negeri Trengganu. Jika sedar, adakah beliau bercadang mengarah PETRONAS menyiasat hasil minyak di kawasan tersebut; jika tidak, adakah beliau bercadang siasatan seperti itu terserah kepada Kerajaan Negeri Perak sahaja kerana hasilnya terpulung kepada Negeri Perak.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan semasa menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi pada 28hb Mac, 1980, usaha mencarigali petroleum di Pantai Barat Semenanjung Malaysia telahpun dijalankan. Usaha itu tidak mendapat apa-apa hasil. Sungguhpun demikian, jika pada masa akan datang ada tanda-tanda yang memuaskannya, Kerajaan akan mengarah PETRONAS untuk mencarigali lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Asalkan jangan minyak tumpah di laut sudahlah.

## ANGKATAN TENTERA BAGI ANGGOTA WANITA

12. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilangan anggota-anggota wanita yang terlatih yang sedang berkhidmat di dalam Pasukan Angkatan Tentera Di Raja Malaysia sekarang;
- (b) berapakah ramai lagi yang akan diambil untuk dilatih; dan
- (c) apakah jenis tugas-tugas mereka di dalam persediaan mempertahankan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan anggota-anggota wanita yang terlatih yang sedang berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Di Raja Malaysia pada masa ini adalah seperti berikut:

(1) *Anggota Tetap*

- (i) Pegawai ... .. 11 orang
- (ii) Lain-lain Pangkat 73 orang

(2) *Kerahan Penuh Masa*

- (i) Pegawai ... .. 46 orang
- (ii) Lain-lain Pangkat 428 orang

(3) *Sukarelawati*

- (i) Pegawai ... .. 20 orang
- (ii) Lain-lain Pangkat 1,500 orang

- (b) Kini Angkatan Tentera Malaysia sedang merancang untuk mengisi sebanyak 4 peratus di dalam kekuatan Angkatan Tentera kita dengan anggota-anggota wanita. Bagi langkah permulaan seramai 41 orang bakal-bakal pegawai (Kedet) Wanita adalah sedang menjalani latihan di pusat-pusat latihan.

- (c) Anggota-anggota wanita ini ditugaskan dalam pasukan-pasukan yang tidak dalam gerakan dan diberi tugas-tugas yang sesuai untuk wanita seperti:

- (a) Pegawai Perubatan.
- (b) Pegawai Pelajaran.
- (c) Pegawai Pentadbiran.
- (d) Jururawat.
- (e) Anggota Polis Tentera, untuk tugas ada hubungan dengan anggota tentera wanita.

- (f) Jurulatih di pusat-pusat latihan di mana anggota-anggota wanita dilatih.

(g) Operator Radio.

(h) Kerani Biasa.

(i) Kerani Gaji.

(j) Pelayan dalam kapal terbang.

## RUKUN TETANGGA— CUTI BERTUGAS

13. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa pekerja-pekerja sambilan di Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Jabatan Kesihatan, Jabatan Hutan dan sebagainya yang bercuti kerana bertugas Rukun Tetangga tidak dibayar gajinya, jika benar apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasinya; dan

- (b) berapakah jumlah mereka yang telah didakwa di mahkamah oleh kerana ponteng daripada menjalankan tugas Rukun Tetangga hingga tarikh yang paling akhir.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa pekerja sambilan, sama ada di Jabatan-jabatan Kerajaan atau swasta, apabila mereka menjalankan tugas Rukun Tetangga, mereka tidak dibayar gaji oleh majikan. Ini disebabkan mereka adalah ditakrif sebagai bekerja sendiri di bawah Peraturan-peraturan 21 (2) (b), Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975. Pihak Jawatankuasa Sektor setakat mana yang boleh dipraktikkan hendaklah memastikan bahawa mereka yang bekerja sambilan (bekerja sendiri) dijadualkan untuk menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga mengikut tarikh dan masa yang sesuai dengan kehendak mereka. Dengan cara ini maka kesulitan-kesulitan mereka yang bekerja sendiri dapat diminimakan.

Bilangan ahli-ahli Rukun Tetangga yang didakwa di mahkamah oleh kerana bekerja di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 adalah berjumlah 136 orang.

## KEKURANGAN BARANG-BARANG KRAFTANGAN

14. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan barang pertukangan tangan dan jika ya, sama ada sebuah industri di peringkat kebangsaan boleh ditubuhkan untuk memberi galakan dan latihan dalam pengeluaran barang-barang seperti ukiran, anyaman, sulaman dan tudung saji yang kini hanya dijadikan perhiasan dalam rumah sahaja dan ini berlaku kerana kekurangan pasaran bagi barang-barang ini yang menjadi masalah utama, dan jika ada, sama ada Kerajaan akan mencari jalan untuk mendapatkan pemasaran luas bagi barang-barang ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Speaker, sebenarnya barang-barang kraftangan tidak kekurangan di negara kita. Yang menjadi masalah ialah bagaimana hendak meninggikan mutu barang-barang ini serta mendayaciptakan rekaan kraftangan supaya barang-barang ini menjadi lebih berfungsi untuk kegunaan harian. Ini perlu dilakukan di samping mengekalkan penggunaannya untuk perhiasan. Beberapa buah agensi Kerajaan terutamanya Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, MARA, Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang berusaha memajukan pengeluaran kraftangan yang mempunyai potensi dengan cara memberi latihan kemahiran, modal pusingan dan bimbingan pengurusan. Usaha-usaha ini termasuklah juga meningkatkan mutu barang-barang kraftangan sebagai barang-barang perhiasan dan juga menjadikan barang-barang ini lebih berfungsi untuk kegunaan harian.

Di samping itu, beberapa program dijalankan bagi mendapatkan pasaran yang lebih luas bagi barang-barang ini seperti penyertaan di dalam pameran tempatan dan luar negeri, misi-misi jualan anjuran Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan juga melalui kerjasama daripada Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri. Maklumat-maklumat serta peluang-peluang pasaran yang diterima kemudiannya disalurkan kepada pengusaha-pengusaha kraftangan. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang melaburkan dalam sebuah industri di peringkat kebangsaan untuk

memberi galakan dan latihan di dalam pengeluaran barang-barang kraftangan sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

## PULAU PINANG SEBAGAI TARAF PELABUHAN BEBAS

15. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan dalam sidang Dewan Rakyat yang lepas, beliau (Menteri Kewangan) telah mengatakan dalam satu jawapan bertulis bahawa Kerajaan tidak bercadang memulihkan taraf pelabuhan bebas Pulau Pinang dan Menteri berkenaan juga telah berkata Kerajaan telah memberi peruntukan yang banyak untuk pembangunan Pulau Pinang, nyatakan jenis peruntukan tersebut

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$894.29 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk pembangunan Pulau Pinang. Peruntukan ini pula ditambah menjadi \$1,396.61 juta di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga untuk pembangunan dalam sektor-sektor ekonomi sosial dan pentadbiran am.

Peruntukan sektor ekonomi ditambah daripada \$694.91 juta ke \$1,009.17 juta dan sektor sosial pula ditambah daripada \$154.46 juta ke \$337.53 juta.

Keterangan lanjut mengenai peruntukan mengikut jenis projek dan jumlah kosnya boleh didapati di Lampiran I, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Adalah dirasakan bahawa peruntukan tambahan ini akan meningkatkan lagi taraf Pulau Pinang bukan sahaja sebagai satu kawasan perindustrian yang termaju bahkan juga mengekalkan kedudukannya sebagai pusat pelancungan yang menarik. Semua peruntukan-peruntukan di atas membayangkan hasrat Kerajaan Pusat hendak membantu Kerajaan Pulau Pinang sehingga ianya telah menjadi salah satu daripada negeri yang termaju di Malaysia.

## KILANG PAPAN DI BRUAS

16. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebuah kilang papan

yang ada di bandar Bruas telah menyebabkan kesusahan awam kepada penduduk-penduduk dan mengapa kilang papan itu dibenar meneruskan perniagaannya di bandar Bruas dan nyatakan langkah beliau ingin ambil terhadap kilang papan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang adanya sebuah kilang papan yang terletak di dalam kawasan bandar Bruas. Kilang tersebut telah diluluskan lesennya oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak berdasarkan kepada kelulusan Majlis Bandaran Bruas.

Masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah berkaitan dengan pencemaran udara yang disebabkan oleh pembakaran habuk-habuk kayu di kilang tersebut yang mengganggu keselesaan hidup penduduk-penduduk di sekitar kawasan kilang tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pencemaran udara oleh kilang tersebut telahpun mendapat perhatian Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Beberapa orang pegawai daripada Kementerian tersebut telah membuat lawatan ke kilang tersebut dalam bulan Februari 1980 untuk menilai kedudukan yang sebenarnya.

Sebagai satu langkah jangka pendek untuk mengurangkan masalah ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telahpun mengarahkan kilang papan tersebut menghentikan pembakaran terbuka habuk-habuk papan dengan serta-merta dan memperbaiki tempat pembakaran habuk papan dengan mendirikan satu alat yang baru. Saya difahamkan bahawa pihak kilang telahpun bersetuju menerima cadangan tersebut.

Sebagai satu langkah jangka panjang, cadangan telah dibuat kepada pihak berkuasa yang berkenaan bagi menempatkan semula kilang papan tersebut di kawasan yang lebih sesuai iaitu jauh daripada kawasan bandar dan kawasan perumahan. Saya percaya sekiranya soal tapak baru ini dapat diselesaikan, lagi cepatlah perkara ini boleh dibeskan.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa pembakaran terbuka itu tidak boleh dibuat oleh kilang tersebut dan

beliau ada berkata bahawa syarikat itu bersetuju dengan cadangan supaya pembakaran terbuka itu tidak sihat dibuat. Saya ingin tahu sama ada selepas cadangan itu dibuat kilang itu berhenti membakar secara terbuka dan kalau ia sudah berhenti, apakah cara-cara yang ia menggunakan sekarang ini untuk membakar habuk-habuk?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kita menjangkakan dengan alat baru yang digunakan ini maka kita dapat mengurangkan pencemaran alam, sebab alat baru yang dicadangkan ini akan mengurangkan habuk-habuk yang telah dibakar itu daripada berterbangan pergi ke kawasan-kawasan sekitarnya.

Langkah yang kedua tadi, saya rasa untuk memindahkan satu-satu kilang ini tentulah memakan masa yang panjang kerana ia memerlukan modal yang banyak, soal pentadbiran tanah dan sebagainya. Jadi kita jangkakan sekiranya keputusan ini dipersetujui maka secara gradual, kilang ini dapatlah dipindahkan ke satu kawasan yang tidak akan lagi menjadi gangguan kepada orang ramai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Menglembu bertanya sebelum beliau bangun lagi sekali, sama ada sudah berhenti atau tidak kilang ini daripada membakar cara terbuka. Itu pertanyaannya.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, pandangan ataupun arahan yang diberikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini adalah satu arahan yang mesti dipatuhi oleh kilang tersebut. Jadi kalau tidak dipatuhi tentu sekali tindakan seperti mendenda dan sebagainya akan diambil.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, saya ingat Tuan Speaker pun sudah ulang tadi soalan saya. Yang saya hendak tahu ialah sama ada sudah berhenti atau tidak pembakaran terbuka itu. Kalau belum berhenti sudahlah pasti bahawa Kementerian itu mesti mengambil tindakan mengikut undang-undang. Itu adalah terpulang kepada Kementerian. Saya hanya hendak tahu sama ada pembakaran terbuka itu sudah berhenti atau tidak. Itu sahaja!

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapannya tiap-tiap arahan patut dipatuhi. Tahulah kita apa maknanya itu (*Ketawa*). Ada hendak tambah lagi Yang Berhormat?

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Patrick Anak Uren.

(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Patrick Anak Uren tidak hadir)

### SEWA BANGUNAN DALAM TAHUN 1979

18. **Tuan Mohamed Khir Johari** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah wang yang dibelanjakan bagi membayar sewa-sewa di atas bangunan-bangunan untuk memuatkan berbagai-bagai Kementerian, Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun di dalam tahun 1979 di Kuala Lumpur.

**Tuan Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang dibelanjakan bagi membayar sewa-sewa di atas bangunan-bangunan untuk memuatkan berbagai-bagai Kementerian, Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun di dalam tahun 1979 di Kuala Lumpur ialah \$17,945,455.53.

### TABUNG PELAJARAN UNTUK MEMASUKI SEKOLAH

19. **Puan Shariffah Dorah binti Mohamed** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Malaysia yang berkhidmat di Republik Singapura dipaksa membayar sebanyak \$2,000.00 bagi tiap-tiap anak mereka yang dimasukkan sekolah di Republik itu yang mana bayaran ini tidak akan dipulangkan balik. Jika sedar apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk mengatasi masalah yang berat ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap anak pegawai dan kakitangan Kerajaan Malaysia yang bukan bertaraf diplomatik sahaja, yang berkhidmat di Singapura, dikehendaki membayar S\$2,000 kepada Tabung Pelajaran Singapura untuk

memasuki sekolah di Republik tersebut. Oleh kerana bayaran ini tidak dikembalikan, kita menganggapnya sebagai yuran sekolah dan oleh itu, Kerajaan kita membayar kembali 2/3 dari jumlah bayaran tersebut kepada pegawai yang berkenaan.

**Tuan Lim Cho Hock:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar banyak pemimpin MCA, Gerakan, MIC telah menghantar anak-anak mereka ke Singapura untuk melanjutkan pelajaran?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini tidak payah dijawab. Tidak ada kena mengena. (*Ketawa*)

### IKTIRAF SESEBUAH KERAJAAN

20. **Tuan Yusof bin Malim Kuning** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah dasar Kerajaan mengiktiraf sesebuah Kerajaan Asing, sama ada yang baru merdeka atau berlakunya perubahan Pemerintahan dalam negeri itu dan adakah Kerajaan mempunyai syarat-syarat tertentu bagi membolehkan pengiktirafan itu.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebuah Kerajaan negara baru merdeka yang berkuasa melalui cara perlembagaan akan terus diberi pengiktirafan dan ini biasanya dilakukan dengan sesuatu tindakan rasmi seperti mengutuskan ucapan tahniah kepada Ketua Negara yang baru itu.

Jika sekiranya berlaku perubahan dalam bentuk Kerajaan seperti dari pemerintahan beraja kepada pemerintahan Republik mengikut cara perlembagaan dan tidak dengan rampasan kuasa maka soalan pengiktirafan tidak akan timbul.

Apabila perubahan kerajaan tidak mengikut cara perlembagaan misalnya dengan cara revolusi atau rampasan kuasa soal pengiktirafan menjadi satu perkara yang akan ditimbangkan dengan teliti. Pengiktirafan itu diasaskan kepada syarat-syarat berikut:

- (1) bahawa kerajaan itu mesti mempunyai sokongan daripada sebahagian besar rakyat;
- (2) bahawa kerajaan itu mungkin akan terus berkuasa;
- (3) bahawa tidak mengiktiraf kerajaan itu akan menjejaskan kepentingan nasional.

## PEGAWAI DAERAH—PERANAN DAN BIDANG TUGAS

**21. Tuan Muhyiddin bin Mohd. Yassin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beban kerja yang dipikul oleh Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Daerah amat berat terutama sekali di dalam tugas-tugas kebajikan dan kemasyarakatan sehingga menyebabkan di kebanyakan daerah rancangan-rancangan pembangunan ekonomi ketinggalan dan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dan jika sedar, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memperbaiki keadaan tersebut dan menentukan supaya peranan Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Tindakan Daerah dapat dimainkan dengan lebih berkesan dalam usaha pembangunan negara.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu, peranan dan bidang tugas Pegawai Daerah adalah luas, meliputi segala kerja-kerja yang bersangkutan dengan pentadbiran dan pembangunan daerah termasuk aspek-aspek keselamatan, sosial dan kemajuan ekonomi sesuatu daerah itu. Tugas utama Pegawai Daerah sebagai ketua pentadbir di daerah berkenaan ialah untuk merancang, menyelenggara dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan bagi membawa kemajuan ke daerah berkenaan untuk faedah rakyat sekalian. Jadi tidaklah benar kerja-kerja pembangunan di daerah tidak dapat perhatian sewajarnya. Pegawai Daerah juga menjalankan peranan kepimpinan di daerahnya. Oleh yang demikian tugas-tugas yang terlibat ke dalam kebajikan dan kemasyarakatan adalah tidak dapat dielakkan.

Untuk makluman Yang Berhormat itu, Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) telah diminta mengkaji pentadbiran di daerah-daerah dengan tujuan memperbaiki perjalanan pentadbiran di peringkat daerah termasuk mengkaji semula bidang tugas Pegawai Daerah. Susunan organisasi dan perjawatan di Pejabat Daerah juga dikaji oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan dan di mana didapati beban kerja adalah berat jawatan-jawatan tambahan akan diwujudkan untuk membantu Pegawai Daerah menjalankan tugas-tugasnya. Penyusunan semula Pejabat Daerah dilaksanakan dengan bertujuan untuk menentukan jentera pentadbiran di

peringkat daerah berjalan dengan licin bagi mencapai matlamat pembangunan Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan meninggikan taraf hidup rakyat.

Perlu juga saya jelaskan, pentadbiran dan pembangunan di daerah-daerah adalah dijalankan oleh Pegawai Daerah dengan bantuan dan kerjasama pegawai-pegawai dan agensi-agensi Kerajaan yang lain di daerah berkenaan. Tugas Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Tindakan Daerah banyak berkisap kepada tugas-tugas penyalaraan dan mempengerusi Mesyuarat Jawatankuasa berkenaan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum seorang Pegawai Daerah dan Wakil-wakil Rakyat dari kawasan itu sentiasa bekerjasama dan haruslah bekerjasama. Jadi, scalan saya ialah adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menjemput Wakil Rakyat dari daerah itu untuk menyertai Jawatankuasa Tindakan Daerah dan juga Jawatankuasa Pembangunan Daerah.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya-lah Wakil Rakyat itu diambil untuk bertugas atau mengambil bahagian di dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang penting di dalam daerah di mana ianya difikirkan perlu.

**Tuan Lee Kaw:** Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa di negeri Johor semua Jawatankuasa Tindakan ini ada termasuk Wakil Rakyat selain daripada kawasan Kluang sahaja?

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, ini kita akan ambil perhatian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat sudah terang lagi bersuluh.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri itu apakah kriteria yang digunakan dalam menyertakan Wakil-wakil Rakyat dalam District Action Committee oleh kerana terdapat District Action Committee ini tidak menyertakan Wakil-wakil Rakyat yang datang daripada parti-parti pembangkang walhal mereka mewakili kawasan itu dan demi kepentingan rakyat dan pembangunan

daerah itu tidakkah pihak Jabatan Perdana Menteri memikirkan perlu bahawa mereka juga disertakan dalam Jawatankuasa ini?

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah jawab tadi di mana ianya difikirkan perlu kita akan ambil perhatian.

### SYARIKAT ELEKTRONIK KEPUNYAAN ORANG ASING

**22. Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah syarikat-syarikat elektronik kepunyaan orang asing di dalam Malaysia dan berapakah banyaknya syarikat-syarikat ini ada:

- (a) memasang bahagian-bahagian komponen bagi pasaran tempatan dan eksport; dan
- (b) memasang hasil-hasil lengkap bagi pasaran tempatan dan eksport; dan apakah sebab-sebabnya bagi syarikat-syarikat ini tidak memasang bahagian komponen supaya menjadikannya hasil-hasil lengkap.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, (a) sehingga 30hb September, 1979 sebanyak 82 syarikat-syarikat letronik telah menjalankan operasi yang mana 48 buah daripadanya, adalah sebahagian besarnya dipunyai oleh rakyat asing. Di antara 48 buah syarikat-syarikat ini, 44 syarikat adalah mengeluarkan barang-barang komponen letronik sementara 9 buah mengeluarkan keluaran-keluaran akhir. Semua syarikat-syarikat adalah berorientasi eksport iaitu di antara 80% ke 100% dari jumlah pengeluarannya adalah untuk eksport.

(b) Syarikat-syarikat mengeluarkan komponen letronik tidak menjalankan aktiviti memasang barang-barang komponen untuk mengeluarkan keluaran akhir kerana pengeluaran barang komponen adalah bidang yang khusus di mana cara-cara pengeluaran adalah berbeza sama sekali dengan pengeluaran keluaran akhir. Sebahagian besar dari syarikat-syarikat kepunyaan asing ini adalah "off-shore operation" syarikat-syarikat letronik "multinational". Barang-barang komponen yang dikeluarkan di sini biasanya dieksport untuk dipasang bersama-sama komponen-komponen yang lain yang mungkin tidak dikeluarkan di negara ini oleh syarikat induk atau pengeluar keluaran akhir yang lain.

Dasar ini adalah sama seperti industri komponen "automotive" yang mana terdapat pengkhususan dalam pengeluaran barang-barang komponen dan pembuat-pembuatnya membekalkan keluaran-keluaran kepada syarikat-syarikat pemasangan kereta yang mengeluarkan keluaran akhir.

### ORANG-ORANG BUTA

**23. Dr Tan Tiong Hong** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah orang-orang buta dalam negara ini dan bilangan tambahannya dalam setahun;
- (b) akibat-akibat menyebabkan buta dan langkah-langkah diambil untuk menghapuskan penyakit ini; dan
- (c) adakah tabung yang mencukupi telah diwujudkan untuk mengajar dan memulih orang-orang buta.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) buat masa ini dukacita tidak terdapat butir-butir yang tepat mengenai jumlah orang-orang buta dalam negara ini. Kedudukan mengenai perkara ini dijangka akan kita ketahui apabila Banci Penduduk 1980 telah siap kelak oleh kerana ianya adalah meliputi kajian terhadap mereka yang cacat, termasuk mereka yang buta.
- (b) Sebab-sebab utama yang menyebabkan orang-orang menjadi buta di dalam negara ini ialah:
  - (i) Katarak di kalangan orang-orang tua;
  - (ii) Glaucoma—satu keadaan "intra-ocular tension" yang bertambah, yang sekiranya tidak dikesan sejak awal lagi akan membawa kepada buta;
  - (iii) Penyakit-penyakit di selaput mata (retina);
  - (iv) Kecederaan-kecederaan trauma di mata yang berlaku disebabkan kemalangan jalanraya, kemalangan di kilang-kilang, kecederaan kerana letupan dan juga kemalangan yang berlaku di rumah;

(v) Jangkitan (infection)—Ketumbuhan dikonea sekiranya tidak di-kesan sejak awal lagi akan membawa kepada konea scarring, gelap mata (opacity) dan buta.

Langkah utama dalam usaha mencegah kebutaan di kalangan masyarakat ialah pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit mata kerana penyakit tersebut, jika dibiarkan boleh membawa kepada kebutaan. Oleh itu, Kementerian ini bekerjasama rapat dengan Persatuan bagi Orang-orang Buta Malaysia dalam usaha mencegah kebutaan.

(c) Kementerian ini adalah terlibat dalam usaha mencegah kebutaan dan rawatan penyakit mata. Pendidikan dan pemulihan bagi orang-orang buta pula adalah dikendalikan oleh Persatuan bagi Orang-orang Buta, Malaysia dengan dibantu oleh Kerajaan Persekutuan, agensi-agensi lain dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Dr Tan Tiong Hong:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Menteri berkenaan sama ada sedar atau tidak satu akibat yang serius yang menyebabkan ramai orang buta di luar bandar kerana ada belia-belia dan kanak-kanak yang tidak mendapat makanan yang sesuai atau oleh sebab malnutrition.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar bahawa akibatnya jika kanak-kanak tidak mendapat makanan berzat yang mencukupi seperti vitamin "A" dan sebagainya, dan ada satu program yang dijalankan oleh Kerajaan khususnya Pusat Kesihatan Besar dan Kecil di luar bandar.

### KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC)

**24. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau sedar bahawa MTUC adalah gambaran dan bayangan DAP, menyebabkan tindakan MTUC sama dengan fikiran pemimpin DAP, dan jika ya, apakah Kerajaan bercadang mengharamkan MTUC yang ada sekarang dan menubuhkan satu badan lain yang lebih sihat dan matang dalam

tindakannya, agar MTUC tidak menjadi alat untuk kepentingan politik DAP yang bersifat negatif terhadap negara ini.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk menjawab soalan ini secara langsung kerana ia menyetuh kedudukan Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), iaitu satu Pertubuhan yang mengandungi kesatuan-kesatuan sekerja yang berdaftar, dan hubungannya dengan DAP, yang saya fikir adalah sebuah parti politik.

Walaupun MTUC, di bawah Akta Pertubuhan, tidak boleh bertindak sebagai sebuah parti siasah, saya percaya kekeliruan mengenai imej pertubuhan tersebut adalah disebabkan terutama sekali oleh Setiausaha Agung, Timbalan Setiausaha Agung, dan salah seorang daripada Naib-Presidennya, antara lain, adalah ahli-ahli politik yang aktif dalam DAP. Dua daripadanya adalah calon-calon yang tidak berjaya dalam pilihanraya Umum Parlimen yang lepas. Oleh kerana mereka memegang jawatan-jawatan penting di dalam MTUC, maka timbul kekeliruan dari kaca mata umum, terutama sekali melalui kenyataan-kenyataan yang sering dibuat oleh mereka atas berbagai-bagai isu.

Saya percaya bahawa setengah daripada kenyataan tersebut, pandangan-pandangan yang mereka beri, serta hakikat bahawa tindakan dan kenyataan adalah lebih kurang sama dengan tindakan dan kenyataan yang dibuat oleh DAP, telah menyebabkan timbulnya anggapan yang meluas bahawa MTUC dan DAP mempunyai pertalian yang rapat.

Sungguhpun sukar untuk menafikan bahawa pemimpin-pemimpin MTUC yang berkenaan dan pimpinan DAP telah cuba membentuk suatu pendirian (platform) untuk faedah bersama mengenai isu-isu buruh, tidak ada bukti konkrit yang menunjukkan bahawa MTUC itu adalah merupakan rakan politik DAP atau telah mewujudkan sebarang pertalian organisasi dengan DAP. Sebaliknya pula, saya percaya bahawa MTUC telah beberapa kali mengumumkan pendiriannya iaitu tidak mempunyai hubungan dengan atau menyokong mana-mana parti politik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 dan 25 hingga 46 adalah diberi di bawah ini).*

## MASYARAKAT BIDAYUH DI SARAWAK—LAYANAN

**17. Tuan Patrick anak Uren** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar Masyarakat Bidayuh yang mewakili 4 kumpulan terbesar masyarakat utama di Sarawak telah tidak diberikan layanan yang memuaskan di dalam peluang dan bahagian ekonomi seperti terdapat di dalam Dasar Ekonomi Baru; jika benar, adakah beliau yakin keadaan tekanan ekonomi yang menimpa mereka adalah berpunca dari rasa tidak puas hati dan mengakibatkan bertambahnya polarisasi dalam masyarakat, dan buruk-sangka.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Kenyataan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Masyarakat Bidayuh tidak diberikan layanan yang memuaskan adalah tidak tepat. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum Dasar Pembangunan Kerajaan adalah berasaskan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya kekayaan negara dapat dibahagi-bahagikan dengan lebih adil dan seimbang.

Kerajaan Pusat sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi kesulitan-kesulitan dan masalah-masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh rakyat-rakyat Sarawak dari masa ke semasa.

Beberapa penyelidikan sosio-ekonomi dan seminar-seminar pembangunan telah dan sedang dijalankan sebagai ekrans dari pelaksanaan rancangan projek-projek pembangunan yang bertujuan memberi faedah kepada semua rakyat termasuk rakyat Kaum Bidayuh di negeri Sarawak. Antaranya termasuklah Kajian Profail Sosio-ekonomi Masyarakat Desa di Sarawak 1975, Kajian Amalan Makanan Pemakanan Daerah Tebakung 1978/79, Kajian projek kelapa sawit Bau-Lundu 1978/79, Kajian projek pembangunan Tanah Lundu, Seminar Sains Sosial dan Seminar Strategi Pembangunan Negeri Sarawak/Sabah 1979. Semua kajian serta Seminar ini adalah bertujuan untuk mengumpul maklumat-maklumat yang mendalam tentang kehidupan dan keperluan golongan-golongan masyarakat supaya usaha-usaha yang sesuai dan tepat dapat diberi bagi memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi mereka.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menambahkan pendapatan rakyat dengan memberikan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan berbagai-bagai bantuan tertentu melalui agensi-agensi pembangunan Kerajaan. Oleh itu terpulanglah kepada masyarakat itu sendiri untuk merebut dan menggunakan segala peluang dan kemudahan-kemudahan yang diberi itu untuk meningkatkan lagi taraf hidup mereka.

## TEBUSAN AMERIKA SYARIKAT DI IRAN

**25. Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kesanggupan Malaysia menerima tawaran Yang di-Pertua Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu bagi membantu mencari jalan menyelesaikan krisis Iran.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Pendirian Malaysia terhadap masalah penahanan orang-orang tebusan Amerika Syarikat di Iran adalah supaya masalah itu diselesaikan dengan secara damai dengan tidak menggunakan langkah-langkah yang "punitive" sama ada dengan tindakan ketenteraan atau mengenakan sekatan-sekatan ekonomi. Selaras dengan dasar tersebut, juga sesuai dengan keputusan Persidangan Negara-negara Islam yang menyeru Iran supaya terus berusaha ke arah mencapai satu penyelesaian secara damai terhadap masalah itu sejajar dengan pengajaran Islam, Malaysia menyokong apa-apa inisiatif Yang di-Pertua Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu itu hendaklah dijalankan beserta dengan lain-lain negara-negara Islam dan negara-negara berkecuali.

## SYNDICATE HARAM MENDAPATKAN PASPOT ANTARABANGSA MALAYSIA

**26. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa oleh kerana terbongkarnya satu syndicate haram untuk mendapatkan Paspot Antarabangsa Malaysia, sama ada Kerajaan akan menjalankan siasatan rapi melalui informers atau melalui perisik-perisik polis dengan tujuan menangkap ahli-ahli syndicate haram ini yang dianggap sebagai penjenayah negara dan

hendaklah dihukum dengan seberat-beratnya, atau dilucutkan kerakyatannya. Nyatakan berapa ramaikah orang yang terlibat yang telah ditangkap dan dihukum.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kegiatan-kegiatan haram oleh orang perseorangan/kumpulan/syndicate baik di dalam ataupun di luar negeri sentiasa diawasi dan disiasat rapi oleh Jabatan Imigeresen. Baru-baru ini hasil kerjasama orang ramai, Jabatan Imigeresen telah berjaya menumpas sebuah sindikit haram untuk mendapatkan paspot antarabangsa Malaysia. Dua orang anggota sindikit tersebut telah ditangkap. Seorang darinya telah dihadapkan ke Mahkamah dan dijatuhkan hukuman denda berjumlah \$10,000 iaitu hukuman maksima mengikut Akta Paspot 1966. Seorang lagi anggota sindikit ini sedang disiasat.

Usaha mengesan kegiatan sindikit-sindikit seperti ini adalah sangat rumit dan ada kalanya sindikit ini bergerak di luar negeri. Jadi saya ingin menyeru kepada orang ramai supaya tampil ke hadapan dan melaporkan kepada pihak Imigeresen atau pihak polis sekiranya mereka mempunyai apa-apa maklumat mengenai kegiatan sindikit-sindikit haram ini.

### JURURAWAT MALAYSIA DI UNITED KINGDOM

27. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar tentang adanya 4,000 jururawat terlatih Malaysia di United Kingdom dan kebanyakan mereka ingin pulang berkhidmat di negeri asal mereka jika Kerajaan dapat menyediakan syarat-syarat menarik untuk kumpulan ini dan negara kita pada saat ini masih kekurangan jururawat terlatih. Jika ya, bolehkah Kementerianya memberitahu "Malaysian Nurses Society" di United Kingdom yang Kerajaan sudi menerima mereka.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Kementerian ini sedar bahawa terdapat Warganegara Malaysia yang terlatih sebagai Jururawat di United Kingdom tetapi tidak dapat dipastikan bilangannya yang sebenar dan sama ada mereka ingin kembali berkhidmat di Negara ini. Walau bagaimanapun, jika mereka ingin kembali berkhidmat, maka perlantikan mereka adalah tertakluk kepada kekosongan

jawatan dan syarat-syarat serta skim perkhidmatan Jururawat yang ada sekarang. Kerajaan tidak bercadang akan mengubah syarat-syarat ini dengan tujuan menarik minta Jururawat-jururawat itu. Jika Kementerian dihubungi oleh "Malaysian Nurses Society" dalam hal ini maka Kementerian akan memberitahunya pendirian Kementerian seperti yang saya nyatakan tadi.

Suka saya memaklumkan bahawa sekarang Kementerian ini tidak mengalami kekurangan Jururawat-jururawat Terlatih begitu "acute" seperti masa yang lampau. Ini adalah kerana Kementerian ini mempunyai 8 buah Sekolah Latihan Jururawat di seluruh Negara yang dapat mengeluarkan seramai lebih kurang 600 orang Jururawat Terlatih setahun. Memandangkan kewajipan Kerajaan kepada Jururawat-jururawat yang dilatih olehnya, maka keutamaan adalah diberi kepada jururawat-jururawat yang dilatih di bawah Program Latihan Kerajaan untuk mengisi jawatan-jawatan kosong yang ada.

### PENCOLEKAN BAYI DAN KANAK-KANAK

28. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada laporan-laporan mengenai orang-orang yang hilang kian bertambah, bilangan kes-kes yang dilaporkan berkait dengan pencolekan bayi-bayi dan kanak-kanak, dan sama ada terdapat bukti tentang ujudnya "white slave market".

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saya ingin memaklumkan bahawa laporan mengenai kes orang-orang hilang (missing person reports) memang ada bertambah.

Bilangan kes-kes yang dilaporkan berkait dengan pencolekan dan percubaan mencolek bayi-bayi dan kanak-kanak dalam bulan Februari, Mac dan April tahun 1980 ialah 10 semuanya. Dari jumlah tersebut 6 ialah kes percubaan mencolek. Bagaimanapun daripada jumlah 4 kes mencolek hanya 1 kes lagi yang melibatkan seorang bayi perempuan yang masih belum dapat dikesan.

Siasatan Polis menunjukkan kejadian mencolek bayi dan kanak-kanak yang berlaku baru-baru ini adalah bagi tujuan menjual bayi-bayi itu kepada orang-orang yang mahu menjadikan anak angkat, dan tidak ada bukti mengenai ujudnya "white slave market".

## FORMULA KUANTAN

**29. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri memberikan butir-butir perbincangan beliau bersama Presiden Suharto yang diadakan di Kuantan pada bulan Mac lalu, terutamanya butir-butir mengenai "formula Kuantan", dan sama ada masalah berkenaan pelarian Filipina serta peregerakan pengasingan Muslim di Selatan Filipina ada dibincangkan, jika benar, berikan butir-butir tersebut.

**Perdana Menteri:** Butir-butir perbincangan saya dengan Presiden Suharto di Kuantan telah saya terangkan semasa menjawab soalan No. 1 daripada Yang Berhormat Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais. "Formula Kuantan" dan pergerakan pengasingan Muslim di Filipina Selatan telah juga saya terangkan.

Kami tidak membincangkan masalah berkenaan pelarian Filipina.

## ISU KAMPUCHEA

**30. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh mana hasil-hasil yang konkerit telah didapati oleh Malaysia sebagai anggota ASEAN dalam siri dialog dengan Pemimpin-pemimpin Negara Jiran keliling ASEAN atas isu negara Kampuchea dan kestabilan politik perisytiharan Kuala Lumpur. Adakah pihak Kerajaan optimistik siri dialog ini akan diteruskan lagi secara lebih luas dan menghasilkan natijah yang positif.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita beberapa bulan kebelakangan ini telah mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar fikiran dengan pemimpin-pemimpin ASEAN dari Indonesia, Thailand dan Singapura. Beliau telah membincangkan perkembangan serantau, terutama mengenai masalah Kampuchea. Pemimpin-pemimpin ASEAN itu telah berulang kali menyatakan lagi pendirian ASEAN yang inginkan keamanan dan kestabilan yang berkekalan di Asia Tenggara. Keadaan itu hanya akan dapat diwujudkan dengan mengatasi pertikaian di Kampuchea melalui penyelesaian politik, berdasarkan kepada Resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang, antara lain, menyeru tentera-tertera asing ditarik balik dengan serta-merta dari Kampuchea dan supaya rakyat Kampuchea diberikan hak untuk menentukan

masa depan mereka sendiri, bebas dari pengaruh luar, paksaan dan subversib. Dalam hubungan ini, semua negara-negara ASEAN telah bersetuju, betapa pentingnya diwujudkan kembali negara Kampuchea yang merdeka, berdaulat dan berkecuali.

Dalam perbincangan di antara Y.A.B. Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin ASEAN itu, selain daripada menekankan prinsip-prinsip utama yang terkandung di dalam Resolusi PBB mengenai Kampuchea dan Kenyataan Bersama ASEAN-EEC mengenai isu-isu politik sebagai asas mencapai penyelesaian di Kampuchea, satu faktor lain harus juga dipertimbangkan dalam perkara ini. Ini ialah bahawa Vietnam semestinyalah berkecuali dan berdikari, bebas dari pengaruh luar, sama ada dari Soviet Union ataupun China. Faktor ini adalah terkandung dalam "Prinsip Kuantan" yang mana sekiranya dilaksanakan nescaya akan dapat membawa kepada keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara itu. Faktor ini merupakan sebagai tambahan kepada kedua-dua asas penyelesaian seperti di dalam Resolusi PBB dan yang saya sebutkan tadi, dan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Deklarasi Kuala Lumpur.

Kerajaan kita percaya bahawa dengan adanya perbincangan-perbincangan dan bertukar-tukar fikiran yang sering dilakukan di antara pemimpin-pemimpin ASEAN mengenai perkara-perkara dan perkembangan serantau dan antarabangsa yang menjadi perhatian bersama, maka ini akan dapat menyumbang usaha kita untuk mengujudkan keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara dan selaras dengan usaha untuk mencapai matlamat ZOPFAN sepenuhnya.

Saya yakin bahawa usaha-usaha yang dijalankan sekarang akan membawa kepada natijah yang dikehendaki.

## RUNDINGAN PERDANA MENTERI MALAYSIA-SINGAPURA

**31. Tuan V. Govindaraj** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil pertemuan beliau dengan Perdana Menteri Singapura Encik Lee Kuan Yew baru-baru ini, terutamanya dalam konteks perbincangan di sekitar Kuantan Formula.

**32. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan butir-butir dan hasil-hasil rundingan beliau dengan

Perdana Menteri Singapura baru-baru ini dan apakah beberapa perkara di dalam rundingan tersebut sama dengan apa yang telah dirundingkan dengan Presiden Indonesia di Kuantan tempoh hari.

**Perdana Menteri:** Jawapan saya ini akan juga menjawab soalan No. 32 daripada Ahli Yang Berhormat dari Baling.

Butir-butir dan hasil-hasil perundingan saya dengan Perdana Menteri Singapura adalah seperti berikut.

Berkenaan dengan masalah di Kampuchea, saya telah menerangkan kepada Perdana Menteri Singapura mengenai perbincangan saya dengan President Suharto di Kuantan, terutama berkenaan dengan apa yang dikatakan "Formula Kuantan". Perdana Menteri Singapura bersetuju bahawa suatu penyelesaian hendaklah diperolehi secepat mungkin.

Kami berdua juga mengalu-alukan dan menyokong resolusi BCOSOC meminta Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu mengadakan mesyuarat antarabangsa mengenai bantuan kemanusiaan kepada orang-orang Kampuchea.

Mengenai perkara dua hala, kami bersetuju, pada dasarnya, menubuhkan Jawatankuasa Antara Negara (Inter-governmental Committee) yang akan bertanggungjawab kepada Perdana Menteri masing-masing.

Berkenaan penimbunan di sebelah Singapura dalam kawasan Selat Tebrau, Perdana Menteri Singapura telah memberi pengakuan bahawa penimbunan itu tidak akan memberi apa-apa kesan buruk kepada sempadan antarabangsa dan juga menjejaskan perjalanan keluar masuk ke Pelabuhan Pasir Gudang.

Perdana Menteri Singapura telah bersetuju menimbangkan permohonan Malaysia berkenaan dengan tambahan tanah yang berhampiran dengan Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Woodlands.

Kami berdua telah bersetuju supaya perundingan berkenaan Perjanjian Perkhidmatan Udara boleh disambung semula dengan tujuan memperbaiki tawaran perkhidmatan ke Pulau Pinang kepada SIA. Perdana Menteri Singapura faham dan menerima bahawa perkhidmatan udara ke Sabah dan Sarawak oleh SIA tidak boleh dibincangkan lagi.

Kami berdua telah bersetuju membuat kajian mengenai mengadakan sebuah lagi tambak atau jambatan di Selat Johor.

Perdana Menteri Singapura telah menerangkan kepada saya keperluan mendapatkan tanah di kawasan Stesyen Keretapi Tanah Melayu di Tanjong Pagar kerana kegunaan membesarkan jalan. Permohonan ini akan dipertimbangkan.

Masa merundingkan kerjasama ekonomi, kami berdua bersetuju kerjasama ini diperkukuhkan lagi demi kepentingan bersama. Perdana Menteri Singapura menyatakan bahawa Kerajaannya akan menggalakkan mana-mana industri yang hendak pindah ke Malaysia.

## LEMBAGA KEBUTAAN NEGARA

**33. Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian-nya bercadang untuk menubuhkan Lembaga Kebutaan Negara bagi menyelenggara hal ehwal kebutaan di negara ini.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan adalah terlibat dalam rawatan penyakit mata dan juga dalam usaha mencegah penyakit-penyakit mata serta kebutaan. Dalam usaha mencegah kebutaan di kalangan masyarakat, Kementerian ini bekerjasama rapat dengan Persatuan bagi Orang-orang Buta, Malaysia. Aktiviti-aktiviti berkaitan pendidikan dan pemulihan orang-orang buta adalah dikendalikan oleh Persatuan tersebut dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan tidak bercadang menubuhkan sebuah Lembaga Kebutaan Mata pada masa ini, bagi maksud yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

## PEMBERIAN MENURUT BILANGAN PENDUDUK (CAPITATION GRANT)

**34. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan menambahkan pemberian menurut bilangan penduduk (capitation grant) kepada negeri-negeri memandangkan hakikat:

(a) perbelanjaan pentadbiran telah meningkat;

- (b) beberapa buah negeri dalam negeri ini berfungsi dengan belanjawan tahunan yang berkurangan.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Kerajaan sudahpun bersetuju pada dasarnya untuk menambah pemberian menurut bilangan penduduk berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat baru-baru ini.

### MENTERI LUAR VIETNAM MELAWAT MALAYSIA

**35. Datuk Lee Boon Peng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kunjungan Menteri Luar Negeri Vietnam Nguyen Co Thach telah mendatangkan keputusan yang bermakna bersabit dengan konflik Kampuchea, dan apakah pendirian Vietnam mengikut Prinsip Kuantan Malaysia dan Indonesia.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Lawatan Menteri Luar Vietnam Encik Nguyen Co Thach ke Malaysia pada 8hb-11hb Mei lalu adalah berfaedah dalam hasrat kedua-dua buah negara meneruskan dialog yang telah kita mulakan di Hanoi bulan Januari lalu, dengan suasana berterus-terang, mesra dan persahabatan untuk mencapai suatu penyelesaian mengenai pertikaian di Kampuchea. Sungguhpun masih ada terdapat beberapa perbezaan pendapat asasi antara Malaysia dan Vietnam mengenai masalah ini, namun saya menganggap dialog ini perlu dan mustahak diteruskan kerana dengannya, kedua-dua belah pihak dapat meneruskan perbincangan agar perbezaan-perbezaan pendapat yang ada itu dapat dikurangkan, demi keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara ini. Adalah juga penting bahawa Vietnam telah mengulangi akuannya akan terus menghormati keutuhan wilayah, kedaulatan dan kemerdekaan Negeri Thai serta negara-negara ASEAN yang lain.

Mengenai Prinsip Kuantan pula, di mana untuk pertimbangan-pertimbangan jangka-masa panjang Vietnam perlu bebas dari pengaruh China dan Russia, Vietnam tidak menolak prinsip tersebut tetapi ia menyatakan pandangannya supaya Amerika Syarikat juga harus disebutkan dalam prinsip itu.

### SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CHINA

**36. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China di seluruh negara yang ada pada masa sekarang;
- (b) apakah tindakan atau langkah yang akan diambil oleh Kementerianya, di bawah Rancangan Malaysia Keempat bagi membina lebih banyak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China di negara ini;
- (c) sama ada beliau sedar bahawa banyak Sekolah-sekolah Rendah China yang ada sekarang adalah dalam keadaan yang amat mendukacitakan, miskin dan kurang wang untuk membaiki kerosakan dan ubah-suai, dan jika benar sama ada Kementerianya akan memberikan peruntukan yang cukup untuk kerja-kerja membaiki kerosakan dan kerja ubah-suai di bawah Rancangan Malaysia Keempat; dan
- (d) sama ada beliau sedar bahawa Sekolah-sekolah Rendah China adalah kekurangan tenaga pengajar yang berkelayakan, jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil bagi menyelesaikan masalah ini.

### Dato' Musa bin Hitam:

- (a) Bilangan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China)—

Semenanjung	...	...	988
Sabah	...	...	91
Sarawak	...	...	234
Jumlah			1,313

- (b) Dalam menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini, suka saya jelaskan bahawa rancangan-rancangan Kementerian Pelajaran di bawah Rancangan Malaysia Keempat masih di dalam peringkat perancangan dan pada masa ini tidaklah dapat saya sebutkan pertambahan mana-mana sekolah termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China).

(c) Saya memang sedar ada setengah-setengah Sekolah Rendah Aliran Bahasa China terutamanya Sekolah-sekolah bantuan modal dalam keadaan buruk. Kekurangan kemudahan bukan sahaja wujud di sekolah-sekolah aliran bahasa China, tetapi juga di sekolah-sekolah aliran yang lain. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa memandang berat masalah ini dan sedang berusaha bagi memperbaiki keadaan buruk di sekolah-sekolah demikian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telahpun memohon peruntukan yang lebih dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi sekolah-sekolah bantuan modal ini. Bagi sekolah-sekolah rendah aliran China (milik Kerajaan) projek-projek pembangunan seperti gantian, tambahan, dan projek-projek kecil akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

(d) Saya sedar akan kekurangan ini. Bagaimanapun langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi kekurangan tersebut. Pengeluaran guru-guru yang berkelayakan untuk mengajar di sekolah-sekolah Rendah China dari Maktab-maktab Perguruan dan juga Kursus Masa Cuti adalah bertambah dari tahun ke tahun. Bilangan pengeluaran dalam masa empat tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:

Tahun	Kursus Sepenuh Masa	Kursus Cuti Masa	Jumlah
1976	206	258	464
1977	269	100	369
1978	313	856	1,169
1979	320	935	1,289

Bilangan guru-guru untuk Sekolah Rendah China yang dirancang masuk ke Maktab-maktab Perguruan dalam jangka masa yang sama adalah diturunkan di bawah. Oleh kerana kekurangan calon-calon yang mempunyai kelayakan yang sesuai dan juga disebabkan oleh setengah-setengah pelatih berhenti semasa dalam kursus

maka bilangan yang dirancang ini tidak tercapai. Bilangan ini adalah seperti berikut:

Tahun	Dirancang Bil.	Bil yang layak dilatih	Kekurangan
1976	420	318	102
1977	420	355	65
1978	525	345	180
1979	720	534	186
1980	900	900	—

### KENAIKAN HARGA PETROL

37. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada keuntungan-keuntungan besar yang kian meningkat yang diperolehi oleh syarikat-syarikat minyak setiap tahun telah diambil kira oleh Kementerianya sebelum kenaikan harga petrol, disel dan gas dapur dibenarkan pada bulan April ini, dan jika ya, beri butir-butir lanjut bagaimana ia diambil kira, dan sama ada benar syarikat-syarikat minyak telah memohon sekali lagi untuk menaikkan harga bahan-bahan tersebut.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga barang-barang petroleum di Malaysia bergantung secara langsung kepada harga minyak mentah OPEC. Ini adalah kerana, walaupun Malaysia mempunyai minyak mentahnya sendiri, lebih kurang 70 peratus daripada minyak mentah yang diproses di dalam negeri dan 23 peratus daripada barang-barang petroleum keperluan kita adalah diimport dari luar negeri. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, harga minyak mentah kian meningkat dengan tingginya.

Keputusan Kerajaan untuk membenarkan syarikat-syarikat minyak tempatan untuk menaikkan harga barang-barang petroleum pada 25hb April, 1980 ini berasaskan kepada kenaikan harga minyak mentah yang diproses oleh syarikat-syarikat minyak. Jika dibandingkan harga minyak mentah dalam bulan April, 1980 dengan harga yang terdapat pada bulan Ogos, 1979, (tarikh kenaikan harga barang-barang petroleum

yang lalu) didapati harga minyak mentah telah meningkat kira-kira 45 peratus seperti berikut:

	US\$ Setong	Peratus Kenaikan
Arab Light ...	26.00	44
Arab Medium ...	25.55	46
Arab Heavy ...	25.17	47
Kuwait ...	27.50	41
Miri ...	35.30	49
Iran Light ...	30.37	43

Di dalam tahun 1979, syarikat-syarikat minyak telah memperolehi keuntungan yang berbeza. Pulangan bersih (selepas cukai) kepada pelaburan (after tax return to funds employed) bagi dua buah syarikat adalah memuaskan, tetapi pulangan tiga buah syarikat yang lain adalah rendah. Di dalam kajian kenaikan harga Kerajaan telah mengambil kira faktor ini. Walau bagaimanapun, perlulah bagi saya menjelaskan bahawa keuntungan adalah satu daripada faktor-faktor yang harus diambil kira dalam sebarang kajian kenaikan harga. Faktor-faktor yang lain seperti kos minyak mentah, kos penapisan dan kos pemasaran dan pengedaran perlu juga diambil kira. Kerajaan berpuashati bahawa kos-kos tersebut telah pun naik dan walaupun syarikat-syarikat minyak memperolehi keuntungan, mereka tidak berkeupayaan untuk menampung semua kenaikan kos-kos tersebut, terutama kenaikan kos minyak mentah yang begitu tinggi. Walau bagaimanapun, kenaikan harga yang diberikan oleh Kerajaan pada 25hb April, 1980 adalah untuk membolehkan syarikat-syarikat minyak menampung sebahagian daripada kenaikan kos yang dipohon oleh mereka.

Walaupun Kerajaan telah melaksanakan harga baru, kelima-lima buah syarikat minyak telah memberitahu Kementerian saya bahawa mereka merasa tidak puashati dengan harga baru ini dan mereka telah pun membuat rayuan meminta dipertimbangkan semula harga barang-barang petroleum.

Dalam rayuan mereka, syarikat-syarikat minyak telah memberitahu Kementerian bahawa kenaikan harga yang diluluskan adalah tidak mencukupi untuk menutup kos. Oleh kerana ini syarikat-syarikat minyak sedang mengalami kerugian. Kerugian ini jika berterusan akan memberi kesan ke atas keupayaan industri minyak untuk mendapat bekalan minyak mentah dan barang-barang

petroleum dari pasaran dunia untuk memenuhi keperluan dalam negeri. Kerugian ini juga akan memberi kesan ke atas aliran tunai (cash flow) industri minyak. Keadaan sekarang ini telah pun bercampur-aduk pula dengan kenaikan minyak mentah yang seterusnya oleh negara-negara OPEC iaitu kira-kira US\$2 setong. Kenaikan harga ini dikuatkuasakan mulai 1hb April, 1980. Berdasarkan kenaikan baru ini, Kementerian saya telah pun menerima permohonan daripada syarikat-syarikat minyak untuk menaikkan harga barang-barang petroleum.

### LAPORAN PENILAIAN— KELAMBATAN

**38. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar Jabatan Penilaian mengambil masa yang panjang untuk menyediakan laporan penilaian untuk membolehkan pembeli-pembeli rumah membayar cukai setem dan kelambatan ini menimbulkan kesulitan dan kerugian dari segi kewangan bukan sahaja kepada pembeli-pembeli bahkan juga penjual-penjual rumah; jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut, dan sama ada di antara langkah-langkah yang diambil termasuk langkah membuka pejabat-pejabat penilaian kawasan, jika ya, berikan nama dan bilakah pejabat-pejabat tersebut akan ditubuhkan.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Saya sedar bahawa Bahagian Penilaian memerlukan masa untuk menjalankan kerja-kerja penilaian bagi maksud cukai setem. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masa purata yang diambil bagi menyiapkan satu-satu kes ialah dua minggu. Walau bagaimanapun, di dalam keadaan di mana sesuatu harta itu terletak di pendalaman atau di mana keterangan-keterangan yang diperlukan tidak diperolehi, ianya akan mengambil masa yang lebih untuk menyiapkan kerja penilaian itu.

Kementerian Kewangan sedang mengambil beberapa tindakan bagi mengurangkan masa yang diambil bagi menjalankan kerja-kerja penilaian. Pegawai-pegawai teknikal tambahan telah diluluskan untuk Bahagian Penilaian dan kekosongan sedang diisi apabila sahaja pegawai-pegawai bertauliah boleh didapati. Pejabat-pejabat peringkat daerah sedang ditubuhkan di seluruh negara

Dalam tahun 1980, satu pejabat daerah telah dibuka di Telok Anson, Perak. Pejabat-pejabat daerah yang baru sedang diuruskan pembukaannya di Butterworth dan Kuala Krai dan dijangka dapat bermula dalam beberapa bulan akan datang. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, Pejabat-pejabat seperti berikut telah dicadangkan:

- 1981—Kluang, Kajang, Sandakan
- 1982—Sungai Petani, Kuala Lipis, Dungun
- 1983—Sitiawan, Kuala Selangor, Tawau
- 1984—Tampin, Segamat, Sibul
- 1985—Kuala Kubu Baru, Kuala Pilah, Miri.

Dengan terlaksananya perkembangan yang telah dicadangkan seperti di atas, Bahagian Penilaian akan dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih berkesan dan cepat kepada rakyat.

#### HOSPITAL BESAR BARU IPOH— SEBAB KELAMBATAN

39. Tuan P. Patto minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada kelambatan penyiapan bangunan Hospital Besar Baru Ipoh berharga berjuta-juta ringgit bagi penggunaan adalah kerana salah perancangan bangunan yang telah menyebabkan pemecahan beberapa dinding untuk memasang alat-alat klinikal, ketiadaan-ketiadaan bahagian Pesakit Luar (OPD), ketiadaan alat-alat pembedah api walaupun hospital ini direka mengikut pelan Hospital Besar Seremban, jika tidak, apakah sebab-sebab sebenar kelambatan itu berlaku;
- (b) apakah maksud "some technical problem" yang disebutkan oleh beliau di Ipoh baru-baru ini sebagai alasan kelambatan itu berlaku; dan
- (c) sama ada hospital baru ini dapat digunakan dengan serba kelengkapan dalam bulan Julai tahun ini seperti diumumkan oleh beliau baru-baru ini di Ipoh.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:**

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perancangan, pembinaan dan permulaan perkhidmatan sesebuah Hospital Besar yang sebegitu luas

seperti yang terdapat di Ipoh ini yang hampir siap, memanglah merupakan suatu kerja yang amat rumit. Penyesuaian-penyesuaian perlulah dibuat terhadap pelan-pelan dari masa kesemasa, walau bagaimana baik sekalipun pelan-pelan ini disediakan. Setelah kerja-kerja dijalankan, masalah-masalah ini perlulah kita atasi apabila timbul. Walaupun pelan am Hospital Seremban telah digunakan sebagai asas untuk hospital ini, adalah jelas bahawa tiap-tiap bangunan itu perlu kita ubahsuai reka-bentuk di dalamnya, juga mengenai kedudukan tempatnya bagi memenuhi keperluan-keperluan tertentu. Kesemua pengubahan-suai yang telah dilakukan di Hospital Besar, Ipoh, ini adalah bertujuan untuk memperbaiki pelan yang asal, bukannya untuk melengah-lengahkan projek ini, lebih-lebih lagi saya seperti juga orang ramai, ingin melihat hospital ini siap dan memberi khidmat dengan secepat mungkin.

- (b) Faktor-faktor teknikal sekiranya saya nyatakan di sini adalah agak panjang lebar juga, akan tetapi beberapa dari sebab-sebabnya ialah kerana perubahan-perubahan yang perlu dibuat terhadap asas bangunan ini kerana "layer limestone" didapati tidak sama rata semasa pembinaan bangunan ini dimulakan. Jabatan-jabatan Kemalangan dan Farmasi telahpun diperbaiki, dan yunit-yunit baru ditambah untuk rawatan rapi dan jantung. Suatu sistem mencegah kebakaran terpaksa direka semula apabila peraturan-peraturan baru mengenai perkara ini dikuatkuasakan setelah kerja-kerja dimulakan, bagi memastikan bangunan ini memenuhi syarat-syarat yang baru. Pemecahan terhadap dinding-dinding yang sangat minima terpaksa dilakukan, iaitu dimana yang perlu sahaja, bagi memasang alat-alat dan memperbaiki ruangan tempat lalu (circulation).
- (c) Jika tiada apa-apa halangan lagi, tarikh yang telah ditetapkan untuk disiapkan oleh kontraktor ialah 7hb Julai 1980. Selepas itu, hospital ini dijangka akan mengambil masa selama sebulan ataupun dua bulan lagi bagi memulakan perkhidmatannya di bangunan yang baru ini.

## OPERASI ISI PENUH— PENGAMBILAN KAKITANGAN

**40. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada urusan Isi Penuh di berbagai-bagai Jabatan Kerajaan telah selesai, jika ya, nyatakan jumlah orang yang diambil kerja dan beri perpecahan mengikut kaum bagi pengambilan tersebut.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan Operasi Isi Penuh (Peringkat Pertama) telah pun selesai dijalankan, dan Kerajaan telah memutuskan supaya Sistem Operasi dilanjutkan hingga Kerajaan menghadapi Rancangan Malaysia Keempat. Urusan Operasi (Peringkat Kedua) telah dilancarkan baru-baru ini, iaitu pada 7hb Mei, 1980. Semenjak Operasi Isi Penuh dilancarkan, sebahagian besar jawatan-jawatan kosong telah dan sedang dibuat pengisiannya.

Sebanyak 34,522 tawaran telah dibuat bagi semua jenis Kumpulan A, B, C, D, termasuk IMG, termasuk bulan Mei, 1979 sehingga 29hb Februari, 1980. Kebanyakan daripada jawatan-jawatan yang masih kosong adalah jawatan-jawatan Polis beruniform, jawatan professional dan teknikal, serta jawatan-jawatan yang memerlukan kemahiran-kemahiran tertentu di mana calon-calon yang layak adalah sukar didapati.

Saya suka menegaskan di sini bahawa pemilihan calon-calon adalah berdasarkan kelulusan, kelayakan dan kesesuaian calon-calon itu sendiri. Prinsip yang diikuti oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini adalah juga diamalkan oleh sistem Operasi Isi Penuh. Oleh yang demikian, soal untuk menyiapkan rekod-rekod mengikut kaum tidaklah berbangkit. Walau bagaimanapun, Kerajaan juga berusaha agar pengambilan kakitangan awam akan mencerminkan suku kaum di negara ini. Ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan yang ingin melihat pekerjaan-pekerjaan di semua bidang sama ada pihak swasta atau awam akan mencerminkan negara Malaysia yang terdiri dari berbagai keturunan.

## CITY HALL FLATS—KEROSAKAN LIF

**41. Dr Tan Tiong Hong** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) Bilangan kemalangan yang telah berlaku di City Hall Flats akibat dari kerosakan lif dalam masa 2 tahun yang lalu;
- (b) Rancangan-rancangan Kerajaan untuk menggantikan lif-lif yang lama dan merbahaya; dan
- (c) Sebab-sebab menggunakan lif-lif yang berbilangan jenis yang telah mengakibatkan banyak masalah dan kos yang tinggi untuk mendapatkan alat penggantian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad):**

- (a) Hanya satu kemalangan sahaja yang telah berlaku di rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya akibat daripada kerosakan lif dalam tempoh 2 tahun yang lalu.
- (b) Dewan Bandaraya memang mempunyai rancangan untuk menggantikan lif-lif yang lama di setiap rumah pangsa Dewan Bandaraya. Untuk memastikan supaya lif-lif tersebut sentiasa di dalam keadaan selamat dan baik dari segi perkhidmatan kepada penghuni-penghuni rumah pangsa. Walau bagaimanapun, penggantian lif ini hanya akan dilakukan berdasarkan kepada usia lif-lif yang berkenaan dan biasanya lif-lif yang telah dibekalkan dan menjalankan perkhidmatan selama 15 tahun akan digantikan mengikut kepentingan terhadap keselamatan pengguna-pengguna lif tersebut.
- (c) Sebagai sebuah badan berkanun yang menjalankan dasar-dasar pembelian mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan di bawah peraturan kewangan, segala pembelian dan pembekalan lif di rumah pangsa Dewan Bandaraya adalah dibuat melalui panggilan tender. Pemilihan pula akan dibuat berdasarkan kepada penawaran tender yang rendah boleh diterima (the lowest acceptable tender) dan ini akan mengakibatkan pembelian dibuat bukan sahaja kepada sesuatu jenis lif tapi kepada berbagai-bagai jenis lif di mana penawaran yang diterima memenuhi syarat-syarat perincian teknikal dan

penawaran harga yang rendah. Ini adalah sebab-sebab mengapa Dewan Bandaraya menggunakan lif-lif yang berbilang jenis di rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, masalah serta kos yang tinggi untuk mendapatkan alat penggantian lif-lif tidak menjadi masalah besar oleh kerana Dewan Bandaraya mempunyai perjanjian dengan syarikat-syarikat yang membekalkan lif-lif tersebut supaya menyelenggarakan serta menjalankan perkhidmatan pembaikan kepada lif-lif yang berkenaan itu.

### ANGKATAN TENTERA MALAYSIA— PEMBESARAN

**42. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada pembesaran Angkatan Tentera Malaysia, termasuk juga pembesaran Tentera Wataniah (Territorial Army) supaya seimbang dengan Tentera Simpanan selain dari yang terdapat di pusat-pusat Pengajian Tinggi seperti ROTU (Reserve Officers Training Unit) atau di Jabatan-jabatan yang penting (essential Services), yang perlu dikaji secara mendalam dan dilaksanakan penubuhan unit-unit tersebut untuk menjaga kepentingan awam sebelum terlambat kiranya berlaku sesuatu pertikaian/kecemasan yang boleh menggugat keutuhan ekonomi negara seperti berlakunya pemogokan kakitangan MAS sedikit masa dahulu, dan jika tidak, mengapa.

**Datuk Mokhtar bin Haji Hashim:** Sebagai satu Kementerian yang bertanggungjawab atas keselamatan dan pertahanan negara, Kementerian ini memang sentiasa sedar dan mengikuti perkembangan baik pun di luar atau di dalam negeri. Di atas kesedaran ini Kementerian Pertahanan sentiasa menambah dan memperkemas tenaga untuk pertahanan negara. Dalam proses pembesaran ini, Komponen dari askar sukarelawan tentu dikaji dan dirancangan mengikut suatu Rancangan paras A.T.M. yang difikirkan effective dan economical.

Sejajar dengan pembesaran pasukan Tetap, Pasukan Simpanan Tentera Darat (Askar Wataniah) akan diperbesarkan seperlunya sehingga ia mencapai nisbah 3:1 (iaitu 3 anggota sukarela kepada anggota tetap) dalam masa 10 tahun ini. Walau bagaimanapun, matlamat bagi akhir tahun 1983 ialah untuk mencapai nisbah 1:1.

Pembesaran tersebut akan meliputi elemen-elemen berikut:

(a) *Simpanan Kombat.* Pasukan simpanan yang lengkap dan dilatih dan disusun seperti pasukan tetap dan boleh bertindak sebagai pasukan perang.

(b) *Simpanan Statik.* Pasukan Simpanan yang bertanggungjawab menyediakan dan melatih anggota-anggota sukarela untuk membantu pasukan simpanan Kombat dan juga Pasukan Tetap.

(c) *Simpanan Pakar.* Pasukan Simpanan yang bertanggungjawab mengendalikan "essential services" seperti letrik, air, telekom, keretapi dan pelabuhan dalam masa dharurat.

### KEBENARAN MELAWAT NEGERI CHINA

**43. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) mengapa pada tahun 1979 hanya 50 dari 2,000 pemohon di Selangor dan lebih kurang 10 dari 2,000 pemohon sahaja di Pulau Pinang mendapat kebenaran (China Endorsement) dari pihak Kerajaan untuk melawat saudara-mara mereka atau mendapat rawatan perubatan di Negeri China dan mengapa beribu-ribu pemohon yang gagal mendapat kebenaran ini tidak diberitahu oleh Kementerianya tentang sebab-sebab mereka tidak berjaya mendapat kebenaran ini;

(b) mengapa dulunya senang untuk orang ramai mendapat kebenaran ini dan mengapa mulai dari tahun 1979 sukar didapati kebenaran ini;

(c) mengapa kebanyakan rakyat Malaysia tidak boleh melawat Negeri China; dan

(d) apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk menyenangkan dan membolehkan rakyat Malaysia melawat saudara-mara mereka atau mendapat rawatan perubatan di Negeri China.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:**

(a) Dakwaan Ahli Yang Berhormat itu nyata merupakan agak-agakkan sahaja. Sebenarnya permohonan yang diterima

dari Negeri Selangor adalah 2,543. Dari jumlah ini 358 permohonan telah diluluskan, 230 telah ditolak manakala bakinya masih dalam proses.

Bagi Negeri Pulau Pinang pula jumlah permohonan yang diterima ialah 2,274. Dari jumlah ini 595 permohonan telah diluluskan, 346 telah ditolak manakala bakinya adalah masih dalam proses.

Permohonan yang telah ditolak telah diberitahu kepada yang berkenaan dan adalah menjadi amalan Kementerian ini tidak memberitahu sebab-sebab penolakan tersebut.

- (b) Untuk menjawab soalan (b) dan (c) sukalah ditegaskan di sini bahawa hubungan Malaysia dengan Republik Rakyat China adalah hubungan Kerajaan dengan Kerajaan, bukan antara rakyat dengan rakyat. Kerana adanya dasar Parti Komunis China menyokong parti komunis di negeri ini sebagaimana dinyatakan oleh Deng Xiaoping di Bangkok pada 10-11-1978, maka Kerajaan terpaksa memandang soal lawatan Warganegara Malaysia ke RRC dengan terbatas.
- (c) Untuk menjawab soalan (d), Peraturan yang ada sekarang adalah sudah memadai dan menyenangkan. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menimbang semua permohonan-permohonan melawat RRC dengan saksama mengikut peraturan yang ada sekarang.

## PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS

**44. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran memberi sebab-sebab mengapa hanya 8% pelajar-pelajar lulus dalam matapelajaran Inggeris dalam peperiksaan SPM/MCE tahun lalu dan sama ada terdapat apa-apa rancangan komprehensif untuk meningkatkan gred taraf matapelajaran Inggeris dengan seberapa segera yang boleh.

**Dato' Musa bin Hitam:** Sepertimana yang kita sedia maklum, pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris pada masa ini adalah sebagai bahasa kedua. Oleh yang demikian pendedahan murid-murid terhadap bahasa ini adalah amat terhad. Perkara ini lebih ketara lagi dikalangan murid-murid di sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan yang kebanyakannya terletak di kawasan luar bandar.

Menyedari hakikat ini Kementerian saya telah menganjurkan beberapa projek jangka pendek dan jangka panjang, bertujuan untuk memberi murid-murid lebih banyak pendedahan di dalam penggunaan bahasa Inggeris. Dengan adanya langkah-langkah positif Kementerian itu pencapaian murid-murid di dalam peperiksaan bahasa Inggeris telah bertambah baik dari 3% dalam tahun 1978 meningkat ke 8% dalam tahun 1979. Kemujuan ini adalah amat menggalakan.

Berikut ini adalah projek-projek yang dijalankan oleh Kementerian saya bagi meningkatkan lagi gred taraf matapelajaran tersebut:

1. Projek Bacaan bahasa Inggeris (ERP). Projek ini telah dimulakan pada tahun 1976 di semua sekolah berasrama penuh. Pada tahun 1979, sebanyak 50 buah sekolah menengah biasa telah menyertai projek ini dan pada tahun 1980, 50 buah lagi menyertai projek ini. Sebanyak 50 buah lagi sekolah menengah biasa akan menyertai projek ini pada tahun 1981.
2. Projek "Listening Comprehension". Projek ini masih di dalam persediaan bahan-bahan pengajaran. Adalah dijangkakan projek ini akan dimulakan pada tahun 1981.
3. Projek Bacaan Tambahan bahasa Inggeris Sekolah-sekolah Rendah.  
Semua bahan untuk projek ini hampir siap dan dijangkakan projek ini akan dilaksanakan pada awal tahun 1981.
4. Penggunaan Bahasa "Kit Sumber bahasa Inggeris". "Kit Sumber" ini mengandungi bahan-bahan yang digredkan mengikut kemampuan bahasa Inggeris murid-murid mulai dari Tingkatan IV. Bahan-bahan "Kit Sumber" ini dipadankan dengan sukatan pelajaran bahasa Inggeris tingkatan IV dan V (Communication Syllabus).
5. Kursus Dalam Perkhidmatan untuk Guru-guru bahasa Inggeris.

Kementerian saya telah mengambil langkah untuk melatih lebih ramai guru dalam bidang TESL (Teaching of English as a Second Language). Pusat-pusat latihan tersebut diadakan di Pusat Bahasa, Universiti Malaya, di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya,

di Maktab Bahasa dan beberapa institusi luar negeri seperti Singapura (RELC), Australia dan New Zealand.

6. Pengambilan Guru-guru bahasa Inggeris dari United Kingdom.

Kementerian saya mengambil seramai 200 orang guru bahasa Inggeris dari United Kingdom. Kumpulan pertama seramai 45 orang telah mula bertugas pada awal tahun 1980. Kumpulan kedua seramai 80 orang dijangka tiba ke negara ini pada akhir tahun 1980 dan kumpulan ketiga seramai 75 orang dijangka tiba pada akhir tahun 1981.

7. Kementerian saya juga dari semasa ke semasa menjalankan kajian mengenai kurikulum bahasa Inggeris dari segi kesannya terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris.

Dengan adanya rancangan-rancangan tersebut dijalankan dengan pesatnya, pencapaian serta kebolehan murid-murid menguasai bahasa Inggeris akan bertambah meningkat dari setahun ke setahun.

### LEMBAGA PERPADUAN NEGARA/ RUKUN TETANGGA

45. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan apakah tujuannya di sebalik mencantumkan Lembaga Perpaduan Negara dan Rukun Tetangga dan apakah peranan kedua-duanya ini selepas dicantumkan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Saya suka menerangkan bahawa Lembaga Perpaduan Negara dan Urusetia Rukun Tetangga adalah merupakan dua agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang mempunyai matlamat yang hampir sama menyatukan masyarakat berbilang kaum di negara ini untuk mencapai keharmonian dan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Sebelum percantuman dibuat, adalah didapati bahawa kedua-dua agensi ini menjalankan program-program dan aktiviti-aktiviti yang hampir sama yang juga ditumpukan kepada kumpulan sasaran yang sama. Memandangkan kepada penindihan ini, keputusan telah diambil untuk mencantumkan Lembaga Perpaduan Negara dan Urusetia Rukun Tetangga supaya dapat mengelakkan penindihan-penindihan tersebut.

Kepakaran, kuasa dan kemahiran kedua-dua organisasi itu disalurkan dengan berkesan, untuk pencapaian objektif perpaduan dan keselamatan negara.

Peranan yang dimainkan oleh Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara adalah tidak berubah, iaitu antara lain seperti berikut:

- (a) Untuk memberi pendidikan, penerangan dan publisiti berkenaan prinsip-prinsip dan amalan Rukun Negara kepada semua rakyat Malaysia;
- (b) Untuk mengkaji dan menilai, mencadang dan mengawas dasar-dasar, program-program, aktiviti-aktiviti bagi mewujudkan satu masyarakat yang berdisiplin, muhibah dan bersatu-padu selaras dengan cita-cita Rukun Negara;
- (c) Untuk menjalankan penyiasatan ke atas peristiwa dan kes-kes diskriminasi dan pertelingkahan kaum dan berusaha menyelesaikannya;
- (d) Untuk merancang dan mentadbir Operasi Rukun Tetangga;
- (e) Untuk merancang dan mentadbir program-program dan aktiviti-aktiviti Rancangan Perhubungan Masyarakat;
- (f) Untuk menjalankan segala program-program dan aktiviti-aktiviti lain yang bersangkutan-paut dengan Perhubungan Masyarakat dan Perpaduan Negara.

### HADIAH SAGUHATI KEPADA PEMAIN AMATEUR

46. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerianya bercadang memberikan hadiah saguhati sebanyak sepuluh ribu ringgit kepada pemain-pemain amateur kebangsaan kita sebagai mengenangkan jasa mereka terhadap negara apabila mereka bersara dari bidang sukan.

**Dato' Abdul Samad bin Idris:** Kementerian saya tidak bercadang memberikan hadiah-hadiah saguhati sebanyak yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat kepada pemain-pemain amateur kebangsaan kita yang telah bersara.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kerja 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1979 DAN 1980)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan-wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

### KEBAKARAN DI PORT KLANG

3.39 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan:

Bahawa Dewan menurut Peraturan Mesyuarat 18 (1) memberi kebenaran kepada Ahli Parlimen Kawasan Kuala Lumpur Bandar, Tuan Lee Lam Thye, untuk meminta penangguhan Dewan bagi merundingkan satu perkara tertentu, berkenaan dengan kepentingan orang ramai dan yang berkehendakkan disegerakan iaitu berkenaan dengan bencana kebakaran dan letupan yang sungguh dahsyat yang berlaku di Pelabuhan Selatan Port Klang pada hari Khamis, 5hb Jun yang lalu, yang telah mengorbankan nyawa sekurang-kurangnya tiga orang terbunuh, lebih daripada 100 orang tercedera dan memusnahkan kargo yang bernilai berjuta-juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkara ini adalah tertentu kerana satu bencana kebakaran yang amat dahsyat yang berlaku di Pelabuhan Selatan Port Klang pada 5hb Jun yang lalu, diikuti bersama dengan letupan-letupan yang mencemaskan dan serius, yang telah meninggalkan sekurang-kurangnya tiga nyawa terkorban, lebih 100 orang tercedera dan memusnahkan 20 gudang dan kargo am yang bernilai berjuta-juta ringgit.

Kedua, bahawa perkara ini adalah berkenaan dengan kepentingan orang ramai kerana rakyat di seluruh negara, terutamanya penduduk-penduduk yang tinggal di Port Klang ingin mengetahui apakah yang menyebabkan kebakaran itu berlaku, bagaimanakah letupan-letupan itu boleh terjadi, sama ada kebakaran itu disebabkan oleh kelalaian atau kecuaiian setengah-setengah kakitangan, mengapakah ianya tidak boleh dikawal secepat mungkin, mengapakah tekanan air ketika itu terlalu rendah, begitu juga masalah-masalah lain yang ada kaitan dengan petaka itu.

Ketiga, bahawa perkara ini berkehendakkan perlu disegerakan kerana meskipun kebakaran ini berlaku lebih kurang 5 hari yang lalu dan pihak Kerajaan sudah berjanji supaya satu penyiasatan dijalankan, tetapi masih perlu diambil tindakan-tindakan segera bagi mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap Pentadbiran Pelabuhan, terutamanya berhubung aspek-aspek keselamatan.

Perkara ini juga perlu disegerakan kerana Klang dan Port Klang akan menghadapi satu kekurangan bekalan kuasa elektrik tidak lama lagi andainya langkah-langkah tertentu diambil segera untuk menyelesaikan masalah pengkalan cecair (liquid terminal) di Pelabuhan Selatan.

Kerajaan hendaklah sebagai satu perkara yang berkehendakkan disegerakan, berusaha menubuhkan satu Panel Bebas bagi mengendalikannya satu penyiasatan terbuka, bukan satu penyiasatan yang tertutup, mengenai sebab-sebab kebakaran dan mengapa kebakaran tersebut tidak boleh dikawal dengan serta merta dan sama ada mala petaka ini adalah disebabkan oleh kekurangan langkah-langkah keselamatan yang diletakkan di pelabuhan itu.

Kerajaan juga hendaklah sebagai satu perkara yang perlu disegerakan mengkaji pembentukan satu Tabung Pampasan bagi memberi bantuan kepada keluarga-keluarga

yang malang dan juga mereka yang tidak mempunyai perlindungan insuran akan tetapi benar-benar mengalami penderitaan dan kehilangan rumah dan harta-benda.

Juga adalah perlu ditubuhkan segera satu Pasukan Petugas bagi menentukan penye-larasan usaha-usaha dari semua pihak yang berkenaan tidak saja untuk membantu mereka yang menderita akibat tragedi ini tetapi juga masalah kuasa elektrik dan pembinaan atau membangunkan semula Pelabuhan Selatan di Port Klang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima usul ini pagi tadi dan saya telah membuat penyiasatan selain daripada apa yang diketahui daripada akhbar-akhbar, radio dan televisyen, dan sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum iaitu usul yang dibawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18 ini hendaklah saya puas hati atas 3 perkara iaitu;

Perkara itu tertentu;

Perkara itu untuk kepentingan orang ramai; dan

Perkara itu perlu disegerakan.

Berkenaan perkara itu tertentu dan bagi kepentingan orang ramai tidaklah disyakkan lagi. Walau bagaimanapun, saya tidak puas hati bahawa perkara ini perlu disegerakan hingga patut ditangguhkan sidang Dewan ini bagi membincangkan ini memandangkan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan, daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Lembaga Pelabuhan Kelang sendiri.

Dengan sebab itu, usul ini saya tolak.

## USUL-USUL

### AKTA PERSATUAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA 1960

3.46 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa:

Mengikut Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960 Majlis ini mengambil ketetapan bahawa tambahan

yuran Malaysia kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa sebanyak AS\$54,775 diluluskan.

Persatuan Pembangunan Antarabangsa ia itu salah sebuah daripada 3 buah Badan Hubungan Bank Dunia telah ditubuhkan dalam tahun 1960 untuk memberi bantuan kewangan kepada negara-negara ahli kurang maju yang tidak mampu meminjam pada kadar faedah pasaran ataupun pada kadar faedah yang dikenakan oleh institusi kewangan (multi-lateral) oleh sebab keadaan ekonominya yang mundur.

Negara-negara yang mendapat bantuan dari persatuan ini adalah mereka yang mempunyai pendapatan perkapita yang kurang daripada AS\$580 atau \$1,276 mengikut kadar pertukaran wang sekarang. Bantuan yang diberi oleh persatuan ini adalah bantuan pinjaman jangka panjang selama 50 tahun dan tidak dikenakan apa-apa faedah.

Aktiviti persatuan ini dibiayai sebahagian besarnya melalui tambahsemula (replacement) iaitu secara menambahkan sumbangan dan yuran modal oleh negara-negara ahli.

Sejak persatuan ini ditubuhkan sumber kewangannya telah ditambah semula sebanyak lima kali dan jumlah sumbangan dan yuran modal dan yang telah dikumpulkan ialah sebanyak AS\$18,209.1 juta atau \$40,130 juta. Kesemua sumbangan dan caruman itu dijangka akan digunakan sepenuhnya pada bulan Jun, 1980 termasuklah sumbangan dan yuran modal sebanyak AS\$8,534 juta yang telah dikumpulkan di bawah tambahsemula kelima iaitu tambahsemula yang terakhir sekali.

Untuk membolehkan persatuan ini terus menjalankan aktivitinya Lembaga Gabenor persatuan tersebut telah meluluskan baru-baru ini satu ketetapan bagi menambah sumbangan kepada persatuan itu sebanyak AS\$12,000 juta dan yuran modal sebanyak AS\$23,682 juta. Sumbangan sebanyak AS\$12,000 juta adalah merupakan sumbangan yang dijanjikan oleh 33 buah negara-negara yang mana pada kebanyakannya terdiri dari negara-negara maju, Amerika Syarikat, Jerman, Jerman Barat, Jepun dan United Kingdom merupakan negara-negara maju yang menyumbangkan jumlah yang terbesar sebanyak AS\$7,300 juta atau 60% daripada jumlah sumbangan tersebut. Jumlah yuran modal

sebanyak AS\$23,682 juta pula telah diperuntukkan kepada kesemua 121 buah negara-negara ahli persatuan tersebut.

Sebagai sebuah negara ahli yang sedang membangun, Malaysia tidak dikehendaki memberi sumbangan tetapi hanya diperuntukkan yuran modal sahaja iaitu sebanyak AS\$54,775. Jumlah ini boleh dibayar secara ansuran tahunan selama 3 tahun mulai tahun 1980. Walaupun Malaysia tidak layak menerima apa-apa bantuan pinjaman oleh kerana pendapatan per kapitanya sebanyak \$3,205 adalah lebih tinggi daripada paras AS\$580 ataupun \$1,276 yang telah ditetapkan, Malaysia seharusnya membayar yuran modal atas sebab-sebab berikut:

- (i) Untuk menolong membantu negara-negara miskin yang lain. Negara-negara miskin sangat memerlukan bantuan pinjaman jangka panjang lebih-lebih lagi yang tidak dikenakan apa-apa faedah untuk membangun ekonomi negara masing-masing. Negara-negara ini menghadapi kesulitan untuk mendapat pinjaman dari bank-bank swasta kerana tidak mampu membayar balik pinjaman atas kadar faedah pasaran dan dalam jangka masa yang pendek oleh sebab keadaan ekonominya yang buruk.

Dengan keadaan ekonomi antara-bangsa yang dijangka tidak menggalakkan bagi tahun 1980 dan 1981 di mana kadar pertumbuhan ekonomi di negara-negara maju sedang merosot dan keadaan inflasi yang bertambah buruk serta keadaan pasaran minyak yang tidak tetap maka keadaan di negara-negara kurang maju akan bertambah buruk lagi. Persatuan Pembangunan Antarabangsa adalah satu-satunya institusi kewangan yang dapat memberi bantuan kewangan kepada negara-negara ini.

- (ii) Sebagai sebuah negara ahli, Malaysia hendaklah menyokong usaha-usaha antarabangsa bagi mendapat wang yang mencukupi untuk membolehkan Persatuan ini menjalankan aktiviti. Aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan ini adalah sangat-sangat dihargai oleh dunia lebih-lebih lagi negara-negara yang kurang maju. Sehingga 30hb Jun, 1979 Persatuan ini telah memberi bantuan kewangan berjumlah sebanyak

AS\$16,732 juta dan ia merancang untuk memberi bantuan sebanyak AS\$12,000 juta bagi 3 tahun yang akan datang sekiranya sumbangan daripada negara-negara maju seperti yang dijanjikan diperolehi.

- (iii) Jumlah yang diperuntukkan kepada Malaysia adalah kecil dan tidak akan membebaskan Malaysia; dan
- (iv) Yuran modal ini perlu dibayar untuk mengekalkan peratusan kekuatan mengundi Malaysia pada .37%. Walaupun peratus undi Malaysia agak kecil tetapi ianya mustahak bagi membolehkan kumpulan mengundi Asia Tenggara yang Malaysia menjadi ahli melantik seorang Pengarah Kerja dari masa ke semasa.

Undi Malaysia dalam Persatuan tersebut akan meningkat dari 4,791 menjadi 19,079 jika Malaysia membuat pembayaran yuran modal sebanyak AS\$54,775 di bawah Tambah Semula tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagaimana yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat sekarang terbuka untuk perbahasan. Jika tidak ada perbahasan, saya kemukakan bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Mengikut Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960 Majlis ini mengambil ketetapan bahawa tambahan yuran Malaysia sebanyak AS\$54,775 kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa diluluskan.

**JAWATANKUASA PILIHAN  
PARLIMEN—MENGKAJI LAPORAN  
JAWATANKUASA KABINET  
MENGKAJI PELAKSANAAN DASAR  
PELAJARAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum saya jemput Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan cadangannya, saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa usul ini ialah meminta Dewan ini memutuskan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk meneliti dan mengkaji Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Saya harap Yang Berhormat akan menumpukan kepada mengapa dan memberikan alasan-alasan mengapa perlu ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen atau yang dikatakan di bawah Peraturan Mesyuarat 81 iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas.

Walau bagaimanapun, apabila mengemukakan hujah-hujah sudah tentulah akan menyebut juga mengenai Laporan ini, tetapi saya harap Majlis ini belum lagi diminta menimbangkan Laporan seluruhnya, sekadarkan tentulah terpaksa menyebut beberapa perkara yang penting di dalam Laporan itu bagi menguat dan meyakinkan Majlis ini pada hujah-hujah. Saya jemput.

3.57 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Terima kasih dan untuk memberi garis panduan oleh kerana usul ini yang berbunyi bahawa satu cadangan mengadakan satu Jawatankuasa Pilihan ditubuhkan, tentulah dalam hujah-hujah mengapa saya ada cadangan ini mestilah dibincangkan tentang Laporan tersebut mengenai kekurangan-kekurangan atau kelemahan-kelemahan atau perakuan-perakuan kenapa perlu dapat lebih diteliti dan sungguhpun perbahasan ini bukan satu perbahasan yang sepenuhnya atas Laporan tetapi secara tidak langsung ini akan merupakan satu perbahasan yang ada berkaitan dengan Laporan Jawatankuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bulan September, 1974, Kabinet telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa di bawah Yang Berhormat Menteri Pelajaran ketika itu dan sekarang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi dengan bidang tugas yang berikut:

“Mengkaji semula matlamat dan kesannya sistem pelajaran sekarang, termasuk kurikulumnya, dalam rangka dasar pelajaran kebangsaan yang wujud, dengan tujuan untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat dipenuhi sama ada dari segi jangka pendek mahupun jangka panjang, dan lebih-lebih lagi untuk memastikan bahawa sistem pelajaran itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih.”

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet pada mulanya telah memberikan dirinya tempoh setahun untuk menyiapkan laporannya itu, tetapi telah pada akhirnya mengambil masa lima tahun, dan Laporan tersebut telah diumumkan pada bulan Disember tahun lalu.

Semasa lima tahun itu, para pendidik, ibu-bapa-ibubapa dan rakyat Malaysia pada amnya telah mengharapkan sebuah dokumen penting yang mengkaji kejayaan sistem pelajaran kebangsaan ataupun kejayaan dalam pembinaan negara serta juga dalam memenuhi keperluan tenaga negara.

Selain daripada publisiti yang diberikan oleh pihak akhbar pada mulanya apabila laporan tersebut diumumkan, terdapat terlalu sedikit minat yang ditunjukkan oleh orang ramai termasuk mereka dari pihak Kerajaan.

Sebenarnya, saya telah menduga bahawa pihak Kerajaan akan membentangkan Laporan tersebut yang mana Jawatankuasa Kabinet telah mengambil masa lima tahun untuk menyiapkannya untuk dibahaskan di dalam Parlimen sepertimana dibuat dengan Laporan Razak dan Laporan Abdul Rahman Talib.

Akan tetapi untuk sebab-sebab yang hanya diketahui oleh Kerajaan sahaja, Kerajaan telah menganggap bahawa Laporan tersebut tidaklah begitu penting dan saya terpaksa pada hari ini mengemukakan usul ini untuk membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sahaja dari pihak Pembangkang bahkan juga dari pihak Kerajaan berpeluang membahaskan satu perkara yang begitu penting kepada rakyat Malaysia.

Selepas saya mengkaji Laporan Jawatankuasa Kabinet itu, mungkin saya memahami sikap Kerajaan kerana Laporan tersebut sebenarnya telah gagal dalam matlamat dua

serampangnya itu untuk menaksirkan kejayaan atau sebaliknya sistem pelajaran kita dalam soal pembinaan negara, ataupun dalam menaksirkan sama ada ia memenuhi keperluan tenaga negara untuk masa jangka panjang dan pendek.

Laporan tersebut merupakan satu laporan pentadbiran sahaja yang dikeluarkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan atas nama lapan orang Menteri yang menganggotai Jawatankuasa Kabinet itu. Hakikat yang Laporan Jawatankuasa Kabinet itu adalah hasil pegawai-pegawai Kerajaan akan terbukti apabila kita membaca Laporan tersebut. Bahawa Jawatankuasa Kabinet telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pegawai-pegawai yang menurut perenggan 2 Laporan tersebut mentafsirkan bidang tugas Jawatankuasa Kabinet. Jawatankuasa Pegawai-pegawai pula telah menubuhkan dua buah jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Kecil Perpaduan dan Jawatankuasa Kecil Tenaga Rakyat.

Menurut Bab 1 Laporan tersebut, Jawatankuasa Pegawai-pegawai dan kedua-dua jawatankuasa kecil tersebut telah mengkaji sebanyak 302 memorandum yang diterima oleh Jawatankuasa Kabinet. Jawatankuasa Pegawai-pegawai selepas itu telah mengemukakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangannya untuk pertimbangan dan keputusan Jawatankuasa Kabinet.

Nampaknya Jawatankuasa Kabinet yang dianggotai oleh lapan orang Menteri tidak mengkaji 302 memorandum tersebut dan juga tidak secara langsung menimbang pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh badan-badan dan orang-orang perseorangan mengenai sistem pelajaran kita.

Ini menimbulkan persoalan apakah gunanya untuk mengadakan sebuah Jawatankuasa Kabinet jika kerjanya dibuat oleh pegawai-pegawai. Adalah lebih baik untuk mengadakan sebuah suruhanjaya berasingan untuk mengkaji dan membuat perakuan-perakuan, menerbitkan laporannya dan selepas itu Laporan tersebut patut dipertimbangkan oleh Kabinet yang boleh mengeluarkan sebuah kertas Kabinet mengenai Laporan tersebut. Namun demikian, saya pasti semua orang yang telah menghantar 302 memorandum itu merasa hampa kerana Jawatankuasa Kabinet tidak secara langsung membaca, mengkaji dan menimbang pandangan-pandangan mereka.

Sebelum saya meninggalkan perkara Jawatankuasa Pegawai-pegawai dan dua-dua jawatankuasa kecil tersebut, ingin saya melahirkan rasa dukacita saya dengan komposisi Jawatankuasa Pegawai-pegawai dan kedua-dua jawatankuasa kecil tersebut kerana ia tidak mencerminkan komposisi berbilang bangsa negara kita. Jika komposisi Jawatankuasa Pegawai-pegawai dan kedua-dua jawatankuasa kecil tersebut dikaji, kita akan mendapati bahawa Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah terlalu berat sebelah atau lop-sided dan tidak mencerminkan komposisi berbilang bangsa negara kita.

Sungguhpun Jawatankuasa Kabinet telah membuat beberapa cadangan yang boleh diterima dari segi pendidikan akan tetapi ianya mempunyai kelemahan-kelemahan utama. Saya telahpun menyenutuh dua daripada kelemahan-kelemahan utama tersebut iaitu kegagalannya untuk memenuhi dua matlamat khas yakni untuk menaksirkan kejayaan-kejayaan atau pencapaian-pencapaian atau sebaliknya sistem pelajaran dalam soal pembinaan negara serta juga memenuhi keperluan tenaga rakyat negara. Mengapakah tidak ada apa-apa taksiran dibuat untuk mentaksirkan sejauh manakah sistem pelajaran telah mewujudkan sebuah masyarakat yang "bersatupadu" berdisiplin dan terlatih?

Memandangkan betapa pentingnya pembinaan negara di Malaysia, saya akan menyenutuh matlamat ini dahulu.

Sungguhpun Jawatankuasa Pegawai-pegawai telah mentafsirkan bidang tugas Jawatankuasa Kabinet sebagai "mengkaji sejauhmana pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan menerusi sistem pelajarannya yang ada sekarang berjaya menghasilkan satu masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih", saya telah puas mencari dalam Laporan tersebut setebal 310 muka itu yang mengambil masa lebih dari lima tahun oleh Jawatankuasa Kabinet untuk menyiapkannya untuk mendapati tafsiran tersebut tetapi gagal berbuat demikian.

Sepatutnya satu bab yang penuh harus diadakan mengenai hasil sistem pelajaran dalam mewujudkan perpaduan negara dengan memberikan satu taksiran sama ada selepas 23 tahun pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan, berbagai-bagai kaum dan anak-anak mereka telah menjadi lebih bersatupadu dan menjadi rakyat Malaysia yang bersatu dan distinct.

Adalah sungguh menarik untuk diperhatikan bahawa dalam pengertian beberapa istilah yang utama dalam bidang tugas Jawatankuasa Kabinet, Jawatankuasa Pegawai-pegawai telah mentafsirkan "masyarakat bersatupadu" sebagai "Masyarakat majmuk Malaysia yang mempunyai keazaman, kesanggupan dan kesediaan untuk hidup bersama dengan rukun dan damai serta mempunyai kesedaran, keperibadian dan nilai-nilai sebagai rakyat Malaysia". (Perenggan 3 (b) (i)).

Jawatankuasa Kabinet sepatutnya harus memberikan kepada rakyat Malaysia satu laporan tentang sejauhmanakah dasar dan sistem pelajaran kebangsaan telah melahirkan rakyat yang mempunyai kesedaran, identiti dan nilai-nilai sebagai rakyat Malaysia terasing dari identiti bangsa mereka baikpun sebagai orang-orang Melayu, China, India, Kadazan atau Iban. Malahan beberapa rujukan telah dibuat di sana sini dalam laporan tersebut tentang perpaduan negara berkait dengan kurikulum dan disiplin tetapi ini tidak melakukan adil kepada tema utama penubuhan Jawatankuasa Kabinet.

Malahan, bidang tugas Jawatankuasa Kecil Perpaduan nampaknya lebih menaruh minat kepada sekolah-sekolah persendirian daripada menilaikan sejauhmanakah perpaduan negara telah dimajukan oleh sistem pelajaran kebangsaan.

Saya telah mengharapkan bukan sahaja satu bab yang terasing dan panjang mengenai kesan-kesan sistem pelajaran kebangsaan ke atas perpaduan negara tetapi juga dilaksanakan satu kajian dan kertas-kertas ke atas soal yang sungguh penting ini oleh pakar-pakar, pendidik-pendidik, penyelidik-penyelidik yang juga akan diterbitkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet untuk dikaji oleh orang ramai. Tetapi tiada apa-apa pun disentuh mengenai perkara ini dalam Laporan tersebut. Ini adalah satu cela yang besar Laporan Kabinet itu.

Apakah kita harus mempercayai bahawa apabila kita membicarakan tentang pelajaran dan perpaduan negara, sekolah-sekolah persendirian sahajalah yang menjadi masalah? Bolehkah kita menganggap bahawa dasar dan sistem pelajaran kebangsaan telah sebenarnya melahirkan rakyat Malaysia yang bersatupadu yang mempunyai kesedaran, identiti dan nilai-nilai sebagai rakyat Malaysia?

Saya telah berkata di dalam Dewan yang mulia ini dahulu bahawa pelajaran telah menjadi isu yang paling memecahbelahkan negara ini dan tidak menyumbang ke arah intergrasi negara tetapi sebaliknya mempunyai kesan-kesan yang menyebabkan ketidakperpaduan negara dan memburukkan lagi polarisasi kaum.

Dalam tahun 1968, dalam satu kajian yang dijalankan di dalam 34 buah sekolah menengah di negara ini adalah didapati bahawa bertentangan dengan apa yang lazimnya dipercayai, murid-murid dalam sekolah-sekolah yang majmuk terasa lebih terasing dan tidak mempercayai kaum-kaum lain jika dibandingkan dengan murid-murid yang berada dalam sekolah-sekolah yang mempunyai murid-murid dari satu kaum sahaja. Ini ada dibuat oleh seorang scholar John C. Bock iaitu dalam bentuk pelajaran Ph.D yang bernama "Education and Nation Building in Malaysia: A study of institutional effect in 34 Secondary Schools" dan Bock ada mendapati dengan izin satu perenggan:

"The Chinese pupils fear that their academic performance will not be sufficient to assure their selection—that Malays will be selected over them on the basis of ascriptive criteria. The Malays, on other hand, express fear that they will not be able to compete successfully with the high level of Chinese performance norms. They also anticipate the application of ascriptive selection criteria for jobs within the Chinese dominated private sector of the economy. Hence, both the Chinese and the Malays tend to feel that the examination system as the most visible and the most immediately pertinent extension of the formal adult status selection system, is serving to sponsor the mobility of the rival group."

Tuan Yang di-Pertua, kajian tersebut menunjukkan bahawa satu sukatan pelajaran yang sama, satu bahasa pengantar yang sama, satu peperiksaan yang sama dan sebuah bumbung yang sama tidak seharusnya menuju ke arah perpaduan negara tetapi sebaliknya boleh memburukkan perhubungan kaum.

Kita harus memikirkan bahawa kajian ini dibuat dalam tahun 1968 dan adalah nyata bahawa kajian yang seumpama itu jika dijalankan sekarang akan menunjukkan bahawa perhubungan kaum di antara murid-murid kita di sekolah-sekolah adalah lebih buruk.

Jawatankuasa Kabinet telah lalai kerana tidak menjalankan kajian seumpama itu kerana anak-anak kita yang akan mewarisi negara ini pada hari esok tidak boleh dibiar-kan mencurigai dan bermusuhan dengan kaum-kaum lain jika perpaduan negara menjadi tujuan sistem pelajaran kebangsaan.

Sistem pelajaran kebangsaan telah melahirkan division, antagonism dan alienation yang hebat dan hakikat ini adalah diakui di negara ini.

Buktinya boleh dilihat di mana-mana. Satu bukti ialah penghijrahan para cerdik pandai ke lain negara. Satu kajian yang dijalankan baru-baru ini oleh Majlis Persatuan Perubatan Malaysia menerusi sebuah Jawatankuasa yang diketuai oleh Dr M. K. Rajakumar telah melaporkan bahawa terdapat tambahan dalam bilangan pengamal-pengamal perubatan yang didaftarkan dari 2,064 dalam tahun 1972 hingga 3,168 dalam tahun 1979. Jumlah bilangan doktor-doktor yang layak untuk didaftarkan dalam tahun 1979 ialah 4,017. Akan tetapi bilangan doktor-doktor yang sebenarnya telah berdaftar ialah sebanyak 3,168 sahaja dan ini menunjukkan terdapat kekurangan sebanyak 849 doktor-doktor di antara tahun 1972 hingga 1979. Kekurangan ini disebabkan oleh kematian, pesaraan, perletakan jawatan doktor-doktor kontrak serta juga oleh penghijrahan doktor-doktor. Kajian yang dilakukan oleh MMA bertajuk "Masa depan Perkhidmatan Kesihatan di Malaysia" mengatakan bahawa terdapat sebab-sebab untuk mempercayai bahawa kebanyakan kehilangan doktor-doktor ini disebabkan kerana mereka telah berhijrah ke lain negeri.

Laporan MMA itu telah mendapati bahawa di antara doktor-doktor yang ditemuduga, 16.3% atau sebanyak 161 dari mereka telah melahirkan niat mereka untuk berhijrah ke lain negeri sedangkan 34.6% atau sebanyak 340 orang doktor-doktor dalam Malaysia sekarang belum tentu sama ada mereka hendak berhijrah. Laporan tersebut juga mendapati bahawa tidak ada apa-apa perbezaan dalam sebab-sebab yang diberikan oleh doktor-doktor baikpun dalam perkhidmatan Kerajaan ataupun di sektor swasta mengapa mereka berniat berhijrah dan dua sebab-sebab yang sering diutarakan oleh mereka ialah masa depan yang tak tentu dan juga kerana pelajaran anak-anak mereka.

Satu lagi bukti ialah ramai ibubapa-ibubapa kita termasuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional menghantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk pelajaran rendah dan menengah.

Sebab-sebab yang membawa kesan-kesan yang memperpecah-belahkan akibat sistem pelajaran kebangsaan adalah terlalu banyak dan adalah menjadi kewajipan kita sebagai Wakil Rakyat untuk membincang masalah-masalah ini secara rasional tanpa sebarang perasaan didorong oleh cinta dan ketaatsetiaan kita kepada negara kita yang tidak boleh dipersoalkan. Jika kita sebagai wakil rakyat tidak boleh membincangkan masalah kebangsaan ini yang sungguh mendesak maka harapan ke arah pembinaan negara yang berjaya adalah tipis.

Saya akan menghuraikan sebab-sebab utama yang membawa kesan-kesan yang memperpecah-belahkan akibat sistem pelajaran kebangsaan.

(i) *Penyelewengan Barisan Nasional dari dasar pelajaran kebangsaan*

Sebab utama yang mengakibatkan ketidakperpaduan negara ialah kerana penyelewengan Kerajaan Barisan Nasional dari dasar pelajaran kebangsaan.

Dokumen asas mengenai dasar pelajaran di negara ini ialah Laporan Razak tahun 1956 yang kemudian dijadikan Ordinan Pelajaran 1957. Dasar pelajaran Laporan Razak seperti-mana ditafsirkan dalam seksyen 3 Ordinan Pelajaran berbunyi:

"The educational policy of the Federation is to establish a national system of education acceptable to the people as a whole which will satisfy their needs and promote their cultural, social, economic and political development as a nation, with the intention of making the Malay language the national language of the country while preserving and sustaining the growth of the language and culture of the peoples other than Malays living in this country."

Laporan Razak telah menitikberatkan dalam bahagian penutupnya:

"We believe that an education policy acceptable to the people as a whole must provide for at least two things: It must satisfy the legitimate aspirations of each of the major cultural groups who have made

their home in Malaya and it must offer the prospect of a place in a school for every child born in this country.”

Laporan Jawatankuasa Kabinet telah memetik preamble kepada Akta Pelajaran 1961 untuk mentafsirkan dasar pelajaran kebangsaan:

“Whereas the educational policy of the Federation, originally declared in the Education Ordinance, 1957, is to establish a national system of education which will satisfy the needs of the nation and promote its cultural, social, economic and political development; and whereas it is considered desirable that regard shall be had, so far as it is compatible with the policy, with the provision of efficient instruction and with the avoidance of unreasonable public expenditure, to the general principle that pupils are to be educated in accordance with the wishes of their parents; and whereas further provision is required for security the effective execution of the said policy, including in particular provisions for the progressive development of an educational system in which the national language is the main medium of instruction.”

Adalah penting untuk perhatikan bahawa Laporan Kabinet tidak memetik Seksyen 3 Ordinan Pelajaran 1957 kerana Laporan Abdul Rahman Talib telah menyeleweng dari dasar pelajaran kebangsaan yang digariskan dalam Laporan Razak terutama sekali berkait dengan peranan dasar pelajaran untuk memelihara dan mengekalkan pertumbuhan bahasa-bahasa dan kebudayaan-kebudayaan orang-orang bukan Melayu.

Laporan Razak menganggap dalam perenggan 72 bahawa pengenalan satu sukatan pelajaran bersama untuk semua sekolah-sekolah merupakan satu “keperluan yang penting” atau “crucial requirement” dalam dasar pelajaran di Malaya. Perenggan tersebut berbunyi:

“It is an essential element in the development of a united Malayan nation. It is the key which will unlock the gates hitherto standing locked and barred against the establishment of an educational system acceptable to the people of Malaya as a whole, a common syllabus.”

Laporan tersebut terusnya berbunyi:

“Once all schools are working to a common content syllabus, irrespective of the language medium of instruction, we

consider the country will have taken the most important step towards establishing a national system of education which will satisfy the needs of the people and promote their cultural, social, economic and political development as a nation.”

Akibat ini, Laporan tersebut terus mengatakannya:

“We can see no reason for altering the practice in Chinese secondary schools of using Kua Yu as a general medium provided that these Chinese schools fall into line with the conditions mentioned in the previous two paragraphs. (i.e. Malay and English compulsory and common final examination). We see no educational objection to the learning of three languages in secondary schools or to the use of more than one language in the same school as the medium of instruction.”

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Rahman Talib 1960 yang kemudian dijadikan Akta Pelajaran 1961 telah menyeleweng dari prinsip ini yang termaktub dalam Laporan Razak dan juga telah menarik balik bantuan Kerajaan kepada sekolah-sekolah menengah China yang tidak menukar kepada Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang tidak menggunakan bahasa China sebagai bahasa pengantar.

Tambahan pula, Laporan Rahman Talib telah menyeleweng lebih lagi kerana Akta Pelajaran 1961 di bawah Fasal 21 (2) memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menukar sekolah-sekolah rendah China dan Tamil kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan apabila beliau fikir adalah sesuai.

Menteri Pelajaran ketika itu Allahyarham Abdul Rahman Talib, apabila membentangkan Rang Undang-undang Pelajaran 1961 telah berkata di dalam Dewan Rakyat pada 19hb Oktober, 1961:

“Saya berhajat mengadakan aliran bahasa kebangsaan di dalam sekolah-sekolah rendah Kerajaan jenis kebangsaan, dan di bawah Fasal 21 (2) dalam Rang Undang-undang ini saya berkuasa mengarahkan perubahan sekolah rendah jenis kebangsaan kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan apabila saya puas hati bahawa peraturan ini sesuai dijalankan.”

Apabila beliau membentangkan Rang Undang-undang Pelajaran Allahyarham Abdul Rahman Talib, telah berjanji bahawa sekolah-sekolah menengah Cina yang menukar kepada sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan akan dibenarkan “sehingga 1/3 daripada waktu kanak-kanak itu di sekolah-sekolah boleh, dengan undang-undang, ditumpukan kepada pelajaran bahasa dan kesusasteraan Cina.”

Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, ketika itu telah menjadi Ahli Parlimen bagi penggal pertamanya, telah berkata di dalam Dewan Rakyat pada 20hb Oktober, 1961 bahawa “with the introduction of the National-type secondary schools, people will be able to send their children to those schools where Chinese language and Chinese literature will be taught.”

Malangnya janji-janji tersebut pada hari ini telah menjadi kosong.

Satu lagi penyelewengan besar dari dasar pelajaran kebangsaan yang digariskan dalam perenggan 12 adalah berkait dengan bahasa pengantar. Perenggan 12 Laporan Razak berbunyi:

“We believe further that the ultimate objective of educational policy in this country must be to bring together the children of all races under a national education system in which the National language is the main medium of instruction, though we recognise that progress towards this goal cannot be rushed and must be gradual.”

Perkataan yang penting di sini ialah bahawa Bahasa Kebangsaan akan menjadi pengantar utama atau main medium dalam sistem pelajaran kebangsaan dan bukan akan menjadi medium yang tunggal (sole medium).

Dasar ini telahpun diakui semula dalam Preamble kepada Akta Pelajaran 1961. Pada hari ini, selain daripada pelajaran di peringkat rendah, Bahasa Kebangsaan telah menjadi bahasa pengantar yang tunggal, termasuk di peringkat universiti menjelang tahun 1983.

Masa depan sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil juga tidak tentu kerana ujudnya Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961 yang memberikan kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menukar sekolah-sekolah tersebut

kepada sekolah-sekolah kebangsaan dengan “tandatangan” sahaja tanpa merujuk kepada Parlimen.

Perenggan 31.1 Laporan Jawatankuasa Kabinet telah memperakukan berkait dengan sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil bahawa “memandangkan keadaan sekarang ini, adalah diperakukan supaya sistem persekolahan peringkat rendah yang sedia ada diteruskan.”

Perakuan ini adalah sangat eloquent kerana implikasinya ialah sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil akan di-biarkan atau tolerated untuk sementara waktu sahaja tetapi bila sampai masa yang sesuai ianya akan ditukar kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan dengan menguatkuasakan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran, 1961.

Ini adalah bertentangan dengan Laporan Razak, malahan juga adalah bertentangan dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

“152 (1) The National language shall be the Malay language and shall be in such script as Parliament may by law provide;

Provided that—

- (a) no person shall be prohibited or prevented from using (otherwise than for official purposes), or from teaching or learning, any other language; and
- (b) nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government or any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in the Federation.”

Kegunaan mana-mana bahasa lain hendaklah termasuk penggunaannya sebagai bahasa pengantar sepertimana disebutkan dalam Laporan Razak dan Akta Pelajaran 1961 di mana Bahasa Malaysia disebutkan sebagai bahasa pengantar utama dan bukan sebagai bahasa pengantar “tunggal”.

Perkara 152 (1) (b) Perlembagaan hendaklah dipertimbangkan dalam ertikata dasar Laporan Razak yang kemudiannya termaktub dalam Ordinan Pelajaran, 1957 yang mengatakan bahasa dasar pelajaran kebangsaan adalah bertujuan “preserving and sustaining the

growth of the language and culture of the peoples other than the Malays living in the country."

Ini bermakna "untuk memelihara dan mengekalkan penggunaan dan pengajaran bahasa lain-lain kaum di dalam Persekutuan Tanah Melayu" bukan sahaja merupakan hak sepertimana difahamkan menurut Perkara 152 (1) (b) bahkan juga sebagai tanggungjawab Kerajaan Pusat berasaskan kepada Laporan Razak dan Ordinan Pelajaran, 1957.

Tanggungjawab ini akan dicabuli jika sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil ditutup dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan dasar pelajaran kebangsaan sepertimana digariskan dalam Laporan Razak sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil hendaklah menjadi bahagian integral dan kekal (integral and eternal) dalam sistem pelajaran kita.

Adalah menjadi dasar yang diisytiharkan Parti DAP bahawa Fasal 21 (2) Akta Pelajaran dimansuhkan supaya mengembalikan kepada sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil tempat mereka yang integral dan kekal dalam sistem pelajaran kebangsaan.

Dalam tahun-tahun enam dan tujuh puluhan, sebagai membalas tuntutan-tuntutan yang dibuat supaya Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961 dimansuhkan, pemimpin-pemimpin MCA dan UMNO gemar berkata rakyat tidak patut takut dengan Fasal 21 (2) itu kerana ia tidak akan dikuatkuasakan. Tetapi selepas Laporan Jawatankuasa Kabinet diumumkan, pemimpin-pemimpin MCA telah menjelajah ke seluruh negara dan menuntut bahawa MCA telah menjalankan satu perang yang besar dan berjaya mencegah "pelampau-pelampau" dari menutup sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil. Menurut seorang pemimpin MCA, MCA telah berjaya menentukan bahawa sekolah-sekolah rendah Cina akan terus memelihara kedudukan mereka sekarang itu dan dengan demikian telah memenuhi aspirasi-aspirasi rakyat Malaysia keturunan Cina.

Tuntutan MCA ini yang dibuat selepas Laporan Jawatankuasa Kabinet diumumkan menimbulkan soalan apakah kejayaan yang dicapai oleh MCA jika sepertimana dituntut oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan MCA dalam tahun-tahun enam dan tujuh puluhan bahawa Fasal 21 (2) tidak akan dikuatkuasakan.

Kedua, pihak MCA adalah salah apabila ia menuntut bahawa ia telah berjaya memenuhi aspirasi-aspirasi rakyat Malaysia keturunan Cina kerana aspirasi-aspirasi rakyat Malaysia keturunan Cina ialah bukan untuk memelihara *status quo* sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil di mana sekolah-sekolah tersebut boleh ditukar kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan oleh Menteri Pelajaran dengan tandatangan tetapi untuk memansuhkan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961 supaya sekolah-sekolah rendah Cina diiktirafkan penuh sebagai bahagian integral dan kekal sistem pelajaran kebangsaan.

Ini juga adalah selaras dengan dasar Laporan Razak yang mengatakan bahawa dasar pelajaran hendaklah "be acceptable to the people as a whole" yang bermakna "it must satisfy the legitimate aspirations of each of the major cultural groups who have made their home in Malaya."

Benarkan kita mengatakan di sini secara keras dan kategorikal bahawa dasar untuk mengadakan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran bukanlah "acceptable to the people as a whole" dalam ertikata ianya tidak memenuhi "the legitimate aspirations" dua kaum kebudayaan besar di Malaysia iaitu orang-orang Cina dan Tamil.

Oleh demikian, mengapakah Kerajaan tidak mahu memansuhkan fasal tersebut? Saya akan mengemukakan satu rang undang-undang dari ahli persendirian pada 20hb Jun ini yang bertujuan memansuhkan Fasal 21 (2), Akta Pelajaran 1961, dan saya berharap parti-partai yang menjadi komponen Kerajaan terutama sekali parti-partai MCA, Gerakan, SUPP, MIC dan Berjaya akan menyokong usul saya itu.

Ini adalah sangat-sangat perlu memandangkan Laporan Jawatankuasa Kabinet telah memperakukan reprieve yang sementara untuk Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil.

Kerajaan haruslah berpandu kepada prinsip Laporan Razak yang mengatakan bahawa dasar pelajaran kebangsaan dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia hendaklah diterima oleh rakyat pada keseluruhannya yang bermakna di antara lain bahawa ia seharusnya memuaskan aspirasi-aspirasi sah setiap golongan kebudayaan yang telah memilih Malaysia sebagai tanah air mereka.

Rakyat Malaysia keturunan Cina telah menunjukkan tanpa sebarang keraguan bahawa adalah menjadi aspirasi sah mereka untuk menentukan anak-anak mereka menerima pelajaran ibunda dalam konteks Malaysia.

Ini jelas boleh dilihat dari pengambilan murid-murid ke dalam Sekolah-sekolah Rendah Cina seperti berikut sungguhpun pengambilan murid-murid ke dalam Sekolah-sekolah Tamil telah merosot.

Angka pengambilan ke dalam Sekolah-sekolah Rendah Cina dan Tamil:

#### SEKOLAH RENDAH CHINA

Tahun			
1947	...	...	139,191
1957	...	...	310,485
1967	...	...	355,771
1970	...	...	394,166
1971	...	...	413,270
1972	...	...	435,266
1973	...	...	450,903
1974	...	...	465,541
1975	...	...	480,984
1976	...	...	487,877
1977	...	...	493,809
1978	...	...	498,311

Angka semacam inipun boleh terdapat untuk Sekolah-sekolah Rendah Tamil:

#### SEKOLAH RENDAH TAMIL

Tahun			
1947	...	...	33,954
1957	...	...	50,766
1967	...	...	79,203
1970	...	...	79,278
1971	...	...	77,192
1972	...	...	78,758
1973	...	...	78,854
1974	...	...	79,674
1975	...	...	80,404
1976	...	...	80,403
1977	...	...	78,841
1978	...	...	76,446

Angka-angka ini menunjukkan bahawa dalam tahun 1978 bahawa sebanyak 87.9% anak-anak Malaysia keturunan Cina telah masuk ke dalam Sekolah-sekolah Rendah Cina sedangkan 49.2% murid-murid Malaysia keturunan India telah masuk ke dalam Sekolah-sekolah Rendah Tamil dan ini adalah bukti terang akan aspirasi-aspirasi sah tiap-tiap golongan kebudayaan utama di Malaysia.

Sejak beberapa tahun ini Sekolah-sekolah Rendah Jenis Cina menerusi Lembaga-lembaga Pengurus dan Persatuan-persatuan Ibu-bapa-ibubapa Guru-guru telah mendapati Kementerian Pelajaran tidak begitu minat untuk memperuntukkan bahagian yang lebih adil dan equitable dari belanja Kerajaan untuk pelajaran, untuk menyelenggara dan memperluaskan Sekolah-sekolah Rendah Cina.

Masalah-masalah praktikel yang dialami oleh Sekolah-sekolah Cina telahpun dinyatakan dengan begitu tepat oleh the All Malaysian Chinese Guilds and Associations dalam memorandum yang dihantarkan kepada Jawatankuasa Kabinet pada 27hb Januari, 1975 dan memorandum tersebut yang tersimpul masalah-masalah ini, dengan izin, mengenai masalah pembinaan bangunan dan membiayai sekolah.

Mengenai masalah pembinaan bangunan sekolah dan membiayainya, kami suka menegaskan di sini bahawa permohonan dari Sekolah-sekolah Cina bukan sahaja tidak pernah menerima sebarang jawapan. Senarai yang dikemukakan oleh Gabungan Persatuan Pengurus-pengurus Sekolah dan Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina atas permintaan Ketua Pengarah Pelajaran juga tidak mendapat layanan malahan kelulusan yang telah diberikan oleh bekas Menteri Pelajaran, Dato Hussein Onn, juga tidak ditunaikan dan setengah-setengah projek yang sedang dijalankan juga diberhentikan. Perkara-perkara seperti ini tidak patut berlaku dalam keadaan yang normal. Oleh itu kami mengemukakan permintaan-permintaan di bawah ini:

- (1) Peruntukan bagi sekolah semua aliran hendaklah diseimbangkan. Kami meminta Kerajaan menetapkan jumlah peruntukan tahunan bagi sekolah-sekolah menambah atau memperbaiki bilik-bilik darjahnya.
- (2) Meminta Kerajaan mendirikan dewan untuk sekolah-sekolah semua aliran bagi kemudahan-kemudahan sekolah

itu mengadakan perhimpunan atau sebarang perayaan.

- (3) Meminta Kerajaan memberi peruntukan kepada sekolah-sekolah Cina yang kekurangan bilik darjah untuk menampungkan murid-muridnya.
- (4) Meminta Kerajaan mengumumkan jumlah bangunan tambahan di sekolah semua aliran selepas kemerdekaan supaya rakyat jelata dapat mengetahui keadaan perkembangan pelajaran di negara ini.
- (5) Meminta Kerajaan hendaklah memberi perhatian terhadap pembaikan atau menegatkan sekolah-sekolah bagi memelihara bangunan-bangunan sekolah.
- (6) Meminta Kerajaan memberi peruntukan dari tahun ke tahun bagi membina semula bangunan-bangunan sekolah rendah Cina yang rosak terutama di daerah luar bandar bagi menjaga keselamatan murid-murid.
- (7) Meminta Kerajaan memberi peruntukan bagi semua sekolah rendah Cina membina sebuah perpustakaan demi kepentingan dan faedah murid-murid.
- (8) Meminta Kerajaan memberi peruntukan bagi pembinaan pejabat Guru Besar, pejabat guru-guru, kantin, bilik setor, bilik makmal, bilik seni lukis dan pertukangan tangan, bilik muzik untuk melengkapi sekolah itu.
- (9) Kementerian Pelajaran hendaklah membekalkan alat-alat perkakas seperti kerosi murid-murid dan guru-guru setiap tahun.
- (10) Kerajaan hendaklah memberi layanan yang sama dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan sama ada tapak tanah sekolah itu kepunyaan Kerajaan Negeri ataupun Jawatankuasa Amanah Lembaga Pengurus dalam permohonan untuk memperbaiki bangunan sekolah atau memberi alat-alat perkakas dan dikecualikan dari cukai.
- (11) Kerajaan hendaklah memberi perkhidmatan pos percuma kepada sekolah untuk menjimatkan perbelanjaan pentadbirannya.
- (12) Kerajaan hendaklah mendirikan bangunan sekolah yang cukup dan kemudahan-kemudahan yang dikehendaki untuk sekolah semua aliran.

- (13) Kerajaan patut memberi pengecualian cukai kepada semua derma untuk pertumbuhan-pertumbuhan pelajaran yang tidak bertujuan untuk keuntungan.

Tuan Speaker, Jawatankuasa Kabinet haruslah dikutuk sungguhpun Menteri-menteri MCA menganggotai Jawatankuasa tersebut kerana Jawatankuasa tersebut telah mengenyepikan serta juga tidak mengindahkan permintaan-permintaan dan rungutan-rungutan sah masyarakat Cina di Malaysia supaya Sekolah-sekolah Rendah Cina diberikan layanan lebih baik dan adil.

Masalah-masalah dan rungutan-rungutan Sekolah-sekolah Rendah Cina telah berkumpul tahun demi tahun akibat sikap acuh tak acuh Kementerian Pelajaran. Satu contoh yang baik ialah berkait dengan keengganan Kementerian Pelajaran untuk membina Sekolah-sekolah Rendah Cina yang sedia ada untuk menampung tuntutan-tuntutan yang kian bertambah.

Di Petaling Jaya umpamanya, di mana terdapat lebih dari 100,000 orang penduduk yang terdiri dari 80% rakyat Malaysia keturunan Cina hanya terdapat 15 buah Sekolah-sekolah Rendah di mana di antaranya hanya satu daripadanya adalah satu Sekolah Rendah Cina. Setiap tahun ramai murid-murid berebut ke Sekolah-sekolah Rendah Cina yang terdapat di luar Petaling Jaya tetapi mereka terasa hampa kerana sekolah-sekolah tersebut tidak ada tempat untuk memuatkan mereka. Mengapakah Kementerian Pelajaran tidak mahu mengindahkan aspirasi-aspirasi sah ibubapa-ibubapa yang tinggal di Petaling Jaya supaya dua atau tiga buah lagi Sekolah Rendah Cina dibina di Petaling Jaya. Sungguhpun murid-murid dalam Sekolah-sekolah Rendah Cina telah bertambah sebanyak lebih kurang 60% dalam tahun 1978 jika dibandingkan dengan tahun 1957, iaitu tahun merdeka, bilangan Sekolah-sekolah Rendah Cina sebenarnya telah berkurangan dari 1,012 kepada 988 buah sekolah sahaja.

Satu lagi masalah ialah kekurangan guru-guru terlatih di Sekolah-sekolah Rendah Cina. Kerajaan patut sebagai satu perkara dasar mengumumkan yang ia akan meresap semua guru-guru sementara yang kini mengajar di Sekolah-sekolah Rendah Cina dan memberi mereka latihan supaya mereka boleh dilantik di dalam perkhidmatan perguruan.

Guru-guru yang dilatih untuk mengajar di Sekolah-sekolah Rendah Cina hendaklah diajar dalam kursus-kursus yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar supaya guru-guru tersebut akan dapat menikmati taraf yang tinggi dalam bahasa Cina untuk memastikan bahawa taraf bahasa Cina dalam sekolah-sekolah adalah tinggi.

Sebelum saya menamatkan bahagian ini inginlah saya menitikberatkan bahawa adalah perlu Dasar Pelajaran Kebangsaan itu difahami tanpa sebarang distortion atau diputarbelitkan. Preamble kepada Akta Pelajaran, 1961 hendaklah dibaca bersama dengan Laporan Razak dan Ordinan Pelajaran, 1957 dan sebarang salah faham atau penyelewengan dari Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menunjukkan rasa alienasi, antagonisma dan ketidak perpaduan negara tidak akan timbul jika dibuat demikian.

Apabila dipandang daripada perspective ini, saya rasa semua rakyat Malaysia yang ada fikiran waras boleh bersetuju dengan cadangan menubuhkan Universiti Merdeka oleh kerana selaras dengan jaminan Artikel 152 dan juga Laporan Razak. Sebab itu dalam konteks ini apabila beberapa perakuan-perakuan dibuat oleh Laporan Kabinet nampaknya untuk memberi control yang lebih ketat kepada sekolah-sekolah persendirian perkara ini sudah menimbulkan satu kontroversi oleh kerana ia melibatkan Sekolah-sekolah Bebas Cina.

Saya sudah menerangkan bagaimana dengan satu fahaman yang bernas, yang betul mengenai dasar dan Laporan Razak bahawa Chinese Independent Secondary Schools patutlah diresap dalam sistem rangka pelajaran dan juga dipulihkan bantuan Kerajaan, tetapi nampaknya sekarang di bawah nama Ulangkaji Dasar Pelajaran daripada segi pembinaan negara bahawa akan mengadakan lebih campurtangan bagi pihak Kementerian Pelajaran melalui Ketua Pendaftar untuk sekolah-sekolah dan guru-guru. Nampaknya apabila kita baca Laporan Kabinet, kita ada satu coherent statement bahawa apa hasil ulangkaji atau pemeriksaan jawatankuasa mengenai masalah perpaduan negara dan juga the connection antara perpaduan negara dan sekolah-sekolah persendirian sungguhpun di beberapa bab adalah perakuan-perakuan yang berkaitan dengan sekolah-sekolah persendirian. Inilah sangat tidak puas hati oleh kerana kita tidak boleh lari

daripada satu kesimpulan bahawa inilah di-sengajakan. Saya harap bahawa pihak Kerajaan boleh memberi satu kenyataan mengenai perkara ini dalam Dewan ini khasnya mengenai sikap Kerajaan terhadap Sekolah-sekolah Cina Bebas oleh kerana kita semua tahu bahawa Jawatankuasa Kabinet dan Jawatankuasa Kecil Perpaduan Negara ada menimbangkan perkara ini dengan sedalam-dalamnya untuk membolehkan pertambahan kuasa pihak Menteri Pelajaran terhadap sekolah-sekolah private ada perakuan-perakuan dalam Jawatankuasa Kabinet antara lain ialah untuk memberi kuasa kepada Pengarah Sindiket Peperiksaan untuk mencegah institusi-institusi private daripada mengadakan peperiksaan kalau difikir tidak beneficial kepada pelajar-pelajar atau bertentangan dengan kepentingan kebangsaan.

Yang kedua, di mana Chief Registrar of Schools and Teachers akan mengadakan kuasa untuk supervise dan mengenai bayaran yuran-yuran sekolah private dan pun overseas mengenai peperiksaan.

Ketiga, di mana Pendaftar (Registrar) ada kuasa untuk supervise curriculum dan bahasa pengantar di semua sekolah-sekolah private, dan keempat, di mana Pendaftar Sekolah-sekolah ada memberi kuasa yang baru untuk menutup sebuah sekolah private kalau tidak didaftar atau melanggar syarat-syarat yang diberi oleh permit pendaftaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita Sekolah-sekolah Cina Private ialah bidang yang besar di mana mengadakan peperiksaan sendiri dan tentulah apabila ada perakuan-perakuan tersebut Sekolah-sekolah Cina Private sangat dikhuatiri. Sungguhpun Presiden MCA ada memberi satu jaminan bahawa cadangan-cadangan atau perakuan-perakuan tersebut tidak akan melibatkan atau tidak bersangkutan-paut dengan Chinese Secondary Schools, saya meminta satu kenyataan yang terang, yang terus daripada pihak Kerajaan bahawa Sekolah-sekolah Cina Bebas akan dikecualikan daripada semua perakuan-perakuan yang tadi saya ada sebut dan pengecualian ini mesti termaktub dalam undang-undang. Kalau tidak disebaliknya, sekolah-sekolah Cina nampaknya akan menghadapi satu era yang sangat berbahaya dan apabila sebenarnya masa ini pihak Kerajaan mesti memberi layanan yang lebih adil kepada

sekolah-sekolah tersebut semacam mengiktirafkan peperiksaan Senior Middle III dikelolakan oleh Kerajaan atau private sebagai satu equivalent kepada MCE dan SPM untuk pelajaran tinggi lanjutan atau untuk kerja dan memberi bantuan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, penyelewengan Kerajaan daripada Dasar Pelajaran Nasional ialah satu sebab kenapa dalam sekolah kita, kita tidak berjaya untuk membina satu masyarakat yang bersatupadu. Apa yang sangat perlu ialah satu kajian Dasar Pelajaran Nasional selaras dengan Laporan Razak. Satu prinsip yang mustahak bahawa polisi pelajaran itu mesti acceptable to the people as a whole yang bererti bahawa mesti "satisfy the legitimate aspirations of each of the major cultural groups in the country."

Dalam pilihanraya besar beberapa kali dahulu adalah sangat terbukti bahawa masalah ini kita menghadapi, sungguhpun masalah ini ialah sama ada tokoh-tokoh Kerajaan mahu melihat, mengakui sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kedua mengenai kenapa sekolah-sekolah kita tidak boleh memupukkan perasaan perpaduan ialah oleh kerana tuntutan (demand) sangat strident, bahawa di Malaysia taat-setia, ultimate loyalty, ialah bukan kepada negara tetapi kepada kaum. Itulah lagi satu masalah kenapa sungguhpun ada satu sukatan yang sama, satu peperiksaan yang sama, satu bahasa penghantar yang sama dan pemohon yang sama tidak boleh mengurangkan ketegangan kaum.

Malaysia sebenarnya menghadapi satu tugas yang sangat berat untuk menunjukkan sebuah negara daripada kaum yang berbagai-bagai dengan bahasa, agama, sejarah, kebudayaan dan dengan persepsi-persepsi yang bercanggah dan tidak memberi banyak asas yang natural untuk integrasi nasional.

Dalam tugas ini pelajaran sebenarnya mesti menjadi satu alat yang utama. Tujuan pokok ialah untuk menggantikan kumpulan "primordial" sama ada Melayu, China atau India menggantikan rasa taat-setia (loyalty) primordial group dengan mengadakan satu overarching identiti kebangsaan dan dalam teori di peringkat pokok dalam tugas nasional integrasi ialah pembinaan dalam individu-individu satu perasaan subjective mengenai loyalty kepada negara. Ini akan melibatkan processes

psychological yang kompleks perubahan-perubahan individu-individu dan hasilnya pun akan bergantung kepada ideal masyarakat kita dan proses politik bukan sahaja bergantung kepada proses pelajaran sahaja. Sebab itulah sangat nyata dalam Malaysia anak-anak kita di sekolah-sekolah tidak boleh di socialise kepada satu identiti kesedaran nilai-nilai Malaysia kalau hari-hari mana mereka subjek kepada tuntutan di mana ultimate loyalty bukanlah kepada negara tetapi ultimate loyalty ialah kepada kaum.

Apa yang berlaku baru-baru ini Kongress Bumiputra Ketiga di mana ada tuntutan di mana penyertaan bumiputra dalam perusahaan 30% dinaikkan kepada 51% tanpa apa-apa sensitivity kepada hak-hak kaum lain, boleh dikata membelakangkan tugas nation-building sekurang-kurangnya sepuluh tahun dalam sekolah-sekolah kita atau ucapan baru-baru ini oleh Director-General Socio-Economic Planning Unit di Jabatan Perdana Menteri, Dr Mohd. Nor bin Abdul Ghani, di satu konvensi baru-baru ini yang bertajuk "Apa Akan Terjadi Jika Matlamat Dasar Ekonomi Baru Tidak Tercapai di dalam tahun 1990" di mana beliau berkata bahawa kalau Dasar Ekonomi Baru gagal di tahun 1990, kegagalan kaum bumiputra itu akan merupakan kejayaan bagi kaum bukan bumiputra dan lagi peluang yang diwujudkan oleh DEB untuk orang Melayu memperbaiki taraf ekonomi mereka adalah merupakan peluang utama yang terakhir. Peluang ini tidak akan muncul lagi kerana di masa-masa hadapan pihak bukan bumiputra akan lebih tahu bagaimana untuk menyusun tindakan sendiri bagi memperkukuh kedudukan mereka dan kalau dasar DEB gagal ia akan meletakkan bangsa Melayu begitu rendah di dalam dunia yang dikuasai oleh perpindahan pada hari ini sehingga kita tidak ada jalan lain melainkan untuk mengeneipkan prinsip demokrasi bagi memulihkan tempat yang sah di negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan-ucapan, tuntutan-tuntutan semacam ini boleh dikata ada kesan mal-integrative atau undo apa-apa kesan integrative dalam pembinaan negara dan pada akhirnya the ultimate analysis bagaimana sistem pelajaran kita boleh berjaya untuk menggantikan loyalty ethnic dengan satu identiti kebangsaan kalau seorang Melayu, Cina, India fikir bahawa beliau yang pertama Malaysian dan bukan orang

Melayu, Cina, India kalau hari-hari pemimpin-pemimpin UMNO, MCA dan MIC dengan TV, radio dan semua akhbar ada menitikberatkan bahawa ultimate loyalty ialah kepada kaum dan bukan kepada negara dan kalau tidak bersatupadu dengan kaum sendiri ialah seorang pengkhianat. Sebenarnya, boleh dikatakan setiap kali UMNO mengadakan Perhimpunan Agung (General Assembly) atau UMNO Youth atau Bumi-putra Economic Conventions diadakan dengan ucapan-ucapan resolusi-resolusi begitu garang, alienasi ethnic dan distrust antara anak-anak kita di sekolah-sekolah.

Inilah satu masalah kita mesti menghadapi dan sangat dikesal bahawa perkara yang semacam ini tidak dihiraukan dalam laporan tersebut.

Masalah ketiga, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana di sekolah-sekolah kita tidak boleh disatu-padukan anak-anak kita ialah komitmen yang begitu lemah kepada dasar-dasar multi-racialism.

Tuan Yang di-Pertua, ini sangat mustahak oleh kerana pengajian oleh Bock tadi ada menunjukkan bahawa dalam matlamat perpaduan negara bukanlah sosialisasi pelajaran yang sama yang crucial, tetapi kuasa-kuasa yang lebih besar, politik, sosial dan economic yang mendesak individu-individu bagaimana beliau perceive masa hadapan beliau sama ada adil, tak adil mengenai prospek beliau. Di antara satu persepsi (perception) yang ada difikirkan bukan sahaja satu golongan, semua golongan, semua kaum ialah bahawa komitmen negara kita kepada dasar-dasar multi-racialism begitu lemah.

Dari segi ini satu insight yang sangat interesting mengenai dasar-dasar pelajaran kita boleh dapat dalam satu buku yang ditulis oleh satu pensyarah Universiti Kebangsaan, Ibrahim Saad. Bukunya bertajuk "Pendidikan dan Politik di Malaysia" yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka di mana beliau ada memuji Laporan Barnes 1951 atas Pelajaran Melayu bahawa mengadakan satu pendekatan asimilasi (approach of assimilation) dalam bentuk formula  $A+B+C=A$  di mana A, B, C adalah kumpulan-kumpulan sosial yang berlainan dan A adalah kumpulan yang utama, dan ada menentang Laporan Fenn-Wu mengenai Laporan China 1951 bahawa pendekatan atau approach itu dalam bentuk formula  $A+B+C=A+B+C$ .

Tetapi apa yang kita perlu atau apa yang DAP mahu ialah ada satu bentuk pendekatan di mana  $A+B+C+ = D$  dan D ialah satu identiti Malaysian yang baru yang berlainan daripada identiti Melayu, Cina dan India.

Ini satu syarat yang sangat penting kalau kita mahu berjaya mengadakan satu masyarakat bersatu-padu bahawa anak-anak kita semua kaum mesti perceive bahawa Kerajaan tidak menggunakan kategori-kategori, kriteria-kriteri ethnic atau kaum sebagai satu asas untuk pembangunan negara atau perpaduan negara.

Tetapi asas persepsi-persepsi ini sangatlah biasa untuk semua anak-anak kita baik-pun dalam sekolah-sekolah atau universiti-universiti oleh kerana masalah menetapkan dalam sekolah-sekolah, masalah pemilihan masuk universiti, masalah dapat kerja adalah bersangkut-paut, adalah reinforced perception, bersangkut-paut dengan kriteria kaum.

Form Six atau pre-university, peluang untuk Tingkatan 6 atau pre-university atau dalam universiti sudah menjadi satu bidang yang sangat pecah-belah dalam masalah pembinaan negara tetapi tidak ada disentuh masalah ini dalam Laporan Kabinet.

Pelajar-pelajar bukan Melayu sebagai contoh ada sedar bahawa mereka dapat peluang yang tipis untuk masuk Tingkatan 6 untuk tahun 1979, daripada 19,362 pelajar-pelajar yang masuk kepada Lower Six, 62.4% atau 12,079 ialah anak Melayu 33.5% atau 6,491 ialah anak China, 3.7% atau 711 orang India dan 0.4% atau 81 others.

Saya akan dapat estimate bahawa lebih daripada 40% anak-anak bukan Melayu yang dapat 1st Grade tak dapat masuk ke Form Six sungguhpun saya rasa sesiapa yang ada Second Grade yang baik ada hak dapat peluang pelajaran Form Six.

Untuk Pelajar-pelajar Melayu, Form Six education sebenarnya menjadi satu daripada tiga jalan untuk memasuki universiti. Selepas SPM atau MCE, pelajar-pelajar Melayu yang baik sekali itu adalah the creamed off untuk dihantar ke luar negeri untuk masuk universiti-universiti seberang laut. Lepas itu kategori kedua yang baik sekali dipilih untuk memasuki kursus matrikulasi yang dikelolakan oleh universiti-universiti tempatan di mana dapat satu cara masuk direct. Selepas itu barulah ada kategori ketiga pelajar-pelajar

Melayu masuk Tingkatan 6. Sebab itu kita dapat satu phenomenon di mana ada sekolah-sekolah residential di mana dalam SPM atau MCE terdapat 100% kelulusan, tetapi untuk kelulusan HSC atau STP terdapat 100% kegagalan. Tetapi ini satu masalah yang kita mesti timbangkan.

Saya faham bahawa untuk tahun ini, sesi 1980/1981 kemasukan pelajar-pelajar kepada kelima-lima universiti berjumlah 5,454 ialah terdiri daripada: Bumiputra 3,398 atau 62.3%, bukan bumiputra 2,056 atau 37.7% apabila dibandingkan dengan angka-angka tahun lepas ialah Bumiputra 3,384 atau 64.3% dan untuk bukan bumiputra 1,881 atau 35.7%, jumlah ialah 5,265.

Ertinya ialah dalam tahun ini untuk pelajar-pelajar Bumiputra ada bertambah 14 orang dan untuk bukan bumiputra ada bertambah 75 orang yang sangat kecil dan tidak ada apa-apa berkesan baik pihak kita.

DAP tolak jenis kemasukan pemilihan pelajar-pelajar untuk universiti-universiti ini. Kita tidak bercadang bahawa pelajar-pelajar Melayu dikurangkan 2% bererti bahawa pihak DAP mahu pelajar-pelajar Melayu dikurangkan dalam universiti-universiti tempatan, yang ada diputarbelitkan oleh seorang Ahli dalam Dewan ini dalam satu soal dalam mesyuarat ini.

Apa DAP sekarang dengan secara seriusnya bercadang bahawa demi untuk kepentingan perpaduan dan pembangunan negara kita break-away, kita pisah daripada belunggu atau prison of percentages dan janganlah memandang pelajaran universiti sebagai satu zero-sum game di mana kalau satu kaum mendapat tentulah at the expense kaum lain.

Dasar pelajaran tinggi patutlah dipandu dengan prinsip-prinsip bahawa Kerajaan mesti memberikan pertolongan yang sepenuhnya kepada anak-anak Bumiputra yang eligible untuk mendapat pelajaran tinggi tanpa apa-apa halangan kepada anak-anak bukan bumiputra mendapat peluang-peluang masuk ke universiti tempatan.

Kerajaan baru-baru ini meluluskan \$600 juta untuk kenaikan gaji tidak boleh menyakinkan sesiapa pun bahawa negara kita tidak ada wang untuk menubuhkan dua atau tiga buah universiti untuk memenuhi aspirasi-aspirasi anak-anak kita. Kerajaan patut

menjemput, mengalu-alukan penubuhan universiti-universiti swasta untuk membantu mengatasi masalah ini. Sungguhpun ini akan memerlukan satu pindaan kepada Akta Universiti dan Akta Kolej Universiti. Saya rasa mengenai perkara ini apa yang lebih baik kepada bahagian ini ialah untuk memikirkan satu memorandum kepada Kerajaan oleh Associated Chinese Chamber of Commerce and entitled "Towards faster economic growth and greater national unity" di-Bahagian Manpower and Training.

Saya ingin membaca dua perenggan :

*"Restoring a Balance"*

"The Government has announced a 2% increase in non-bumiputra enrolments in tertiary institutions for the coming academic year. This minor adjustment hardly scratches the surface of the problem.

The Government has also announced that it plans to undertake further expansion of tertiary education in the course of which it will gradually bring about an enrolment pattern that will reflect the racial composition of the national population. The fulfilment of that promise will take care of the future but more must be done immediately.

It should be clear that the quantitative aspect of the problem is not the whole problem. The basic need is for selection systems to go some way towards meeting NEP objectives without totally outraging the sense of justice of non-bumiputras. Unless such systems are devised and made known to the public, *ad hoc* adjustments to student intakes in one year or another will not remove the present feelings of resentment. We suggest—

THAT a publicly declared and substantial percentage of places at all levels of education where candidates exceed vacancies be filled on the basis of academic merit, leaving the balance for restructuring adjustments.

THAT the Government announce as a matter of policy that the scope of the merit system will be progressively enlarged as the handicaps facing the Bumiputra students are removed.

THAT a target date be fixed for making a single merit system the central system for selecting students for higher education."

Baru-baru ini Pengarah Public Services Department telah membuat satu pengumuman bahawa kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam akan mengikut merit. Ini kita mengalu-alukan, oleh kerana inilah gejala-gejala yang akan membuat persepsi anak-anak kita bahawa kaum ialah satu perkara yang sangat mustahak. Sebagai contoh dalam universiti-universiti mahasiswa-mahasiswa, mahasiswi-mahasiswi tentulah tidak lari daripada impression. Kenapa dalam kelima-lima universiti sampai hari ini tidak pernah mengadakan seorang rakyat Malaysia yang bukan Melayu untuk menjadi Vice-Chancellor? Adakah dalam negara kita tidak ada seorang pun yang berkelayakan untuk menjadi Vice-Chancellor, perkara semacam ini perlulah ditimbang, perlulah dibincang secara rasional dan bukan dengan secara emosi.

Tuan Yang di-Pertua, sebab keempat kenapa tidak ada sekolah-sekolah kita yang boleh memupuk perpaduan di antara anak-anak kita ialah kerana kegagalan National Educated System untuk melatih atau mendidik guru-guru kita, orang-orang educated kita, mengadakan satu pendekatan berbilang kebudayaan atau multi-cultural?

Guru-guru traditionally, Tuan Yang di-Pertua, adalah disifatkan sebagai "carriers of culture" dan mereka berhak sebagai agen sosial yang utama untuk mengemukakan atau passing culture daripada dewasa kepada generasi yang baru. Apabila saya sebut "culture" bererti bahawa total life ways bukan sahaja terhad kepada kualiti hereditary tetapi pengaruh-pengaruh environmental. Kalau dalam Malaysia sebagai sebuah masyarakat uni-cultural, masalah ini tidak timbul dan guru-guru sebagai carriers of culture boleh dengan senang menjalankan tugas mereka untuk menyimpan nilai-nilai perspective, satu tradisi strategik tetapi oleh kerana dalam negara kita bukan satu masyarakat yang uni-cultural malah masyarakat yang multi-cultural dan dengan sebab itu sangat mustahak guru-guru kita mesti mengadakan satu pendekatan multi-cultural dalam tugas mereka, di mana dalam erti kata ini mereka adalah bertanggungjawab untuk transmit tradisi semua kebudayaan yang ada dalam Malaysia dengan saksama, dengan hormat dan pelajar-pelajar boleh dididik bukan sahaja untuk cintakan penghidupan cara mereka, tetapi untuk kehidupan cara lain dan guru-guru mesti ada tanggungjawab

untuk mewujudkan atau mengadakan situasi-situasi (learning situation) di mana tradisi-tradisi berbagai kebudayaan boleh diadakan, oleh kerana kita gagal menentukan bahawa guru-guru kita ada pendekatan multi-cultural, ada multi-cultural vision, sebab itu ada berlaku sebagai contohnya di Universiti Teknologi Malaysia mengenai cara pakaian apabila mengadakan upacara Konvokasi.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah sekolah selain daripada rumah ialah satu agensi sosialisasi yang utama, pelajar-pelajar itu belajar cara behaviour, nilai norms dalam sekolah dan dalam rumah. Apabila behaviour, norms dan nilai-nilai itu sama ada dalam sekolah atau dalam rumah congruent tidak ada masalah tetapi apabila bercanggah, itulah yang menimbulkan masalah. Dengan sebab itu saya rasa inilah satu masalah yang sangat penting kalau kita mahu dasar pelajaran kita boleh berjaya untuk mewujudkan perpaduan negara. Berlakunya keadaan ini oleh kerana tidak ada sifat-sifat semacam ini dan baru-baru ini ada berlaku perkara mengenai mahu re-write sejarah bahawa Yap Ah Loy bukan seorang yang termasyur dalam Malaysia.

Sebagaimana yang saya tahu dalam sukatan pelajaran untuk sejarah sistem rendah dahulu sebenarnya ada satu chapter mengenai Yap Ah Loy tetapi sekarang dalam sukatan baru Yap Ah Loy sudah hilang. Sekarang mungkin ada teks yang menyebut dan ada teks yang tidak sebut—Yap Ah Loy sudah written off from the face of the earth! Kenapa? Saya rasa inilah sikap-sikap yang mustahak kita mahu integrate bukan mahu disintegrate, kuasa-kuasa atau unsur-unsur mal-integrative tidak akan berhasil dan saya rasa sebagai satu defect besar.

Laporan Jawatankuasa Kabinet ialah tidak ada satu penilaian bagaimana sistem pelajaran kita, adakah membuat bridges dengan berbagai bentuk untuk mempereratkan berbagai pelajaran kebudayaan di negara kita. Sebenarnya negara kita sangat kurang bahan-bahan bacaan untuk anak-anak kita di mana mereka boleh mendapat satu view point, satu nilai, satu Malaysian approach termasuk majalah "Dewan Masyarakat" yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang mana satu Jabatan Kerajaan pun tidak memberi satu Malaysian approach. Beberapa bulan lalu ada satu rencana mengenai "Kaum Pendatang" dan setiap rakyat yang bukan Melayu yang membaca rencana itu akan

merasa marah, merasa offended dan ini bukan bahan-bahan bacaan di mana kita boleh sosialisasikan anak-anak kita sebagai rakyat Malaysia. Mereka dilatih, dididik dalam Bahasa Malaysia, tetapi mereka lebih membaca hal-hal ini. Itulah masalah yang tidak disebut dalam Laporan Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu masalah yang menunjukkan kegagalan pelajaran nasional ialah masalah mengenai dadah. Ada 250,000 pemuda pemudi yang menjadi penagih dadah dan mengikut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sudah jadi masalah yang pertama, masalah yang nombor satu lebih daripada ancaman komunis. Tetapi kenapa ada berlaku? Ini kalau mahu disiasat, mahu dikaji adalah tanggungjawab Laporan Kabinet ini, ini adalah kerana sistem pelajaran telah gagal untuk memberi satu panduan supaya boleh ada satu masyarakat yang berdisiplin tetapi tidak ada disebutkan.

Pada 9hb Oktober, 1974 Dr Mahathir masa itu mengumumkan dalam satu press conference mengenai penubuhan Kabinet itu, beliau mengatakan bahawa kita tidak yakin boleh mewujudkan satu masyarakat yang compatible dengan kepercayaan kepada proses demokrasi. Adakah dalam laporan tersebut dibuat satu penilaian sama ada sistem pelajaran ada inculcate nilai-nilai demokrasi sama ada kita menggalakkan pertumbuhan anak-anak rakyat dengan fikiran yang bebas, dengan faculty critical yang sharp atau kita mahu mereka ada unthinking respect for hierarchies? Itulah bahagian pertama perpaduan negara.

Tujuan kedua Laporan Jawatankuasa ialah untuk memastikan sama ada memenuhi tenaga rakyat jangka pendek dan jangka panjang baikpun dalam bidang tugas atau hasil yang sangat tidak digalakkan. Dalam Laporan ini yang mahu bincang mengenai tenaga rakyat, tidak ada sebut mengenai pelajaran tinggi, exclude daripada scope. Kalau exclude daripada scope bagaimana mahu bincang sama ada sistem pelajaran akan memenuhi keperluan tenaga rakyat, itulah satu big blemish, satu defect dan kalau mahu satu kajian sama ada tenaga rakyat ada dipenuhi tentulah mesti ada articles researchers berbagai-bagai aspek, pakar-pakar economists, scientists buat untuk panduan Jawatankuasa, tetapi tidak ada apa-apa. Apa yang kita ada sebenarnya ialah 3 muka-muka 8, 9, 10, 11; 3 muka sahaja mengenai stock tenaga rakyat,

stock kedudukan tenaga rakyat Kumpulan Ikhtisas tahun 1975 dan untuk tahun 1985. Itulah empat tables sahaja, tidak ada satu bahagian mengenai manpower needs bagaimana sistem pelajaran sudah berjaya. Sungguhpun dalam perenggan 16 ada satu paragraph yang nampaknya mahu beri satu sebab kenapa tidak dibuat pengkajian yang berbunyi: "untuk memastikan dengan tepat sejauh mana perkembangan sistem pendidikan kebangsaan kita dapat memenuhi keperluan tenaga rakyat negara adalah satu perkara yang sukar. Antara sebab-sebabnya ialah kurangnya kajian-kajian dibuat yang khusus meneliti kedudukan dan keperluan tenaga rakyat bagi negara ini"

Mengadakan satu Jawatankuasa Kabinet ialah untuk mengadakan kajian-kajian yang khusus sebab itu mahu Cabinet Committee dan saya sangat hairan kenapa dalam Laporan ini tidak ada sebut mengenai lagi satu Cabinet Report yang dipublished dahulu. Nampaknya dalam negara kita, kita hanya ingat Razak Report, Talib Report—itu sahaja. Ada satu laporan sudah hilang, sudah buried iaitu Khir Johari Report. Ada satu Khir Johari Report mengenai Higher Education Planning di tahun 1967. Di dalam Laporan itu ialah mengenai keperluan tenaga rakyat. Kalau kita baca Laporan itu sekurang-kurangnya ada research dari berbagai-bagai aspek keperluan tenaga rakyat. Boleh dikatakan dalam aspek ini Laporan Khir Johari lebih elok, lebih useful daripada Laporan Mahathir. Sebenarnya Laporan Mahathir ini mesti menjadi satu updating Laporan Khir Johari tetapi tidak mahu disebut. Sebab-sebabnya sekarang pelajaran post secondary dan pelajaran universiti adalah satu bidang yang tidak dapat satu kajian yang comprehensive.

Dalam bidang tugas Laporan Kabinet ada mengatakan mahu kaji jangka pendek dan jangka panjang tenaga rakyat dan Jawatankuasa pegawai-pegawai pun ada bermesyuarat mengadakan satu definisi iaitu jangka pendek 5 tahun, jangka panjang lebih 5 tahun. Mesti ada satu laporan jangka pendek dan jangka panjang tetapi semuanya tidak ada. Pendek pun tidak ada; panjang pun tidak ada—apa pun tidak ada. Jawatankuasa ini mengambil masa lebih daripada 5 tahun untuk menghabiskan kerja, mungkin oleh kerana terms of reference, short term ialah

5 years; already over 5 years tidak perlu lagi, sudah lepas, tidak payah buat apa-apa recommendations.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan bererti bahawa senarai 173 perakuan-perakuan itu semuanya tidak guna. Ada perakuan-perakuan seperti mahu panjangkan tempoh pengajian dari 9 tahun kepada 11 tahun, tidak mahu streaming kepada Arts dan Science atau open certificate system nampaknya semua baik tetapi mahu masa untuk berfikir dan meneliti. Apabila saya beri pandangan yang begitu panjang tadi bukan bererti bahawa 173 perakuan-perakuan itu semuanya tidak berguna. Tetapi 173 perakuan-perakuan itu tidak boleh mengisikan apa yang kosong iaitu tidak ada assessment bagaimana National Education System sudah berjaya atau tidak berjaya untuk membina negara, sama ada National Education System sudah memenuhi keperluan tenaga rakyat jangka panjang atau jangka pendek.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berapa panjang lagi mahu berucap?

**Tuan Lim Kit Siang:** 10 minit lagi boleh habis.

Di antara perakuan-perakuan itu ada perakuan mengenai beberapa perkara tetapi oleh kerana saya sudah mengambil masa yang panjang, saya tidak mahu memberi pandangan ke atas 173 perakuan-perakuan itu; tetapi adalah perlu kita fikir dengan lebih mendalam. Macam satu masalah automatic promotion, saya hairan kenapa Kementerian Pelajaran mahu ambil masa begitu panjang untuk ubah sikap, untuk remedy perkara ini. Ada anak-anak kita yang pergi ke sekolah 6-9 tahun pun tidak boleh menulis dan membaca. Kelemahan-kelemahan semacam ini sebenarnya adalah satu educational problem, masalah pelajaran dan bukan politik. Perlu lah satu Cabinet Committee ditubuhkan baru lah ada kuasa untuk buat perubahan, buat remedy. Nampaknya sistem pelajaran kita terlalu rigid dan inflexible, satu perkara kecil tidak boleh buat apa-apa, mahu Cabinet Report. Dan masalah ini sungguhpun dalam perakuan Cabinet Committee Report bahawa more flexible tetapi belum dilaksanakan dan kita tidak tahu sama ada sikap baru ini akan berkesan atau tidak tetapi masalah ini sangat

mustahak, sangat mendesak kalau kita mahu memanjangkan masa-masa persekolahan daripada sembilan tahun kepada sebelas tahun.

Dalam tahun 1978 di Negeri Sembilan ada satu kajian dibuat oleh Jabatan Pelajaran di mana kita mendapat tahu bahawa antara 1,000 murid-murid darjah lima dan darjah enam di 22 sekolah-sekolah Melayu di luar bandar 70% tidak boleh menguasai pelajaran hisab, 9X3 pun mereka tidak tahu. Tetapi saya mahu bertanya ialah kenapa Jabatan Pelajaran mahu mengadakan satu survey yang khas, common test, baru tahu. Mengikut Kerajaan tujuan mengadakan Standard III test dan Standard V test ialah mahu menilai. Macam ini tidak berguna kedua-dua peperiksaan, tiada nilai, mahu adakan special survey, baru tahu. Itulah menunjukkan kelemahan-kelemahan di dalam sistem pelajaran kita.

Lagi satu aspek yang perlu perhatian ialah mesti revision syllabus untuk Bahasa Malaysia untuk sekolah-sekolah jenis Cina dan Tamil. Sekarang semua murid-murid mengambil peperiksaan untuk Standard V Bahasa Malaysia yang sama. Tetapi untuk pelajar-pelajar di sekolah kebangsaan, mereka menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Tetapi bagi sekolah Cina dan sekolah Tamil, itu bukan bahasa pengantar tetapi peringkat Standard V masuk semua sama. Kerajaan mahu mereka mendapat standard yang sama. Mana boleh. Itulah sampai sekarang tidak boleh faham kenapa masalah ini Kerajaan enggan untuk membetulkan dan sebab itu kita dapati bahawa dalam peperiksaan untuk sekolah-sekolah Cina peratus kegagalan 83%, untuk sekolah Tamil 100% di negeri-negeri. Saya haraplah supaya masalah ini kalau kita ada peluang berbilang, teliti akan membuat satu sistem pelajaran yang lebih berkesan, yang lebih baik untuk anak-anak kita. Sebab itu ada remove class, oleh kerana pelajar-pelajar di sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil pencapaian mereka dalam Bahasa Malaysia tidak begitu tinggi, tidak boleh terus dari peringkat rendah kepada peringkat menengah atau remove class, tetapi saya rasa masa pun sudah sampai di mana satu kajian bagaimana berkesannya remove class. Adakah remove class mengatasi masalah-masalah melengkapkan pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah Cina atau sekolah-sekolah Tamil mendapat standard bahasa yang cukup untuk memasuki Tingkatan 1, 2 dan 3 tanpa apa-apa kesan yang tidak sihat—tidak dibuat, tiada kajian.

Lagi satu masalah ialah pupil's own language, sungguhpun dalam undang-undang Akta Pelajaran ada peruntukan bahawa kalau ada sekurang-kurangnya limabelas murid-murid yang meminta belajar baikpun Tamil atau Mandarin, Kerajaan boleh membuat peruntukan. Tetapi sebenarnya dalam pelaksanaan inilah satu mockery dan tiada apa-apa kemudahan-kemudahan untuk anak-anak kita untuk mendapat instruction dalam bahasa ibunda dan sebenarnya apa yang perlu ialah satu pindaan kepada Akta-akta yang mewajibkan bahawa semacam untuk instruction agama. Kalau ada limabelas murid-murid, sebagai contoh keturunan orang Cina mesti, wajib diadakan pengajaran dalam bahasa Cina.

Laporan Kabinet ada membuat satu perakuan bahawa apabila anak-anak Melayu mengadakan kelas-kelas agama bahawa pelajar-pelajar yang bukan Melayu mengadakan ethics dan morals. Saya rasa apa yang lebih elok apabila mengadakan kelas-kelas agama bahawa pelajar-pelajar bukan Melayu mengadakan instruction dalam agama mereka yang mengikut jaminan bahawa di negara kita ada kebebasan beragama. Saya rasa ada perlu di mana anak-anak kita diadakan satu peluang diajar memahami bukan sahaja kebudayaan-kebudayaan tetapi juga agama masing-masing supaya mereka boleh mendapat satu appreciation, nilai-nilai universal agama-ugama yang besar dan apa yang saya boleh sifatkan ialah communities of the human humanity.

Lagi satu perkara yang saya hendak masuk di sini ialah sama ada sistem pelajaran kita menguntungkan kepada semua pelajar-pelajar. Kita tahu pelajar-pelajar ada berbagai-bagai peringkat di dalam learning proses. Ada yang gifted, ada yang lebih slow. Adakah kita sacrifice quality kepada quantity? Sekarang apa yang kita ada ialah lock-step system, siapa-siapa murid masuk tidak kira lebih gifted atau tidak. Saya rasa ini pun tidak menguntungkan kepada negara kita.

Selain daripada dua points, akhirnya saya rasa apa yang sangat malang ialah Laporan Kabinet tidak membuat satu re-thinking mengenai aims of education. Apa yang perlu ialah ada satu peperiksaan yang lebih mendalam bukan sahaja mengenai quantitative aspect dan qualitative aspect dan pada masa yang singkat saya mahu sebut dua segi itu, yang mungkin perlu Parlimen, rakyat dan Kerajaan untuk fikiran kita.

Yang pertama perlunya mengadakan satu vision untuk pelajaran, vision yang baru dalam era di mana ada perubahan scientific dan technological yang begitu cepat perlulah satu vision di mana pelajaran difikirkan sebagai satu usaha yang bukan terhad kepada sekolah-sekolah universiti-universiti.

Kita mesti tujukan kepada learning society di mana prinsip yang berpandu ialah dasar pelajaran bertujuan dengan satu idea life long education, bahawa setiap individu adalah dalam kedudukan boleh tidak berhenti belajar dalam sepenuh hidupnya dan kalau kita ada satu concept life long education, saya rasa boleh menukar banyak konsep sebagai promotion, certification dan akan menitikberatkan nilai-nilai competence, aptitude, motivasi dan bukan marks, bukan class ranking atau senarai berapa distinctions yang ia dapat dan lagi pelajaran pun jangan terhad kepada sekolah-sekolah sahaja dan semua institusi-institusi mesti digunakan dan setiap rakyat mesti ada kebebasan untuk memilih cara pelajaran lepas peringkat dia pergi kerja, dia boleh pergi kerja; lepas itu mahu belajar balik ke universiti, boleh balik ke universiti, kemudian proses. Sekarang di Malaysia apabila keluar, tidak boleh balik lagi.

Yang kedua, satu sistem, saya rasa yang mustahak di negara kita pre-school age education. Oleh kerana pelajaran mesti diluaskan bukan sahaja kepada kegiatan-kegiatan schooling tetapi kepada learning dan research menunjukkan bahawa 50% intelligence ada berlaku dalam umur 5 tahun dan 80% dalam umur 8 tahun dan kalau mengadakan satu system pre-school age education khasnya untuk murid-murid yang datangnya daripada deprived, yang mundur dan miskin, mereka akan dapat untung dan apa yang dipelajari di peringkat 4, 5 tahun kalau tidak, tidak boleh compensated selepas itu.

Dan lapangan-lapangan semacam ini sangat mustahak tetapi nampaknya tidak dapat difikirkan dan ditimbang oleh Laporan Kabinet dan sebab itulah saya mencadangkan bahawa Dewan Rakyat ini mengadakan satu Jawatankuasa Pilihan melalui usul yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini memutuskan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk meneliti dan mengkaji Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran serta juga membuat satu taksiran mengenai perakuan-perakuan yang dibuat oleh Laporan

Kabinet tersebut sama ada perakuan-perakuan tersebut akan memastikan sistem pelajaran kebangsaan akan melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih serta juga memenuhi keperluan tenaga rakyat negara.”

Sama ada orang bersetuju dengan pandangan-pandangan tadi atau apa-apa pandangan yang setiap rakyat atau Ahli Yang Berhormat yang ada dan apa yang perlu ialah mengadakan satu perbincangan ataupun perbincangan di mana masalah-masalah yang semacam tadi saya ada sebut dan lain-lain apa yang ada dalam laporan, boleh difikirkan lebih dalam. Dan ini pun jadi satu proses yang berguna di mana rakyat kita dan di negara kita juga akan dapat satu national opinion yang lebih matang, yang lebih educated mengenai satu masalah yang begitu fundamental dalam menentukan masa depan negara kita.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Siapa yang menyokong?

5.31 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul ini kerana pelajaran ialah satu isu pokok dalam negara kita dan juga ini menjadi satu perkara yang dipandang berat oleh khususnya setiap keluarga. Masalah pelajaran adalah dibincang dalam Parlimen seringkali, tetapi bagi purata keluarga ia adalah menjadi perbincangan harian dan sentiasa menjadi perbincangan hangat.

Oleh yang demikian, adalah menggemparkan bagi kita melihat pendekatan yang “lackadaisical” atau “casual” kepada Laporan Kabinet atas pelajaran oleh pihak Kerajaan. Memandangkan minat keseluruhan dalam soal pelajaran dan oleh kerana implikasi-implikasi yang meluas yang dibawa oleh laporan Kabinet itu, langkah-langkah patut sudah diambil untuk membentangkan laporan itu untuk perbincangan dalam Parlimen seberapa cepat yang boleh. Apatah lagi, tidak sebarang usaha diambil untuk memberi laporan itu kepada Ahli-ahli Parlimen, pendidik-pendidik dan institusi-institusi pelajaran. Tidak juga diambil sebarang usaha untuk menterjemahkan laporan itu ke dalam bahasa-bahasa utama negara kita dan memberitahukan rakyat tentangnya.

Kementerian Penerangan biasanya menterjemahkan ucapan-ucapan Menteri-menteri dalam empat bahasa, tetapi malangnya, atas dokumen penting seperti Laporan Kabinet atas Pelajaran, Kementerian ini gagal menjalankan tugasnya. Tidak sesiapa pun tahu apakah sebabnya Kementerian ini enggan menterjemahkan laporan ini.

Saya rasa pengedaran umum Laporan ini dihadkan kerana ia gagal memenuhi harapan rakyat dan reaksi serta kritik daripada ibubapa, pendidik dan institusi-institusi pelajaran akan pahit dan bersifat mengkritik.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Kabinet telah mengambil masa bertahun-tahun untuk disusun dan disiap tetapi pada akhirnya, tidak ada bahan yang banyak untuk menunjuk bahawa pertimbangan yang sewajarnya telah diberi terhadap keperluan dan aspirasi ibubapa-ibubapa bagi anak-anak mereka. Memorandum-memorandum dan pandangan-pandangan pendidik-pendidik yang berpengalaman dan arif yang ditulis dalam beribu-ribu perkataan tetapi kesemua ini telah diketepikan tanpa memberi pertimbangan yang berat dan dalam.

Pandangan-pandangan mereka telah ditawarkan untuk kebaikan masyarakat dan pandangan-pandangan dan syor-syor mereka telah dibuat selepas bertimbang dengan serius selama beberapa minggu dan bulan dan kesemua ini dibuat demi kepentingan negara. Menyedari dengan penuh betapa pentingnya pelajaran kepada pembangunan negara, rakyat yang “public spirited” telah menghabiskan masa yang berjam-jam yang tidak berkesudahan untuk bermesyuarat dan membincang bagi maksud dan tujuan menyusun laporan-laporan untuk disampaikan kepada Jawatankuasa Kabinet. Adalah sedih untuk melihat dan mendapat tahu bahawa syor-syor mereka ini kepada Jawatankuasa Kabinet tidak diindahkan. Untuk tidak mengindahkan pandangan orang ramai adalah bererti mempelawa bencana dan itulah sebab kita mempunyai satu sistem pelajaran yang dalam “continual mess”, dan menghasilkan ketidakpuasan hati sehari demi sehari.

Tidak sebarang Kerajaan ataupun sebarang Kementerian boleh menganggap dirinya bahawa ianya tahu dan memahami segala keperluan dan harapan rakyat, tanpa tindak

balas (feed-back) daripada rakyat yang mengambil berat tentang pelajaran dan yang mengambil berat bagi masa depan mudamudi negara kita. Sudahlah tiba masanya demokrasi pelajaran diamalkan.

Tuan Yang di-Pertua, hendaklah disadari bahawa dalam sebuah masyarakat yang berbilang bangsa, pertimbangan dan perhatian yang wajar hendaklah diberi kepada kebudayaan dan bahasa yang setiap bangsa mementai. Satu sistem pelajaran kebangsaan yang tulen hendaklah membayangkan kepelbagaian kebudayaan dan bahasa rakyat negara kita, sementara itu integrasi rakyat boleh dibawa dengan mengadakan satu bahasa sama atau "common language" seperti bahasa Malaysia, satu kurikulum yang sama dan satu tempat permainan yang sama.

Jenis Sekolah	Melayu/Bumi	Cina	India
Pengantar Bahasa Malaysia ... ..	999,651	76,493	81,322
Pengantar Bahasa China ... ..	10,836	514,709	1,768
Pengantar Bahasa Tamil ... ..	467	176	76,366
<b>Jumlah ...</b>	<b>1,010,954</b>	<b>591,378</b>	<b>159,456</b>

Angka-angka ini adalah bukti yang tidak boleh dinafikan bahawa pelajaran dalam bahasa ibunda adalah popular dan disayangi dan dikenang oleh ibubapa-ibubapa yang telah menunjuk tanpa sebarang keraguan bahawa Perkara 152 Perlembagaan negara kita hendaklah dilaksanakan dengan penuh.

Laporan Kabinet sepatutnya mengakui hakikat ini, dan menghapuskan syakwasangka ibubapa-ibubapa dan guru-guru dengan memansuhkan Fasal 21 (2) dalam Akta Pelajaran 1961, yang memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menghapuskan pelajaran bahasa ibunda dengan sewenang-wenangnya kerana "political duress" atau "fancy".

Sudahlah tiba masanya bagi Kementerian Pelajaran untuk membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah rendah bahasa ibunda dan juga yang lebih lengkap. Pada masa sekarang, murid-murid sekolah-sekolah ini bukan sahaja terpaksa belajar dalam bangunan-bangunan yang keadaannya buruk, bahkan juga dalam keadaan di mana kemudahan-kemudahan yang amat tidak mencukupi.

Dalam segi ini, Laporan Kabinet mempunyai kesalahan-kesalahan yang ternyata sekali. Tidak ada sebarang syor yang tepat untuk meninggikan status pelajaran rendah jenis kebangsaan dan tidak juga ada sebarang cadangan tepat untuk meninggikan mutu dan taraf pelajaran dalam sekolah-sekolah ini. Sikap keseluruhan mereka ialah untuk melayan sekolah-sekolah dalam aliran pelajaran rendah jenis kebangsaan sebagai "cinderellas". Sikap seumpama ini hendaklah dikutuk.

Untuk pengetahuan pihak Kerajaan, pelajaran dalam bahasa ibubapa sangat-sangat disayangi oleh rakyat Malaysia keturunan China dan India. Mengikut angka-angka yang ada, pada 31-1-1979, jumlah bilangan murid dalam Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan adalah seperti berikut:

Taraf pengajaran Bahasa Malaysia dalam sekolah-sekolah bahasa ibunda adalah sangat rendah. Ibubapa-ibubapa mahu anak-anak mereka fasih dalam Bahasa Malaysia dan Kementerian Pelajaran hendaklah memperuntukkan bukan sahaja lebih ramai lagi guru-guru Bahasa Malaysia tetapi juga guru-guru Bahasa Malaysia yang terlatih dan berdedikasi.

Seruan ini untuk layanan yang lebih adil terhadap pelajaran dalam bahasa ibunda adalah sangat penting untuk negara. Bagi mereka yang tidak boleh membahaskan dalam "parliamentary fashion" dan yang berminat melabelkan setiap tuntutan pembangkang sebagai "communal, seditious or subversive", biarlah mereka baca dengan teliti Perlembagaan Negara kita. Biarlah mereka juga menyedari bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai minoriti, iaitu orang-orang Melayu, China, India, Kadazan, Iban dan lain-lain dan tuntutan dan permintaan setiap golongan bangsa hendaklah didengari dan diberi layanan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang hangat dibahas oleh rakyat sekarang ialah kelulusan 8% dalam Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM pada tahun lalu. Ramai telah meramalkan jatuhnya taraf bahasa Inggeris, tetapi tidak sesiapa pun boleh melihat taraf pelajarannya pada keseluruhannya yang jatuh. Yang mengalami kerugian ialah pelajar-pelajar yang telah dijadikan "guinea-pigs" sistem pelajaran yang diberi kepada mereka bukan oleh pendidik-pendidik tetapi oleh teoris-teoris dogmatis dan "ideologues-ideologues".

Sepuluh tahun dahulu, kita mempunyai satu sistem pelajaran yang "sound" dan taraf bahasa Inggeris yang baik. Seluruh sistem telah dihapus dan taraf pelajaran telah jatuh. Ini adalah satu contoh "absolute waste" dan pandangan dan pemikiran serius hendaklah diberi kepada langkah-langkah untuk mengatasi keadaan yang merosot.

Pengambilan guru-guru luar negeri untuk mengatasi masalah ini bukanlah satu solusi. Dan tindakan untuk menghantar pelajar-pelajar yang masih hijau (raw) ke Amerika Syarikat untuk mempelajari pengajaran bahasa Inggeris juga tidaklah berguna. Kita masih mempunyai ramai guru-guru dalam negara kita sendiri yang boleh dan mempunyai pengalaman mengajar bahasa Inggeris. Golongan guru-guru yang mahir ini hendaklah diambil untuk mengajar bahasa Inggeris dengan segera.

Kurikulum sekarang perlu diubahsuai untuk memberi lebih masa kepada pelajar-pelajar untuk menguasai (control) bahasa Inggeris. Mengubahsuai kurikulum bukanlah satu tindakan revolusioner. Mengubahsuai kurikulum sentiasa dilakukan di negara-negara yang telah membangun oleh kerana keperluan pelajaran berubah dengan masa. Usaha untuk memodenkan sistem pelajaran adalah perlu. Pelajar-pelajar kita hendaklah diberi alat untuk mempunyai saluran untuk mendekati pengetahuan dunia yang kian meluas.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi kepentingan negara, perlulah juga untuk mengajar pelajar-pelajar kita menjadi "international in outlook" dan kemahiran-kemahiran yang sesuai untuk memastikan negara ini terus maju dalam dunia yang menjadi lebih bergantung di antara satu sama lain dalam bidang politik dan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul atas nama Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang yang telah disokong sekarang terbuka untuk perbahasan. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.45 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Speaker, saya merasa gembira hari ini kita dapat satu peluang yang baik untuk membahaskan satu isu yang begitu penting tetapi dalam suatu suasana yang begitu luar biasa. Sebenarnya menurut kenyataan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet pada 14hb Disember tahun lepas, menurut beliau laporan ini akan dibentangkan dan dikemukakan kepada Parlimen untuk dibahas dan dibincang serta diluluskan. Tetapi nampaknya selepas beberapa permintaan baik melalui kenyataan atau surat saya secara rasmi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta bahawa Dewan Rakyat boleh dipanggil untuk membahaskan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang begitu mustahak yang ada berkaitan dengan Sistem Pelajaran Malaysia selama ini. Malangnya selepas pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah membuat satu kenyataan yang sangat memeranjatkan keseluruhan masyarakat Malaysia iaitu Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran ini tidak akan dibentangkan untuk perbahasan di Dewan Rakyat.

Di sini saya ingin mengetahui bahawa apakah sebabnya berlaku satu percanggahan kenyataan mengenai satu laporan yang begitu mustahak untuk ditimbang, dikaji dan dibahas oleh Dewan yang mulia ini. Sungguhpun kita dapat satu peluang daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bersama-sama membincangkan laporan itu tetapi saya kata kita semua adalah dalam satu suasana yang sangat luar biasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah mengingatkan tadi iaitu boleh membahaskan usul ini tetapi bukan membahaskan laporan ini, saya sudah ingatkan tadi. Sekadarkan dalam perkara hendak menyakinkan Dewan ini supaya ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan (Special Select Committee) ini tentulah hendak kena juga sebut beberapa banyak

yang besar-besar di sini. Tetapi tadi saya dengar percakapan Yang Berhormat banyak terkeluar daripada usul ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Terima kasih atas nasihat Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya menceritakan satu latarbelakang apakah sebabnya usul ini tidak dibangkitkan oleh pihak Kerajaan tetapi sebaliknya dibangkitkan oleh Parti Pembangkang. Di sini saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh memberikan satu jawapan yang jelas tentang percanggahan kenyataan yang dikeluarkan mengenai perkara ini.

Tuan Speaker, DAP meminta Dewan menyerahkan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran kepada Jawatankuasa Pilihan ini adalah beberapa sebab yang berikut. Selepas kita menghalusi keseluruhan laporan yang tebalnya 310 halaman yang terkandung 173 perakuan dan 302 memorandam yang dikemukakan oleh semua lapisan rakyat Malaysia sejak Jawatankuasa ini ditubuhkan. Memang kita sadar bahawa ada beberapa kelemahan dan kepincangan terkandung dalam laporan yang ada berkaitan dengan Pelaksanaan Dasar Pelajaran kita. Sebab itu DAP mendesak bahawa perkara ini perlu diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat untuk pertimbangan dan perbincangan yang lebih lanjut.

Sebelum kita memasuki perbahasan atas perkara itu kita perlulah mengkaji lebih mendalamnya mengenai tujuan Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran. Sepertimana yang terkandung dalam Bab/Halaman I, di sini kita boleh dapati bahawa Kerajaan akan mengkaji semula matlamat dan kesannya sistem pelajaran sekarang termasuk kurikulum dalam rangka Dasar Pelajaran Kebangsaan yang wujud dengan tujuan untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat dipenuhi sama ada daripada segi jangka pendek mahupun jangka panjang dan lebih-lebih lagi untuk memastikan bahawa sistem pelajaran itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan satu masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih. Di sini satu bidang tugas sangat jelas dizahirkan untuk Dewan yang mulia ini untuk membincang sebagai asas bagi usul kita.

Tuan Speaker, mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan yang selama ini dijadikan satu isu yang begitu kontroversi yang dipertikalkan oleh rakyat kita di Malaysia selama kemerdekaan.

Tuan Speaker, mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan sangat jelasnya termaktub dalam Halaman III, Perenggan ke 4, iaitu kita dapati bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan sebenarnya adalah berasas kepada Penyata Razak tahun 1956 dan juga Penyata Talib tahun 1960, kemudian lahirnya Ordinan Pelajaran, 1957 dan Akta Pelajaran, 1961. Dalam penyata-penyata Razak dan Talib kita boleh dapati satu kesimpulan apakah tujuan utamanya negara kita mewujudkan dan melahirkan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Di sini kita sangat jelas boleh mendapati bahawa umpamanya kita lihat Halaman III, Perenggan 4 bahawasanya adalah difikirkan perlu bahawa setakat yang sejajar dengan dasar itu dengan mengadakan pengajaran cekap dan mengawalkan perbelanjaan awam yang tidak berpatutan, perhatian hendaklah diberi kepada prinsip bahawa murid-murid hendaklah dididik mengikut kemahuan ibu-bapa mereka. Dan juga di sini adalah menegaskan bahawa Bahasa Malaysia akan digunakan sebagai bahasa pengantar utama tetapi bukan berkata Bahasa Malaysia akan digunakan sebagai bahasa tunggal dalam semua peringkat sistem persekolahan yang ada di Malaysia pada masa akan datang. Sebab itu timbullah satu krisis di negara kita bila kita membincangkan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Kalau kita ada meneliti Penyata Razak dan juga Ordinan Pelajaran 1957 sepertimana yang terkandung dalam Halaman VII, Perenggan 12 kita boleh dapati bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan ialah satu dasar pelajaran yang mahu menyatupadukan semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum melalui satu sistem pelajaran yang boleh memenuhi kehendak-kehendak tiap-tiap keturunan rakyat yang ada di Malaysia, baik dari segi ekonomi, segi kebudayaan, segi pelajaran, segi sosio di samping memperjunjung tinggikan taraf Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan sebagai bahasa pengantar utama. Ini DAP tidak menentang tetapi saya merasa kesal DAP dituduh menentang mengenai pendirian DAP terhadap Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

Tuan Speaker, tadi kita ada mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Petaling kita boleh dapati bahawa krisis-krisis yang

kita hadapi dalam proses pembinaan negara kita melalui sistem pelajaran yang ada sekarang. Umpamanya bila laporan ini diumumkan telah menimbulkan satu reaksi yang sangat hangat, sangat bimbang dan khuatir di kalangan masyarakat semua kaum, itu perlu khasnya dari masyarakat Cina dan bukan Melayu.

Tuan Speaker, tadi kita ada meninjau tujuan utama laporan ini ialah untuk membincang sistem persekolahan dan kurikulum. Di sini kita lihat keseluruhan laporan ini langsung tidak memberi apa-apa penyelesaian (solution) untuk mengatasi bagaimana kita boleh mengada atau mewujudkan atau memperbaharui sistem persekolahan kita yang boleh melahirkan satu masyarakat yang berdisiplin, bersatu padu, Malaysian-Malaysia tanpa mengira keturunan bangsa, kulit, ugama mereka tetapi dalam laporan itu yang dititikberatkan ialah Bahasa Malaysia, keugamaan Islam dan lain-lainnya. DAP bukan menuduh bahawa DAP adalah menentang. Tadi saya sudah mengatakan pendirian kita, kita adalah menjunjung tinggikan taraf Bahasa Malaysia dan taraf ugama Islam dan lain-lainnya sepertimana yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan tetapi adakah laporan ini telah memberikan perhatian dan pertimbangan yang serius terhadap aspirasi-aspirasi dari rakyat bukan Melayu yang selama ini ada dibangkit-bangkitkan, baik di Dewan yang mulia ini atau di luar Dewan yang mulia ini. Bolehkah laporan ini dapat memperbaiki sistem pelajaran yang ada sekarang untuk melahirkan satu masyarakat yang bersatu padu dan berdisiplin dan boleh membawa Malaysia membebaskan daripada satu krisis demi satu krisis dalam proses pembinaan negaranya?

Kita lihat umpamanya Perenggan 31 (1), Menteri Pelajaran ada berkata pada tahun yang lepas bulan September, kebetulan berlakunya pilihanraya umum di Malaysia, katanya bahasa pengantar sekolah rendah jenis kebangsaan Cina tidak akan diubah, jaminan sudah ada dalam laporan itu. Bila kita mengkaji Halaman 16 kita dapati bahawa kenyataan serupa ini tidak ada wujud dalam laporan itu. MCA khasnya Presiden dan pemimpin-pemimpin MCA lari ke seluruh negara berkata dia adalah champion untuk mempertahankan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan tidak akan diubah

bahasa pengantarnya, katanya jaminan, dengan izin dalam bahasa Tionghua. *Wah siau yong puh peng-chih.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah quote!

**Tuan Chan Teck Chan:** Minta maaf. Langsung tidak ada di sini. Yang ada ialah kita lihat. Memandangkan keadaan sekarang ini adalah memperakukan supaya sistem persekolahan peringkat rendah iaitu sekolah Cina dan Tamil yang sudah ada ini diteruskan, diteruskan bukan bermakna satu jaminan memandangkan keadaan sekarang maka jenis sekolah ini akan diteruskan. Kalau keadaan sudah berubah ertinya lain ceritanya, boleh diteruskan.

Saya sudah berkata DAP sudah menyatakan pendiriannya yang sangat jelas di Dewan yang mulia ini kalau mahu menjamin, kalau mahu mengatasi masalah pokok yang selama ini dipertikai-tikaikan di Malaysia ini ialah memansuhkan Clause 21B Akta Pelajaran, 1961 iaitu membatalkan kuasa Menteri Pelajaran untuk mengubah bahasa pengantar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil. Ini baharulah merupakan satu jaminan yang sangat konkrit untuk mengatasi masalah kita. Kalau tidak, bagaimana kita boleh melalui satu sistem pelajaran sepertimana yang termaktub dalam Penyata Razak, dalam Pendahuluan Akta Pelajaran, 1961 yang mengatakan bahawa tujuan Dasar Pelajaran Kebangsaan ialah untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang bangsa melalui satu sistem pelajaran yang boleh menemui kehendak-kehendak dan kemahuan-kemahuan lain-lain kaum di samping kita menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama. Tetapi dasar ini sudah disalah takrifkan iaitu dalam proses untuk mencapai matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan, ertinya Bahasa Malaysialah akan dijadikan sebagai bahasa tunggal sahaja di semua peringkat, di semua jenis persekolahan yang ada di Malaysia pada masa yang akan datang. Saya tidak tahu bila akan sampai masanya. Itulah jaminan, fikiran, pandangan dari segolongan pemimpin-pemimpin di negara kita. Kalau kita mahu mengikiskan kekuatiran, kebimbangan dan mahu menghapuskan krisis itu mengatasi masalah nation building, dengan izin, Tuan Speaker, tidak ada jalan yang lain ialah menunaikan, menghidupkan semula semangat dan prinsip Penyata Razak dan

Pendahuluan yang ternyata dalam Akta Pelajaran, 1961 juga ternyata dalam Ordinan Pelajaran, 1957. Itulah satu caranya.

Tuan Speaker, saya sangat terperanjat juga untuk melihat dalam satu laporan yang memakan masa lima tahun ini satu isu, satu perkara yang sangat mustahak dalam sistem persekolahan kita itu sudah ketinggalan iaitu mengenai sistem di peringkat pelajaran tinggi. Apakah sebabnya bab yang begitu mustahak ini tidak dibincangkan, tidak dimasukkan dan tidak dikaji dalam laporan yang memakan masa lima tahun itu? Adakah ini bererti sistem pelajaran tinggi tidak begitu mustahak di Malaysia khususnya dalam hubungan sistem pelajaran Malaysia kita atau isu pelajaran tinggi adalah merupakan satu isu yang sangat sensitif diperbahaskan atau dicatitkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran kita.

Di sini kita boleh dapati bahawa Laporan Jawatankuasa Kabinet ini nampaknya adalah merupakan satu laporan bukan sahaja tidak lengkap tetapi akan membawa negara kita di dalam proses pembinaan negara kita ke dalam satu kemalangan yang tidak diinginkan.

Di sini kita boleh lihat umpamanya halaman 54 hingga 57 perenggan 94 hingga 95.1 mengenai Pelaksanaan dan Peperiksaan. Perakuan-perakuan ini adalah merupakan satu kenyataan yang sangat-sangat mengkhutiratkan masyarakat Cina khususnya sekolah menengah persendirian di mana Pengarah adalah berkuasa untuk membatalkan sesebuah sekolah didaftarkan atau menarik balik pendaftarannya dan juga kita boleh lihat bagaimana seseorang pengarah boleh menggunakan kuasanya untuk melarang sesuatu sistem peperiksaan diadakan.

Memang DAP bersetuju bahawa satu sistem perlu diadakan untuk mengawasi pendaftaran persekolahan, peperiksaan persekolahan demi kepentingan negara kita tetapi apakah maknanya kepentingan negara sepertimana yang termaktub dalam halaman-halaman yang saya sebutkan tadi. Bolehkah Kerajaan Barisan Nasional khususnya MCA memberikan satu jaminan bahawa sekolah-sekolah menengah persendirian tidak akan dipengaruhi atau diancam kerana adanya peraturan-peraturan sepertimana yang termaktub dalam halaman 54 hingga 57 dan juga

dalam halaman 70 perenggan 123.3, Tuan Speaker? Inilah satu perkara yang perlu dibincangkan, perlu diperinci oleh Dewan yang mulia ini, tidak guna kita hanya memberikan satu jaminan, jaminan mulut sahaja, ini tidak akan mengatasi masalah pembinaan negara kita.

DAP bukanlah sengaja membangkit-bangkitkan perkara itu kerana DAP adalah bertanggungjawab melihat bahawa satu sistem pelajaran nasional dalam konteks Dasar Pelajaran Kebangsaan boleh benar-benar melahirkan satu generasi yang baru dalam sebuah masyarakat yang berbilang bangsa dan boleh bersama-sama membawakan Malaysia menuju satu matlamat utama pembinaan negara kita iaitu pembangunan rakyat.

Bila kita menyentuh masalah persekolan, kita juga boleh lihat masalah bahasa sepertimana yang dinyatakan dalam halaman 84 hingga 90.

Tuan Speaker, kita boleh lihat bagaimana Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina umpamanya kekurangan guru, kemudahan dan juga bahasa ibunda dan lain-lainnya, semua ini adalah diperakui dalam perenggan 168 hingga 169.1 dalam page 90 tetapi apakah solution telah dicadangkan untuk mengatasinya yang selama ini dihadapi oleh masyarakat Cina. DAP bukanlah satu parti yang hanya memperjuangkan bahasa Cina yang ada berkaitan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil tetapi juga unsur-unsur yang mengenai kebelakangan kaum Melayu dalam beberapa sistem pelajaran kita umpamanya sepertimana yang dinyatakan oleh Professor Di Raja Ungku Aziz yang ada menyentuhi bagaimana lemahnya kaum bumiputera di dalam universiti tetapi perkara ini juga tidak disentuh dalam laporan yang begitu mustahak itu. Adakah satu cadangan telah dibuat atau perakuan atau penyelesaian telah dicadangkan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kaum bumiputra di dalam pelajaran tinggi? Apakah sebab kadar kelulusan begitu rendah yang dialami oleh pelajar kaum bumiputra? Tetapi masalah ini juga tidak ditimbulkan, dan tidak dibincangkan dalam Laporan yang begitu mustahak itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal kerana saya dapat satu kesimpulan iaitu Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji

Pelaksanaan Dasar Pelajaran ialah akan menggunakan satu sistem pelajaran yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar tunggal yang akan melalui satu sistem peperiksaan yang akan dikawal oleh Kerajaan dan melalui satu kurikulum yang akan dikawal oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat itu. Tetapi di sini saya ingin mempersoalkan kepada Kerajaan bolehkah Malaysia disatu-padukan melalui satu sistem pelajaran atau melalui satu dasar pelajaran kebangsaan yang hanya menggunakan satu bahasa pengantar sahaja tanpa memperhitungkan survival Malaysia pada masa-masa yang akan datang tanpa memperhitungkan semangat Perlembagaan Malaysia sepertimana yang dikatakan dalam Article 152 dan juga kita menjunjung tinggi Article 153 yang mengenai beberapa ketutamaan (priority) akan diberikan kepada kaum bumiputra dan lain-lain bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini adalah satu dilemma yang dihadapi oleh negara kita, khususnya dari segi pelaksanaan dasar dan sistem pelajaran kita iaitu bagaimana Kerajaan boleh melalui satu sistem persekolahan, satu sistem pelajaran untuk memperseimbangkan kepentingan-kepentingan di antara kaum-kaum yang ada dalam Malaysia. Kalau kita hanya menitikberatkan satu permintaan atau sensitiviti sahaja tanpa memperhiraikan permintaan aspirasi dan sensitiviti kaum yang lain maka adakah ini satu penyelesaian (solution) untuk mencapai perpaduan rakyat melalui sistem pelajaran yang ada sekarang? Saya tidak tahu adakah satu akta pelajaran baru akan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, hujah yang kemudian itu sudah keluar daripada usul ini, sebagaimana yang saya jelaskan daripada permulaan tadi, kalau boleh tumpukan sahaja kepada usul.

Ahli Yang Berhormat bercakap banyak presumption sehingga yang bertulis pun tak percaya, yang kata hendak teruspun tak percaya. Jadi susahlah kalau hendak dibahaskan perkara yang diagak itu tak percaya atas benda yang bertulis, kerana saya sudah kata tadi kita bukan membahaskan Laporan ini, hanya berikan sebab-sebab mengapa patut diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas yang ada di dalam Peraturan Mesyuarat 81. Jadi, saya sudah katakan tadi berulang kali, tentulah ada membangkitkan beberapa perkara, "dihighlightkan" beberapa

perkara besar untuk meyakinkan Dewan ini bahawa Jawatankuasa ini perlu diadakan, tetapi janganlah melarat-larat kepada lain-lain pula. Sila teruskan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya berterima kasih atas nasihat yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya perlu menegaskan sebab-musabab DAP mencadangkan bahawa perkara ini perlu diserahkan kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat untuk menimbangkan dan mengkaji Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Sebab-sebabnya saya sudah memberikan tadi tetapi saya tidak mahu melihat kenyataan-kenyataan yang DAP buat tadi akan diputar-belitkan sebagai satu issue perkauman atau satu issue yang akan membawakan satu emosi yang akan merosakkan keharmonian yang ada di negara kita.

Apa yang kita bincangkan tadi ialah berasaskan kepada dokumen-dokumen yang ada di Malaysia hari ini. Di sini kita lihat apabila ada Penyata Razak, 1956 maka wujud Ordinan Pelajaran 1957. Bila ada Penyata Abdul Rahman Talib pada tahun 1960 maka wujudlah Akta Pelajaran 1961. Adakah bila wujud Laporan Dr Mahathir ini akan lahir satu Akta Pelajaran yang sangat-sangat dibimbangkan oleh rakyat Malaysia kerana isi kandungannya adalah termaktub di dalam Laporan yang kita sama-sama kaji tadi. Sekianlah sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.15 ptg.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah berkali-kali membangkitkan soal Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan di Dewan yang mulia ini sejak Laporan tersebut dikeluarkan. Sungguhpun soal tersebut dibangkitkan dalam bentuk yang berlainan, berupa soalan atau dibangkitkan di dalam perbahasan Titah Ucapan Di Raja persidangan yang lalu, hasratnya adalah sama.

Tiap-tiap kali Ahli Yang Berhormat dari Petaling membangkitkan soal ini, Kerajaan telah memberikan jawapan dan huraian yang sejelas-jelasnya. Nampaknya, Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan juga rakan-rakannya sengaja tidak mahu memahami di atas

penjelasan yang telah dihuraikan oleh Kerajaan dan masih mahu terus membazirkan masa dan tenaga Dewan yang mulia ini di atas satu perkara yang telah berkali-kali dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menerangkan sekali lagi berkenaan dengan Laporan Kabinet ini, sukaulah saya memberikan sedikit pandangan-pandangan atau observations yang telah dibangkitkan atau telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan juga rakan-rakannya.

Pada keseluruhannya, perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini tadi sebenarnya tidaklah merupakan perkara yang baru, tetapi rekod-rekod yang lama dimainkan sekali lagi dalam Dewan ini. Dan juga perkara ini sudah beberapa kali kita menjawab dan juga memberikan penjelasan baik dari segi soalan ataupun perbincangan-perbincangan yang lain. Dan juga mereka cuma ambil kesempatan pada hari ini dalam usul ini untuk mengungkit-ungkitkan sekali lagi perkara-perkara itu. Jadi inilah barangkali satu corak DAP yang mana kita sejak beberapa tahun yang lalu sudah tahulah pengalaman mereka atau amalan mereka. Tetapi satu hal barangkali kita bangga juga kerana dalam ucapan-ucapan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu ada secara langsung atau tidak langsung sudah sentuh kejayaan kejayaan Kerajaan. Mereka pun ada menyentuh perkara berkenaan dengan penyelewengan-penyelewengan, tetapi satu hal saya bersedih sedikit oleh kerana penyelewengan itu cuma dicurahkan kepada Jawatankuasa Kabinet atau Kerajaan dan mereka sendiri tidak mengatakan mereka ada menyeleweng.

Ada satu hal kecil sahaja Yang Berhormat dari Petaling sendiri pun ada sebut tadi berkenaan dengan menghantarkan anak-anak keluar negeri belajar. Jadi perkara ini saya berharaplah Yang Berhormat dari Petaling sendiri dan juga Ketua Parti DAP sendiri Yang Berhormat dari Seremban pun faham perkara ini, jadi janganlah dikatakan orang buat sahaja dan mereka tidak buat.

Dalam ucapan-ucapan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang kita boleh mengambil satu kesimpulan iaitu mereka sudah mengadakan kekeliruan antara mereka sendiri iaitu tidak dapat membezakan dengan dasar dan sistem atau pelaksanaan berkenaan dengan Dasar

Pelajaran Kebangsaan kita. Jadi ini mereka sendiri sudah tidak mengikuti usul ini untuk membincangkan mengenai perkara-perkara itu.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah katakan di sini iaitu berkenaan dengan ketaatsetiaan kepada negara dan juga implikasi masyarakat kita. Ini satu hal melalui sistem kita tentulah jikalau tidak terdapat parti DAP mengapi-apikan atau menyoal-nyoalkan perkara-perkara itu di mana-mana pun, saya yakin negara kita boleh mencapai matlamat khasnya ketaatsetiaan kepada negara kita oleh masyarakat kita. Dan juga perkara-perkara yang telah dibangkitkan ada banyak berkaitan dengan ekonomi negara berkenaan dengan pekerjaan negara dan saya suka jikalau Ahli Yang Berhormat dari DAP dapat lebih memahami sedalam-dalamnya Dasar Ekonomi Baru kita dan sudah disokong, diluluskan dalam Dewan ini. Saya berharaplah mereka boleh memahami lebih mendalam lagi maksud, tujuan dan matlamat Kerajaan, jikalau mereka boleh memahami lebih mendalam lagi . . . .

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat!

**Dato' Chan Siang Sun:** Saya tidak berijalan, dia sudah mengambil masa panjang Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik teruskan! (*Tepuk*)

**Dato' Chan Siang Sun:** Jadi kalau dapat lebih memahami Dasar Ekonomi Baru kita di dalam tanahair kita pada hari ini dan masa-masa akan datang saya fikir kita boleh menjadi lebih rasional dan lebih reality untuk menghadapi perkara-perkara di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu hal saya berasa sedih sedikit, oleh kerana sudah banyak kelemahan-kelemahan atau penyelewengan telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP tadi, tetapi ada kejayaan-kejayaan yang kita telah capai dan kita telah dapat membawakan taraf atau mutu pelajaran kebangsaan di dalam negara kita kepada satu peringkat yang kita patut dapat digembira

dan dibanggakan, tetapi sedikit pun tidak disentuh. Tetapi dalam ucapan mereka tadi saya sudah katakan mula-mula lagi iaitu mereka tidak sedar sudah menyentuh banyak kejayaan kita, jadi ini dikatakan mereka sudah banyak kekeliruan di antara mereka sendiri.

Berkaitan dengan Laporan Kabinet ini dikatakan di dalamnya tidak ada Rancangan Lima Tahun atau rancangan jangka panjang dan sebagainya. Saya sudah memberi sedikit nasihat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang itu silalah baca bersungguh-sungguh, silalah baca dengan keseluruhannya sedalam-dalamnya, (*Tepuk*) jadi dapatlah 173 perakuan-perakuan itu bolehlah dapat lebih memahami perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu, jikalau boleh baca bersungguh-sungguh macam budak dalam sekolah (*Tepuk*) mesti dapat cari dalam Laporan Kabinet itu perakuan-perakuan dan juga langkah-langkah dan juga rancangan-rancangan Kerajaan akan dapat ambil untuk mengatasi perkara-perkara ini dan juga untuk membaiki mutu pelajaran kita dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak inginlah membuang masa di dalam Dewan ini, jadi saya baliklah sekali lagi kepada usul yang kita sedang bincangkan ini. Jadi izinkan saya sekali lagi untuk memaklumkan bahawa Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan tahun 1979 adalah satu laporan hasil dari kajian yang dibuat di atas pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita dan bukanlah kajian ke atas dasar pelajaran itu sendiri. Dengan perkataan lain kajian yang dibuat sama sekali tidak menyentuh asas-asas atau teras Dasar Pelajaran Kebangsaan yang sedia ada, tetapi hanya mengkaji serta menilai cara-cara pelaksanaannya agar menjadi lebih berkesan lagi dari segi pencapaian objektif dan matlamat yang ditetapkan. Usaha ini sebenarnya merupakan satu penilaian yang akan menghasilkan petunjuk-petunjuk bagi pengawasan dan sebagai usaha-usaha untuk mengkoordinasikan pelaksanaan dasar tersebut. Sayugia dimaklumkan bahawa penilaian seumpama ini adalah lazim dalam sesuatu dasar atau rancangan Kerajaan. Inilah hasrat Kerajaan sebenarnya menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan

Perdana Menteri dalam tahun 1974 dengan tujuan untuk mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

Sukalah saya memaklumkan juga kepada Dewan yang mulia ini bahawa Jawatankuasa Kabinet ini telah meneliti dengan sehalus-halusnya, sebanyak 302 memorandum yang diterima daripada badan-badan politik, kesatuan-kesatuan, majlis-majlis dan kumpulan-kumpulan lain dan orang-orang perseorangan di dalam proses pengkajian yang dibuat. Di samping ini juga Kerajaan sendiri telah meneliti dengan sehalus-halusnya semua perkara-perkara yang terkandung di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet tersebut serta membuat beberapa pindaan-pindaan yang difikirkan perlu, Kerajaan telah berpuashati bahawa perakuan-perakuan yang dibuat itu merupakan cadangan-cadangan yang terbaik dalam keadaan sekarang yang kita ikuti untuk melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita untuk mencapai cita-cita negara bagi melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih. Memang sudah lazim bahawa laporan seperti ini tidak akan dapat memenuhi kehendak semua pihak dan lapisan masyarakat di dalam negara kita ini . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung besok?

**Dato' Chan Siang Chan:** Baik.

#### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

#### UCAPAN PENANGGUHAN

**Pemimpin-pemimpin Politik dihalang menghantar anak-anaknya ke seberang laut untuk pelajaran**

6.31 ptg.

**Tuan Lim Cho Hock (Ipoh):** Pemimpin-pemimpin MCA, Gerakan dan MIC patut dihalang menghantar anak-anak mereka ke

seberang laut untuk belajar. Pemimpin-pemimpin mereka, saya ingat ialah hipokrit yang besar. Mereka sokong Kerajaan . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan mengadakan satu tuduhan sangkaan tidak baik.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tetapi itu patut dan benar!

**Tuan Yang di-Pertua:** Patut atau tidak patut, peraturan tidak benarkan!

**Tuan Lim Cho Hock:** "Hipokrit" ialah pemimpin-pemimpin yang berpura-pura.

**Tuan Yang di-Pertua:** "Hipokrit" ertinya berpura-pura itu betul-tetapi itu adalah sangkaan tidak baik.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tetapi saya beri sebab-sebab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh! Yang lain boleh cakap; "hipokrit" ini tidak usahlah.

**Tuan Lim Cho Hock:** Mereka sangat kuat sokong Kerajaan di bidang sistem pelajaran tetapi saya tidak faham mengapa mereka hantar anak-anak mereka ke Singapura, Canada, USA dan lain-lain untuk pelajaran rendah dan menengah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sahaja? (*Ketawa*)

6.33 ptg.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, ingin saya memberi sedikit pengertian dari ucapan penangguhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh; ucapannya yang pendek itu.

Dari ucapan tersebut jelaslah kepada kita sikap Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang ini terhadap Dasar Pelajaran Kebangsaan kita. Ucapan itu sengaja dikeluarkan dengan tujuan untuk meletakkan Kerajaan di dalam keadaan yang serba salah dan semata-mata bertujuan untuk memancing undi pihak yang diharap dapat menyokong perjuangan yang berlandaskan sentimen dari parti DAP. Ini jelas di mana Ahli Yang Berhormat itu hanya mencadangkan supaya larangan ini dikenakan kepada pemimpin-pemimpin dalam MCA, Gerakan dan MIC sahaja; sedangkan pihak-pihak lain tidak

pula dihalang menghantar anak-anak mereka belajar ke seberang laut malah mungkin ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang sendiri yang menghantar anak belajar ke seberang laut iaitu saya tujukan kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan juga dari Seremban. Mereka kedua tentulah tahu perkara itu sendiri.

Negara kita adalah mengamalkan sistem demokrasi dan kita memberi kebebasan kepada sesiapa sahaja untuk menghantar anak-anak mereka belajar di seberang laut bagi maksud menimba ilmu pengetahuan, pengetahuan tidak ada batasan. Menyekat mana-mana pihak bererti kita telah mengepikan hak kebebasan dan juga amalan menimba ilmu pengetahuan yang sememangnya bersifat "tawar dadah". Kita akan hanya menghalangkan kebebasan tersebut kiranya kepentingan negara adalah terancam. Setakat ini saya tidak nampak bagaimana menghantar anak belajar ke seberang laut boleh mengancam kepentingan negara. Kita juga tidak bercadang untuk menyekat sesiapa juga yang mampu untuk menghantar anak-anak ke seberang laut. Ini meliputi Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan Seremban juga. Mereka belajar di seberang laut kerana ini akan membolehkan mereka yang tidak mampu mendapat peluang pelajaran yang lebih di dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, soal kepercayaan pemimpin-pemimpin di dalam MCA, Gerakan atau MIC terhadap Dasar Pelajaran Kebangsaan tidak timbul. Mungkin ini adalah kebetulan sahaja oleh kerana di antara mereka yang mampu itu termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah mengambil kesempatan ini untuk menjadikan satu isu bagi maksud kepentingan politik semata-mata. Walhal telah beberapa kali ditegaskan di Dewan Yang Mulia ini bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan telah diterima oleh rakyat. Dengan demikian soal tidak percaya seharusnya menunjukkan contoh yang mereka percaya sepenuhnya terhadap dasar tersebut tidaklah berbangkit.

Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum bahawa mutu pelajaran di semua peringkat di negara ini adalah setara dengan lain-lain negara. Ini telah terbukti di mana melalui Sistem Pelajaran Kebangsaan kita, negara telah berjaya mengeluarkan ramai bijak pandai yang telah berjaya memberi perkhidmatan dan yang membanggakan sama

ada professional ataupun bukan professional. Dengan lain perkataan soal kebebasan kepada kemampuan Sistem Pelajaran Kebangsaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak berasas sama sekali.

Seperti yang telah saya sebutkan tadi pada masa ini institusi-institusi pengajian kita masih dalam peringkat perkembangan. Pada masa ini tidak semua kursus yang hendak diikuti terdapat di pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita. Dengan demikian mereka yang mampu dan mempunyai minat di dalam bidang-bidang ini boleh mendapatkan pelajaran tersebut di seberang laut. Sekiranya mereka ini disekat daripada belajar di seberang laut dikhuatiri ini akan menjejaskan bekalan tenaga-tenaga mahir dan kepakaran bagi negara kita yang sedang membangun ini.

Saya kurang pasti negara mana di dunia ini yang pemimpinya begitu singkat fikiran hingga sanggup menutup peluang pelajaran kepada rakyat seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu. Rakyat hendaklah diberi peluang memberi perhatian di bidang yang lebih luas dan tidak bersikap seperti katak di bawah tempurung (frog in the well) (*Tepuk*) sekiranya negara hendak maju membangun.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menamatkan ucapan saya, ini agak panjang sedikit, inginlah saya mengulas sekali terhadap tomahan dari pihak Pembangkang yang mengatakan perbuatan menghantar anak-anak belajar ke seberang laut adalah satu perbuatan yang tidak jujur. Pada anggapan saya kejujuran seseorang ini bukanlah terletak pada sama ada beliau menghantar anak belajar ke seberang laut ataupun tidak. Kejujuran seseorang itu dapat diukur kepada kepercayaan yang diberi oleh rakyat. Setakat

ini rakyat telah membuktikan kepercayaan mereka kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (*Tepuk*). Mungkin yang tidak jujur adalah pemimpin-pemimpin dari pihak Pembangkang sendiri di mana telah sengaja menggunakan isu-isu seperti ini semata-mata untuk kepentingan mereka sahaja.

Mereka mengetahui masalah yang dihadapi oleh negara dari segi mengadakan peluang pelajaran tetapi dalam satu nada yang lain pula mencadangkan supaya pihak-pihak tertentu disekat menghantar anak-anak belajar di seberang laut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

**Dato' Chan Siang Sun:** Di manakah kejujuran pihak Pembangkang untuk memberi pandangan yang sihat dan juga membantu Kerajaan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara kita? Seperti yang telah saya katakan pada awal lagi, Tuan Yang di-Pertua, ucapan yang dibuat cuma pendek oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu adalah semata-mata bertujuan untuk meletakkan Kerajaan di dalam keadaan yang sulit bagi mencapai maksud kepentingan politik tertentu pihak DAP (*Tepuk*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, satu usul yang telah disokong bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari Selasa, 10hb Jun, 1980.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.41 petang.*